

**Bil. 69**

**Isnin  
6 November 2006**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS  
PENGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

## K A N D U N G A N

<b>MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M 18(1):</b> - <b>Memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan</b> <i>YB Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]</i>	(Halaman 22)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 23)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2007 <b><u>Jawatankuasa:</u></b> <b><u>Jadual:</u></b> Maksud B.1 hingga B.9 dan B.40	(Halaman 24)
<b>USUL:</b> Anggaran Pembangunan 2007 <b><u>Jawatankuasa:</u></b> Maksud P.6 dan P.7	(Halaman 24)

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) – UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. ” Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) - MCA.
20. " Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop - *Senator*
21. " Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. " Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
24. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. " Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) - UMNO

7. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. ” Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN

31. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - *Senator*

#### **SETIAUSAHA PARLIMEN**

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA

15. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) – MIC

### **AHLI-AHLI**

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA

27. Yang Berhormat Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) -MCA
65. ” Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP

67. Yang Berhormat Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. ” Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA

107. Yang Berhormat Dato' Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
108. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. " Dato' Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. " Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. " Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. " Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
114. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. " Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. " Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. " Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. " Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. " Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. " Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
121. " Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. " Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. " Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. " Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. " Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. " Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. " Dato' Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. " Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) – PBS

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Haji Kamaruddin bin Mohamed Baria

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mahmood bin Adam

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

Nurul Shahida binti Haji Ahmad



**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**ISNIN, 06 November 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006; dan
2. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006;

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**[Soalan No. 1 – Yang Berhormat Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) tidak hadir]**

**[Soalan No. 2 – Yang Berhormat Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) tidak hadir]**

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya terlebih dahulu mengalu-alukan pelajar dan pensyarah daripada Institut PERKIM-Goon Pulau Pinang hadir di Dewan yang mulia pada pagi ini... *[Tepuk]*

**3. Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) bagaimana keberkesanan program-program pembasmian kemiskinan seperti Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Latihan dan Pendidikan (PLP) dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) diukur; dan
- (b) adakah kementerian menjalankan pemantauan terhadap para peserta program-program ini untuk melihat apakah pendapatan mereka telah bertambah dan boleh keluar dari aras kemiskinan tanpa bantuan lagi.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Dr. Tiki anak Lafe]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Labuan. Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan yang meliputi, antaranya Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Latihan dan Pendidikan (PLP) dan Program Peningkatan Pendapatan, dengan memberi tumpuan kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang terdiri daripada golongan miskin dan golongan miskin tegar.

Keberkesanan hasil pelaksanaan Program Pembangunan Minda Insan, Program Latihan dan Pendidikan dan Program Peningkatan Pendapatan hanya dapat diukur melalui *outcome* yang diperoleh daripada program-program tersebut iaitu penempatan yang diterima oleh peserta miskin tegar yang berkenaan.

Bagi Program Pembangunan Minda Insan, *output* program ini adalah bilangan peserta yang telah dilibatkan dalam kursus, manakala *outcome* yang dikehendaki daripada kursus tersebut adalah perubahan sikap peserta yang dapat dihasilkan setelah mengikuti kursus yang pada akhirnya dapat mendorong dan mencetuskan iltizam mereka untuk berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan pendapatan serta sara hidup masing-masing.

Bagi Program Latihan dan Pendidikan, *outcome* yang dikehendaki daripada peserta yang telah menghadiri kursus latihan kemahiran sebagai *output* ialah keupayaan memperoleh pekerjaan dan pendapatan lumayan hasil daripada kemahiran yang dimiliki. Kemahiran yang telah diperoleh membolehkan mereka bekerja sendiri ataupun bekerja dengan majikan dan memperoleh pendapatan yang lebih baik dan berkekalan.

Kepada pelajar yang menghadiri kursus pendidikan seperti kelas tuisyen dan kursus kecemerlangan pendidikan yang merupakan *output*, mereka akan mempunyai motivasi dan semangat untuk berusaha bersungguh-sungguh meningkatkan pencapaian tahap pendidikan masing-masing dan dalam jangka masa panjang, mencapai kejayaan akademi dan mendapat pekerjaan yang bergaji tinggi dan seterusnya membebaskan diri serta keluarga daripada belunggu kemiskinan, sebagai *outcome* kepada program pendidikan ini.

Jadi, bagi Program Peningkatan Pendapatan pula, *output program* adalah bilangan peserta yang terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi iaitu pertanian, pemprosesan berasaskan pertanian, perniagaan dan perkhidmatan kecil-kecilan. Manakala *outcome* nya adalah pendapatan utama atau pendapatan tambahan yang diperoleh secara berterusan yang melebihi paras kemiskinan tegar semasa yang ditetapkan oleh kerajaan bagi mencapai tahap kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Bagi memastikan pelaksanaan program-program di atas memberikan kesan yang positif, kementerian telah melaksanakan kerja-kerja pemantauan. Pemantauan pelaksanaan program-program ini dilakukan dengan kerjasama semua agensi pelaksanaan di peringkat negeri, iaitu termasuk agensi pelaksana di peringkat daerah serta NGO ataupun swasta yang terlibat dengan pelaksanaan program-program ini.

Sekian. Terima kasih.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggariskan empat program utama untuk memesatkan pelaksanaan program dan pembasmian kemiskinan dalam Bajet 2007. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi berkata, kesemua program itu bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan tegar yang melibatkan 67 ribu isi rumah.

Menurutnya jumlah itu termasuk usaha mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan daripada 5.7% pada tahun 2004 kepada 2.9% pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan dengan jumlah RM578 juta diperuntukkan dalam program pembasmian kemiskinan ini.

Program pertama ialah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang disediakan untuk golongan miskin dengan peruntukan RM156 juta.

Program kedua ialah Pembangunan Orang Asli yang melibatkan peruntukan RM144 juta termasuk penempatan tersusun, kegiatan ekonomi dan infrastruktur sosial mereka.

Program ketiga pula ialah Program Pembangunan Ladang Rakyat oleh FELCRA yang meliputi kawasan seluas 2,500 hektar dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat?

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** ...Penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:** Yang keempat – pembukaan ladang getah oleh Lembaga Industri Getah Sabah seluas 2,000 hektar di Pitas.

Soalan saya, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dengan lanjut berkenaan dengan program-program berkenaan dan menyatakan pelan tindakan Kementerian untuk melaksanakan atau dalam bahasa Inggeris, *to put this plan into action*, dengan izin, dan menyatakan, apakah antara elemen-elemen penting bagi memastikan kejayaan keempat-empat program tersebut? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Labuan.

Yang Berhormat telah menyebut tentang empat program yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya empat program yang telah diumumkan ini adalah merupakan program-program perintis di antara program *high impact project*, dengan izin.

Buat masa sekarang, di antara empat program itu, hanya Pulau Banggi sahaja yang sudah dapat dilaksanakan. Manakala yang lain masih lagi dalam rangka *planning* dengan izin, dan dari segi peruntukan yang telah diluluskan, Kementerian telah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh timbalan ketua setiasaha di Kementerian untuk mengenal pasti pengisian program-program yang telah diumumkan itu supaya nanti apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dapat kita pastikan supaya tidak ada masalah akan timbul. Jadi di antara program yang telah diumumkan itu adalah program bersepadu di Pulau Banggi, Sabah, program di bawah KESEDAR Kelantan, Wilayah Ganda di Grik, Perak dan rancangan kemajuan tanah di Gahai, Lipis Pahang. Sekian, terima kasih. .

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat Hari Raya, maaf zahir batin kepada semua. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah program-program yang dilaksanakan oleh Kementerian ini memang banyak tetapi masalahnya, kalau kawasan saya boleh digunakan sebagai suatu kayu pengukur, saya tidak melihat satu pun program ini dilaksanakan.

Persoalannya sama ada Ahli Parlimen itu disisih daripada diberikan pengetahuan daripada program-program ini ataupun pegawai tidak buat kerja. Atau pun kerajaan tidak mempunyai data, maklumat - siapa yang miskin, siapa yang kaya di dalam kawasan-kawasan di dalam negara ini. Atau pun macam mana kerajaan melaksanakan program kalau tidak mempunyai data dan maklumat khususnya siapa orang miskin, siapa orang boleh dibantu dalam program ini dan apa tindakan kerajaan seterusnya. Terima kasih.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu tadi tidak berapa tepat oleh kerana yang saya sebutkan tadi adalah mengenai dengan program-program yang dilaksanakan di seluruh negara dan saya rasa dan saya tahu bahawa program PPMI misalnya dan juga PLP dan PPP baru dilaksanakan pada minggu yang lepas di kawasan Ahli Yang Berhormat. Secara kebetulan masih lagi....

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Maknanya Ahli Parlimen tidak beritahulah itu?...

**Beberapa Ahli:** Itulah!

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Itu soalnya.

**Datuk Dr. Tiki anak Lafe:** Itu bukanlah isu Ahli Parlimen tidak diberitahu atau tidak, tetapi ini adalah program yang dilaksanakan oleh agensi PPP atau PPN iaitu SDO Kerajaan Negeri Sarawak di bawah Pengarah SDO dan dilaksanakan melalui pejabat daerah masing-masing. Selalunya di dalam Jawatankuasa Tindakan Daerah iaitu *District Action Committee Meeting*, mereka membincangkan perkara ini dan saya selalu dijemput untuk hadir di dalam mesyuarat ini dan di situlah kita membincang, merancang dan melaksanakan program-program ini.

Yang kedua, mengenai dengan sama ada, ada data atau tidak, itu saya setuju kerana Kementerian dalam masa Rancangan Malaysia Kelapan belum lagi mempunyai data mengenai rakyat atau jumlah rakyat yang miskin atau miskin tegar dan hanya sekarang sahaja kita mendapat data yang terkini dan bagi negeri Sabah, sudah muktamad tetapi bagi negeri Sarawak masih lagi kita tunggu data-data yang dipersetujui oleh kerajaan negeri. Sekian, terima kasih.

**4. Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah perubahan-perubahan dari segi dasar, amalan dan peruntukan (*policy, practice and legislation*) yang telah dibuat oleh kerajaan dalam merealisasikan objektif-objektif Pelan Integriti Nasional setelah dua tahun pelan tersebut diperkenalkan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penggubalan Pelan Integriti Nasional ataupun PIN bertujuan membentuk sebuah masyarakat yang bermoral, beretika tinggi serta mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh selaras dengan matlamat misi nasional dan Wawasan 2020.

Dari segi dasar, pelaksanaan PIN akan dipergiatkan dengan memberi penekanan kepada beberapa bidang keutamaan. Umpamanya, amalan perniagaan beretika dan program tanggungjawab sosial ataupun dalam bahasa Inggerisnya, dengan izin, *corporate social responsibility* akan digalakkan untuk menambah baik tadbir urus korporat. Usaha ini akan digembleng ke arah menghapuskan peluang melakukan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa, manfaat daripada tadbir urus yang baik.

Langkah ini bukan sahaja dapat membantu pencapaian matlamat pembangunan negara tetapi juga menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dan menarik kepada pelabur asing. Dari segi amalan, pelbagai usaha telah dilakukan untuk membudayakan integriti di kalangan semua sektor masyarakat termasuk sektor awam dan sektor swasta. Umpamanya sebahagian besar daripada Kementerian telah mewujudkan pelan integriti di peringkat Kementerian untuk memudahkan lagi pelaksanaan PIN mengikut keperluan Kementerian masing-masing.

Di samping itu setiap negeri juga telah atau sedang dalam proses menubuhkan Institut Integriti Negeri atau IIN, dan akan melaksanakan program-program integriti di negeri masing-masing. Sektor awam juga aktif menganjurkan program-program bertemakan integriti dan nilai-nilai murni sama ada secara bersendirian ataupun secara anjuran bersama dengan IIN serta agensi-agensi yang bersesuaian.

Bagi sektor swasta pula, pelancaran 'Buku Hijau' dan 'Buku Merah' sempena program transformasi GLC pada 26 April 2006 yang lalu telah menggariskan keperluan syarikat-syarikat berkaitan. Kerajaan mengambil langkah untuk mematuhi program transformasi GLC. Sebagai permulaan, program-program yang memberi penumpuan kepada sistem perolehan yang telus serta fungsi lembaga pengarah yang efektif dan bertanggungjawab telah dilancarkan.

Kerajaan juga sedang dalam usaha merancang 'Buku Perak' atau '*Silver Book*' yang akan memberikan rangka panduan bagaimana GLC dapat melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mereka dengan lebih aktif. Keutamaan dalam perkara ini ialah agar lahir syarikat-syarikat korporat yang dilihat lebih berintegriti dan mengambil berat terhadap kebajikan masyarakat.

Dari segi perundangan, kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha untuk menambahbaikkan undang-undang negara termasuk yang berkenaan dengan pengukuhan nilai-nilai etika dan integriti.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Integriti telah ditubuhkan bertujuan untuk mendapat pandangan pelbagai kumpulan dalam masyarakat dan isu-isu berkaitan integriti dan seterusnya mengemukakan syorsyornya. Dengan mengambil langkah-langkah tersebut, kerajaan yakin bahawa objektif Pelan Integriti Nasional mampu tercapai.

**Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memandangkan tugas untuk melaksanakan PIN ini diletakkan di atas bahu Institut Integriti Nasional, adakah IIN ini juga tertakluk kepada KPI. KPI juga dikenakan kepada agensi-agensi lain.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah sebagai satu badan yang menjaga integriti, kita akan kurang berkeyakinan kalau sekiranya agensi seperti ini dikecualikan. Di dalam ini, memang dia dikenakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Apa guna Yang Berhormat cakap mengenai CSR iaitu *corporate social responsibility* dan integriti dalam sektor korporat apabila Yang Berhormat baru-baru ini kata bahawa, *UMNO money politics* dan korupsi politik kecuali daripada *Anti Corruption Act*, daripada siasatan Badan Pencegah Rasuah ada kekebalan, khasnya apabila sebenarnya masalah korupsi yang berbahaya di negara ini, *root cause* ialah *money politics* UMNO? *UMNO money politics, root cause* korupsi di negara ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat, soalan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dan adakah pendirian Yang Berhormat Menteri ini, bahawa *money politics* kecuali daripada *Anti Corruption Act* atau ACA adalah ini pendirian kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri? Adakah dapat persetujuan Peguam Negara? Dan kalau tidak, kenapa Yang Berhormat Menteri boleh membuat satu pendirian ini yang begitu *furnishes doctrine*, yang subversif kepada *National Integrity Plan*? Khasnya apabila *National Integrity Plan* ini adalah beberapa bab mengenai *integrity of political party, corporate sector* selain daripada *public sector*?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap tentang perkara ini, bukan mengatakan iaitu bahawa UMNO punya *money politic* yang dimaksudkan itu, dikecualikan. Kita kena tengok, iaitu bahawa banyak perkara yang dianggapkan sebagai kesalahan di dalam parti itu sebenarnya tidak merupakan kesalahan di bawah ACA. Sebagai contoh, kalau kita bertanding untuk jawatan Ketua Bahagian, saya bercadang untuk bertanding. Maka, saya akan panggil membuat satu perjumpaan makan malam. Panggil perwakilan, kemudian saya akan menerangkan mengapa saya hendak bertanding. Daripada segi kesalahan di bawah ACA, dia tidak merupakan kesalahan tetapi di dalam UMNO, ia merupakan kesalahan kerana kita meletakkan lebih tinggi lagi daripada...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Adakah kekebalan, ....*any immunity or not?*

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Mana ada kekebalan? Saya tidak..

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu contoh-contoh sikit-sikit, ada *immunity?*... [Dewan riuh].

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tak adalah. Saya bercakap tentang *money politic* dalam UMNO.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini soalan bodoh!!!

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan ganggu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Cuma melakukan *many corruption*. So *corrupt!*... [Dewan riuh]

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia takut! Dia takut, bila saya hendak jawab!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ha, jawab!!

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Dia takut. Saya beritahu, iaitu bahawa ada kesalahan yang dianggap oleh Badan Disiplin UMNO, sebagai kesalahan tetapi mengikut ACA, tidak kesalahan. Itu maksud saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Sebagai contoh, maknanya kalau kita mengadakan perhimpunan perwakilan tahunan. Kadangkala kawasan kalau di negeri Sabah, kalau macam Bung, begitu luas. Maka kita bagi tambang. Kita bagi wang untuk bayaran petrol. Ini dianggap sebagai rasuah oleh Badan Disiplin UMNO tetapi di dalam ACA, dia tidak merupakan kesalahan. Sebab itu, kita tidak boleh samakan kesalahan di dalam parti politik, dalam UMNO dengan apa yang dianggap sebagai kesalahan di bawah ACA. Sebab itulah, banyak daripada kes-kes yang dikenakan disiplin oleh Parti UMNO, Badan Disiplin, tidak diambil tindakan kerana ia tidak merupakan kesalahan. Itu sahaja. Jangan dok mengamuklah! Ini Hari Raya.... [*Dewan riu*] [*Ketawa*] Ya? *Okay*, terima kasih.

5. **Datuk Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, berapa banyak diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sabah untuk tujuan landskap.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan. *Bismillahi Rahmani Rahim*.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, melalui Jabatan Landskap Negara dalam Hala Tuju Pembangunan Landskap Negara ke arah menjadikan Malaysia negara taman yang terindah menjelang tahun 2020, telah merangka program dan projek. Di antaranya, pembangunan taman awam, pembangunan landskap promosi dan pembangunan industri landskap, penyelidikan dan pemuliharaan serta pengurusan landskap di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Bagi pembangunan landskap negeri Sabah sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Landskap Negara telah merancang dan merangka projek dan program pembangunan yang mana ianya melibatkan peruntukan sebanyak RM22,460,744.00. Pelaksanaan projek akan dijalankan secara berperingkat-peringkat mengikut perancangan dan peruntukan tahunan sepanjang lima tahun dan dalam semakan Rancangan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita dapati bahawa peruntukan begitu banyak dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi sebelum ini, kita diberitahu banyak peruntukan diberi. Bagi kawasan Tawau, saya dapati bahawa tahun 2004/2005, tidak ada satu sen pun dibagi. Tahun 2006, ada dalam rancangan RM630,000, tetapi *wallahu a'lam*. Ini akan jadi peruntukan atau nama peruntukan sahaja yang ada.

Jadi kita minta, kalau boleh kita minta kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada data-data, maka saya minta kalau boleh saya dibagi jawapan secara bertulis untuk 2004 yang sebenarnya, untuk negeri Sabah berapa? Sebab tadi, kita dapati Rancangan Malaysia Kesembilan, tahun 2004/2005, berapakah peruntukan yang telah dibagi, dan di mana kawasan-kawasan yang dibagi peruntukan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Untuk tahun 2004 dan 2005, saya minta supaya memberikannya secara bertulis tetapi untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bagi Kalabakan, bahawa untuk Tawau, kita mempunyai empat program iaitu yang pertamanya, Taman Awam Tawau Negeri Sabah yang peruntukannya telah mempunyai siling RM3 juta, akan dimulakan pada tahun 2008. Bagi menaiktarafkan taman awam pula, kita akan menaikkan Taman Awam Majlis Daerah Tawau, akan dijalankan pada tahun hadapan 2007 dengan peruntukan RM300 ribu. Kita juga sedang melaksanakan pelan induk landskap untuk Tawau itu sendiri dan apabila pelan induk landskap ini siap, maka segala perancangan untuk landskap Daerah Tawau itu akan berasaskan pelan induk landskap ini untuk makluman Yang Berhormat.

Selain daripada itu juga, di bawah Program Penghijauan negara kita, bagi Tawau, kita mencadangkan pembangunan landskap Jalan Protokol Majlis Daerah Tawau dengan peruntukan sebanyak RM180 ribu yang sebenarnya sedang berjalan pun dalam tahun 2006 ini Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Suasana masih hari raya Tuan Yang di-Pertua. Cuma tidak bermakna, kita tidak boleh menyuarakan masalah. Iaitu saya dukacita dengan Kementerian ini iaitu dalam program Rancangan Malaysia Kesembilan, cuma RM22,460,000 untuk Sabah. Bagaimana hendak memajukan negeri Sabah dalam industri *landscaping* dengan peruntukan yang sebegini? Saya mahu tanya, berapa peruntukan di seluruh negara? Sarawak, berapa? Bagaimana kita boleh maju kalau begini? Untuk memajukan sebuah daerah bandar raya dengan RM22 juta?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi nampak tidak serius Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan satu perancangan penghinaan oleh Kementerian ini kepada masyarakat di Sabah!!

**Tuan Yang di-Pertua:** ya, ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kena di *review* peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua!

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, baik. Sila, Yang Berhormat.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat. Selamat Hari Raya Adil Fitri, maaf zahir dan batin.... [*Dewan riu*] [*Ketawa*] Untuk makluman Yang Berhormat, untuk sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Landskap Negara yang mendapat RM360,110,127 untuk seluruh negara. Dan saya mempunyai jumlah-jumlah untuk negeri-negeri. Nanti saya akan berikan kepada Yang Berhormat. Saya akan berikan senarai ini kepada Yang Berhormat. Jika kita merasakan bahawa jumlah RM361 juta ini tidak mencukupi untuk mengindahkan seluruh negara kita, insya-Allah bolehlah dengan permintaan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita mengemukakan lagi permintaan untuk *midterm review*, insya-Allah. Terima kasih.

[*Soalan No. 6 - Yang Berhormat Dato' Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir*]

**7. Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh manakah hasil kajian yang dijalankan terhadap benih-benih baru pertanian yang dilaksanakan oleh MARDI. Adakah ia memberikan kejayaan dalam meningkatkan mutu dan taraf hidup petani?

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, MARDI secara aktif terlibat di dalam penyelidikan dan pengeluaran bahan tanaman seperti biji benih, anak benih cantuman, sulur dan kacukan daripada pelbagai tanaman dan herba terpilih.

Dalam setiap penghasilan biji benih, penekanan diberi ke atas kualiti dan mutu. Untuk sistem kualiti ini, MARDI menggunakan peraturan di bawah *International Seed Testing Association* atau ISTA, dan juga yang dikeluarkan oleh SIRIM di kawasan ladang dan juga di dalam makmal. MARDI juga telah dianugerahkan Persijilan MS ISO 9001 iaitu pada tahun 2000 untuk pengeluaran biji benih asas padi, pengeluaran biji benih Betik Eksotika dan Eksotika II serta pengeluaran anak benih dan pokok cantuman buah-buahan. MARDI juga bekerjasama dengan pelbagai agensi lain di dalam memastikan keperluan biji benih untuk petani dipenuhi. Agensi terbabit adalah seperti Jabatan Pertanian, MADA, KADA, LPP, FELCRA, KETARA, RISDA dan termasuk syarikat-syarikat swasta tempatan. MARDI mengeluarkan biji benih daripada varieti terpilih dan seterusnya memasarkan biji benih berkenaan kepada agensi yang terlibat untuk dijual kepada para petani. Di antara varieti baru tanaman yang telah berjaya dihasilkan oleh MARDI adalah seperti berikut:

- (i) MRQ varieti, MRQ 50 atau nama komersialnya Puteri iaitu padi, ia menyamai beras basmathi dan hasil pengeluaran yang tinggi dan kawasan tanaman ialah di Rompin Pahang di mana ia mampu meningkatkan hasil pendapatan petani sekitar 20-30%;
- (ii) Padi MRQ74 nama komersialnya Mas Wangi. Ia mempunyai ciri-ciri seperti beras wangi, bentuk yang tirus dan panjang;
- (iii) Betik Eksotika - ianya bersaiz kecil iaitu kita nampak betik ini bermacam-macam saiz tetapi dengan Betik Eksotika, kita mampu mengeluarkan macam satu saiz hampir semua sama iaitu dalam kira-kira berat sekilogram;
- (iv) Nanas Josapine di mana nanas ini adalah jenis yang cepat matang dan ia juga adalah boleh ditanam, mendapat hasil pembungaannya dari masa pembungaan dalam masa enam ke tujuh bulan dan juga mampu meningkatkan pendapatan petani dan ianya dieksport ke Hong Kong, Taiwan dan Jepun;
- (v) durian - jenis durian iaitu MDUR88, iaitu kacukan di antara D24 dan D10 dan ia adalah sesuatu yang telah menjadi kegemaran rakyat di Malaysia dan juga sesuai untuk dieksport sebab jangka hayatnya yang panjang;
- (vi) Mangga Chok Anan, ia ada macam-macam nama, sesuai ditanam di atas tanah marginal seperti di tanah bekas lombong dan ianya telah juga dapat meningkatkan hasil petani;
- (vii) satu lagi ialah orkid, melalui tisu kultur;
- (viii) limau bali di mana ianya juga dapat kita keluarkan dalam saiz yang sederhana iaitu satu hingga 1 hingga 1.2 kilogram; dan
- (ix) satu lagi yang saya memang tahu yang menjadi kegemaran Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Ciku Mega iaitu CM 19 ia punya nama dan ia memanglah juga bermutu tinggi walaupun rungutan banyak mengatakan di mana dapat benih ini dan ianya memang pada masa ini boleh didapati di Unit Benih dan Baka MARDI.

Terima kasih.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita berasa bangga di atas penemuan benih baru padi terutama untuk petani di Kedah, Kelantan dan sebagainya. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, di akhir-akhir ini terdengar bahawa kita ada benih baru, insya-Allah hasilnya bertambah tetapi akhir-akhir ini kita dapati bahawa, kita gembira sebenarnya, petani gembira kerana pengumuman kerajaan telah menaikkan dari RM550 satu tan kepada RM650 satu tan harga padi tetapi, potongan timbangan yang agak tinggi di Kedah dan Kelantan, paling kurang 25% potongan timbangan padi. Apakah tindakan kerajaan supaya menyekat ataupun larangan ataupun arahan perlu diberikan kepada pengilang supaya potongan timbangan tinggi tidak bermakna kita naik harga padi jika potongannya masih tinggi yang merugikan petani.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya menjawab dari segi penemuan biji benih jenis baru padi dahulu. Yang saya katakan tadi, MRQ dan sebenarnya pada tahun 2005, kita juga mengeluarkan benih padi asas iaitu MR219, 220, 211 dan 167. Campur juga tadi dengan MRQ 50 dan MRQ 70. Jadi sebenarnya MARDI memang berusaha untuk mengeluarkan lebih banyak lagi sebab satu, varieti-varieti baru ini ia kalis penyakit dan pada masa yang sama ia meningkatkan dari segi kuantiti iaitu ia boleh dikeluarkan berlebihan walaupun menggunakan tapak tanah yang sama.

Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi harga pada tadi, memanglah kita mencari yang terbaik dan baru-baru ini telah diluluskan oleh Kabinet bahawa harga padi telah dinaikkan kepada RM650 setan. Dan sekarang ini Yang Berhormat telah memberikan saya satu maklum balas dari segi potongan timbangan yang begitu tinggi. Sebab ini satu daripadanya ialah untuk kita hendak mengekalkan satu kualiti yang begitu tinggi, memastikan bahawa pengeluaran itu menggunakan kualiti yang begitu tinggi. Namun demikian, memang di dalam mesyuarat kita sering mengadakan percambahan fikiran sesama pegawai untuk mencari kaedah yang terbaik supaya apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini, tidak disalahgunakan. Jadi Yang Berhormat, terima kasih apabila Yang Berhormat mengatakan tadi potongan yang begitu tinggi sehingga 25%. Eloklah saya bawa balik segala maklumat yang Yang Berhormat berikan termasuk Yang Berhormat bagi Ketereh yang memberikan saya satu nota.

Terima kasih sebab apa sahaja yang baru kita laksanakan memang banyak kami mendapati ada dengan izin, *loopholes* sebab mereka ini pun pandai. Kita membuatkan satu jalan yang baik untuk petani tetapi ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab juga hendak meraih keuntungan. Padahal keuntungan ini lebih. Sebenarnya kita hendak memberikan ini kepada kumpulan sasar kita iaitu petani khususnya penanam padi tetapi tidak apa Yang Berhormat, kalau dapat, saya hendak mengaturkan satu pertemuan supaya pegawai saya boleh menerangkan dengan terperinci sebenarnya mekanisme yang kita jalankan untuk kita mengimplementasikan dari segi harga padi yang baru dan juga dari segi yang lain-lainnya supaya kita dapat sebenarnya memberi manfaat yang sebenar kepada petani. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan benih padi baru ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita dapati setiap kali benih baru yang dihasilkan terutamanya pada padi, saya lebih berminat pada padi, dikatakan ia tahan kepada bermacam-macam-macam penyakit tetapi apabila benih baru diberikan kepada petani, ada sahaja penyakit baru yang dihidang oleh benih padi baru ini. Misalnya sekarang ini di kawasan saya, selepas banjir ini, saya dapati banyak benih-benih siput gundang emas telah muncul di kawasan. Lepas banjir, saya melawat kawasan baru-baru ini, saya rasa kalau tidak sampai bilion pun, mungkin berjuta-juta telur siput gundang emas ini telah muncul di kawasan Pendang.

Jadi apakah peranan yang dimainkan oleh MARDI dengan kerjasama syarikat-syarikat pengeluaran racun untuk menghadapi musuh-musuh padi benih baru? Musuh baru untuk benih baru. Jadi saya harap pihak kementerian memberikan perhatian yang serius tentang musuh-musuh baru untuk benih baru ini. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, jadi sebenarnya soalan itu *appropriate* untuk dijawab kepada soalan nombor 12 atau 13, tetapi tidak apa. Ini juga Yang Berhormat, satu, memang seperti saya katakan, sebab ini dalam pertanian khususnya varieti baru dan sebagainya, ia *on going*, ia *living*, ia tidak berhenti setakat itu.

Jadi memang Yang Berhormat memang betul dengan penyakit baru, dengan kita kata kalis pada masa kita menemunya tetapi lepas itu tidak lagi tahan. Lepas itu memang ia sentiasa dijalankan penyelidikan. Terima kasih Yang Berhormat sebab Yang Berhormat telah mengutarakan sesuatu yang memang betul, memang benar dan kalau dapat saya minta Yang Berhormat bolehlah menggunakan laman *web* MARDI atau Pertanian untuk Yang Berhormat masukkan semula lagi apa Yang Berhormat katakan. Insya-Allah saya juga akan bawa mengenai penyakit-penyakit yang telah disebutkan dan saya pun tidak kompeten untuk menjawab di sini secara terus pada Yang Berhormat.

Saya berharap Yang Berhormat pun bersabar, kalau dapat saya minta Yang Berhormat pun bagi *feed back* kalau bertulis itu secara bertulis atau kalau hendak pergi ke laman *web* MARDI atau Jabatan Pertanian untuk kita menggunakan maklumat ini untuk kita mencari daya untuk memperbaiki dari segi penyakit dan onak..., *dot com*, *dot com* ini ya. Dia senang sahaja dia [www.mardi.my](http://www.mardi.my). Terima kasih.

8. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Perdana Menteri menyatakan tentang peruntukan RM15 bilion untuk melaksanakan 880 projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Apakah strategi pemantauan yang digunakan untuk memastikan impak dan kelancaran pelaksanaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]:** Tuan Yang di-Pertua, senarai 880 projek pembangunan yang diumumkan akan dilaksanakan melalui proses tender. Senarai projek ini merupakan senarai awal yang dikeluarkan dan kerajaan akan mengumumkan senarai selanjutnya dari semasa ke semasa selepas mendapat maklumat yang diperlukan daripada kementerian-kementerian terbabit. Dari 880 projek tersebut, 455 projek akan dibangunkan melalui peruntukan kewangan Rancangan Malaysia Kesembilan, sementara 425 projek pula akan dibangunkan melalui kaedah PFI iaitu *private finance initiative*.

Tuan Yang di-Pertua dari segi pemantauan satu metodologi pengurusan projek dan program atau PPP akan digunakan oleh kementerian dan agensi pelaksana. Ciri utama metodologi pengurusan projek dan program ini akan menerapkan amalan dan proses terbaik dalam perancangan dan pelaksanaan projek. Ini termasuk memastikan projek akan disiapkan pada kos yang berpatutan dan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Metodologi pengurusan projek dan program akan mengandungi pengurusan risiko untuk mengenal pasti risiko-risiko yang mungkin menjejaskan projek-projek dan mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko-risiko tersebut. Pengurusan projek dan program juga akan membangunkan kaedah yang terbukti untuk menilai kesan dan hasil yang tepat bagi memastikan program dan projek yang dilaksanakan mencapai matlamatnya.

Di samping itu Unit Penyelarasan Pemantauan telah dan sedang mengambil beberapa langkah pemantauan yang lebih berkesan dengan melaksanakan kaedah pemantauan secara makro dan secara mikro bagi mengesan sebarang masalah pelaksanaan di peringkat awal bagi membolehkan projek-projek disiapkan mengikut jadual. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) pengukuhan arahan Majlis Tindakan Negara yang merupakan *instrument* dan kaedah penting bagi membolehkan agensi pusat atau kementerian atau jabatan dan pihak pentadbiran negeri memantau dan mengesan isu atau masalah serta menjana cadangan penyelesaian terbaik. Di samping itu bagi meningkatkan keberkesanan pelaporan pemantauan perubahan telah dibuat kepada format pelaporan yang menekankan kepada keperluan *upfront reporting*;
- (ii) penambahbaikan dan pengukuhan sistem pemantauan projek serta peningkatan penggunaannya sebagai sumber utama maklumat pelbagai kementerian atau jabatan secara meluas dan berterusan;
- (iii) pendekatan tindakan *intervention* bagi mengenal pasti dan mengatasi isu atau masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek pembangunan;
- (iv) pemantauan prestasi kontraktor secara berjadual; dan
- (v) pembentangan laporan-laporan prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan dan Projek PFI dalam mesyuarat utama kerajaan serta menyediakan laporan bulanan mengenai prestasi pelaksanaan projek-projek pembangunan pelbagai kementerian yang dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga kepada menteri-menteri kementerian yang berkenaan.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan yang cukup komprehensif sebentar tadi. Yang penting kepada kita pemantauan ini adalah untuk memberi petunjuk prestasi yang tepat. Tentang ketepatan ini timbul beberapa persoalan terutamanya akhir-akhir ini daripada satu dakwaan yang dibuat oleh ASLI yang bertanya tentang dan mempersoalkan tentang prestasi ekuiti iaitu mereka menyatakan, ASLI menyatakan bahawa prestasi ekuiti bumiputera telah mencapai tahap 45% sedangkan dakwaan yang diberi di bawah pemantauan Rancangan Malaysia Kesembilan baru-baru ini menyatakan statusnya adalah 18.9%. Bagaimanakah pendapat dan huraian dan penjelasan berhubung dengan kriteria-kriteria yang ditunjukkan berbeza dengan begitu ketara sekali.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua seperti mana yang kita semua maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sendiri menyatakan bahawa dakwaan ASLI adalah tidak benar sama sekali...

**Seorang Ahli: [Menyampuk]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya teruskan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Bunyi apa pula itu Tuan Yang di-Pertua? Biarlah saya jawab sekejap lagi, bunyilah. Yang kedua saya ingin maklumkan bahawa amalan yang digunakan oleh kerajaan iaitu kita mendapat maklumat yang sebenar khususnya bagi pihak EPU dan juga Kementerian Kewangan. Kita mendapat maklumat sebenarnya daripada 600,000 syarikat umpamanya dan ia adalah syarikat yang sah. Dan di samping itu laporan yang kita buat setiap tahun melalui Jabatan Statistik dan juga pihak EPU, ICU dan kerajaan sendiri, ini bukan sahaja kita lapor kepada kita tetapi ia juga menjadi sebagai laporan kita kepada IMF dan World Bank. Jadi kita tidak boleh membuat laporan yang tidak tepat kerana World Bank, IMF juga akan mengenal pasti kalau laporan ini tidak benar ia akan melibatkan kredibiliti kerajaan. Jadi sebab itu apa yang dibuat oleh kerajaan adalah sesuatu yang benar dan tepat.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya Puchong.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai ekuiti ini bagi saya tidak ada kaitan Tuan Yang di-Pertua boleh saya tanya ataupun macam mana, soalan tambahan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Bagi saya ekuiti ini memang sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh saya tanya yang atas jawapan itu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Soalan tambahan berkaitan dengan soalan asal.

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** Ada asalnya tetapi dia dari soalan tambahan tadi Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bagi saya tidak ada berkaitan dengan ini... [Disorak] Saya bertanya mengenai soalan asal, mengenai strategi pemantauan mengenai projek-projek ini.

Dan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan satu jawatankuasa yang telah meluluskan tiga projek yang berjumlah RM40 bilion. Dan baru-baru ini Menteri yang *in charge* dengan izin, di bawah EPU telah mengumumkan bahawa 20 projek berjumlah RM100 bilion akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini dan juga 880 projek RM15 bilion.

Soalan asas saya ialah, bagaimana kerajaan dapat menjalankan atau melaksanakan projek dengan secepat mungkin, kerana dalam sekarang ini di akar umbi ini, di bawahan ini, rakyat telah merayu telah rasa bahawa kegiatan ekonomi ataupun tahap pencapaian ekonomi sekarang ini adalah lembap. Itu memang satu *feed back* daripada kebanyakan peniaga-peniaga SME. So apakah rancangan kerajaan untuk melaksanakan projek yang mempunyai, kononnya, yang mempunyai *high impact* ini di dalam masyarakat ini dan juga bagaimana kita boleh memastikan bahawa *effect spin-off* ini, ekonomi *spin-off* ini dapat dimanfaatkan kepada rakyat jelata yang sedang merasa kesusahan ini. Saya hendak mendapat sedikit penjelasan dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua seperti mana yang kita maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam bulan Mac yang lalu.

Jadi kita kena faham bahawa banyak kalau saya sebutkan di sini, ada beberapa kelemahan-kelemahan yang telah kita kenal pasti dalam Rancangan-Rancangan Malaysia yang lalu, kelemahan-kelemahan kecil. Yang ini yang kita kena perbetulkan di samping itu, apabila kita bentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan, yang kita hendak pastikan iaitu projek ini mesti sudah dilaksanakan dan mencapai matlamat. Itu sebab saya sebut tadi, kita kena melihat risiko-risikonya hendak pastikan bahawa perbelanjaan berpatutan, matlamat yang kita hendak itu tercapai sepenuhnya, kalau boleh 100%, kita hendak pastikan.

Dengan hal yang demikian, kita maklum bahawa boleh kalau saya hendak katakan, hari ini kita luluskan, esok dilaksanakan tetapi bagilah kepada sesiapa sahaja projek yang kita hendak dan kita tidak payah fikir prosedur dan peraturannya tetapi dengan dasar yang baru seperti yang saya jawab tadi iaitu kita hendak pastikan bahawa di satu pelaksanaannya, projek ini mencapai matlamat dan dilaksanakan mengikut seperti mana yang kita kehendaki dan ia akan mencapai kehendak-kehendak yang kita semua hasratkan supaya tidak timbul di belakang hari masalah projek terbengkalai, projek tidak siap dan sebagainya. Jadi ini juga dikenal pasti sebab itu dalam pengurusan projek dan program yang dianjurkan oleh Majlis Tindakan Negara, ini hendak pastikan supaya matlamat mencapai sepenuhnya.

**9. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kos yang sebenar untuk menyiapkan pembinaan Projek Bakun dan apakah rasional pembinaan kabel dasar lautan atau *under-ocean cable*, dan berapakah kos pembinaannya; dan
- (b) berapakah jumlah pampasan yang akan ditanggung kerajaan kepada kontraktor jika pembinaan tersebut dibatalkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri. Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Anggaran kos keseluruhan pembinaan Projek Hidroelektrik Bakun setakat ini adalah sebanyak RM7.6 bilion. Pembekalan tenaga elektrik melalui kabel dasar laut atau *under-ocean cable* telah diberi pertimbangan yang mendalam kerana harga bahan api seperti minyak, gas dan arang batu telah meningkat dengan mendadak sejak kebelakangan ini. Dengan ini adalah lebih ekonomik dalam jangka masa panjang, perjalanan elektrik menggunakan hidro yang tidak tertakluk kepada perubahan harga bahan api walaupun kos untuk pembinaan kabel dasar laut bagi membawa tenaga elektrik ke Semenanjung Malaysia adalah tinggi.

Kos penggunaan kabel dasar laut setakat ini masih belum dapat dikenal pasti dan ditentukan. Sebuah jawatankuasa pemandu kajian kemungkinan telah ditubuhkan Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti semua aspek yang berkaitan termasuk pembinaannya.

Bagi bahagian kedua soalan iaitu,

- (b) Kerajaan masih belum memutuskan pembinaan kabel dasar laut. Oleh itu isu mengenai pembayaran pampasan kepada kontraktor jika projek dibatalkan tidak berbangkit Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih.

**Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab. Saya ingin bertanya memandangkan projek ini di Sarawak dan di atas pengorbanan rakyat Sarawak, suku kaum Kenyah, Kayan, Penan dan lain-lain dan serta terdapat pedalaman daerah Sarawak yang tidak ada bekalan elektrik, apakah tujuan kerajaan masih untuk meneruskan pembinaan *under-sea cable* ini dengan izin, dan apakah langkah-langkah kerajaan menangani masalah *ring of fire*, di mana laluan *under-sea cable* ini akan lalu dengan izin, dan apabila dasar lautan mengalami *seismic shift* dengan izin.

Adakah terdapat kajian susulan kerana terdapat suku kaum ini yang telah dipindahkan kepada Sungai Asap. Didapati bahawa mereka mendapati kehidupan yang perit apabila telah dipindahkan ke suatu tempat di mana tidak ada tempat untuk bercucuk tanam, mencari kehidupan seharian dan apakah soal ini ada kajian susulan selepas kesan Projek Bakun ini atas kesan, *human caused*, dengan izin yang telah berlaku? Terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan yang peringkat kedua itu dahulu iaitu dari segi penyambungan bekalan elektrik daripada Sarawak ke Semenanjung, itu di peringkat kajian barulah. Jadi setakat ini kerajaan telah pun melantik satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan EPU sendiri dan mereka diberi enam bulan untuk membuat kajian mulai daripada bulan Julai yang lepas ini. Di mana mereka sedang menyediakan kajian yang sebenarnya tentang apa yang secara terperinci, tentang kosnya dan kesannya sebagai, ini sebagai jawapan yang bagi peringkat yang kedua.

Perkara yang pertama tentang manfaat kepada rakyat tempatan, setakat ini Tuan Yang di-Pertua, projek ini telah pun memindahkan 9,488 penduduk yang melibatkan 15 buah rumah panjang dan mereka telah diberi pelbagai pampasan termasuk pampasan tanah, termasuk pampasan untuk pokok-pokok mereka dan pokok masing-masing ada pula dia punya kadar masing-masing dan mereka telah diberi tiap keluarga, diberi tiga ekar tanah untuk mereka bercucuk tanam dan sebagainya jadi mereka memang diberi perhatian yang lebih dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang saya baca pada satu ketika dahulu dikatakan, kita tidak usah risau tentang macam mana hendak menggunakan tenaga dari Bakun oleh kerana permintaan dari Sarawak sahaja sudah mencukupi dan selepas itu kita mendengar ada *aluminum smelting plan* akan menggunakan sebahagian besar tenaga yang dikeluarkan. Sekarang kita mendengar akan disalurkan ke Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, rumah panjang saya dua kilometer sahaja dari *the last terminal, the last point* bekalan elektrik tetapi 50 tahun sudah merdeka, masih tidak ada bekalan elektrik pada rumah panjang saya. Jadi susah nak dipertahankan. Jadi apakah strategi yang akan digunakan supaya kita tahu ke mana tenaga elektrik ini akan disalurkan dan sama ada rumah panjang saya dan orang yang macam saya ini akan menerima manfaat dari Projek Bakun ini.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, penjaan bekalan elektrik dan tentang kapasiti Tuan Yang di-Pertua, maksimum kapasiti adalah 2,400 mega dan *firm capacity* ialah 1,771 mega, bermakna penjaan paling minimum ialah 1,771 mega, adalah satu penjaan yang tinggi. Memang daripada segi penggunaan untuk Sarawak sahaja memang berlebihan. Tidak perlu banyak bekalan elektrik. Hendak hantar ke Sabah memang satu jarak yang jauh juga dan perlu *transmission* lain yang juga memerlukan kos yang tinggi. Dalam hal ini, bekalan elektrik yang berlebihan itu hendaklah disalurkan ke tempat lain, kalau tidak rugi sahaja. Sebab dia punya *firm capacity* ialah 1,771 mega. Jadi perlu disalurkan ke tempat lain.

Dahulu semasa di peringkat awal memang ada cadangan untuk membina satu kilang aluminium di Sarawak dan nampaknya masih lagi kalau saya sebutkan sebagai bahasa lain, masih lagi 'ding dong' tidak tentu sama ada nak bina atau tidak. Oleh sebab itu dan kita semua tahu bahawa kilang yang dibina dan bergantung penuh kepada bekalan elektrik yang murah, mungkin dalam US0.02 ataupun kalau US0.03 pun dia tidak mampu lagi sudah, maknanya dia perlukan tenaga yang rendah.

Ini sebab mereka masih lagi dalam peringkat perundingan tetapi setakat ini Perdana Menteri telah membuat keputusan untuk dan telah meletakkan bahawa dan kita membuat keputusan supaya kita kaji dan buat cadangan supaya kita bawa elektrik ke Semenanjung dan ini peringkat kajian macam saya sebutkan tadi.

Kalau *viable* Tuan Yang di-Pertua, memang patut dibawa ke Semenanjung tenaga yang berlebihan itu Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal bekalan elektrik ke kawasan-kawasan pedalaman, itu di bawah bekalan elektrik yang akan sebahagian bekalan dari ini akan dibawa ke seluruh Sarawak melalui bekalan elektrik di luar Bandar, Tuan Yang di-Pertua.

**10. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Perdana Menteri menyatakan, beberapa kelemahan dalam sistem penyampaian atau *delivery system*, pada RMK-8 yang lalu dan apakah usaha untuk mengatasinya dalam melaksanakan projek di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Projek pembangunan Rancangan Malaysia Kelapan telah dilaksanakan dengan jayanya dengan mencapai prestasi melebihi 95% daripada peruntukan Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak RM170 bilion.

Walaupun demikian, kerajaan tidak menafikan terdapat beberapa kelemahan kecil, saya ulangi terdapat beberapa kelemahan kecil yang telah dikenal pasti wujud dalam sistem penyampaian kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Tindakan segera telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi menangani isu-isu tersebut. Usaha-usaha berterusan ke arah meningkatkan sistem penyampaian turut dipantau oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sistem penyampaian akan terus dipertingkatkan lagi kekecapaiannya dalam melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan. Penekanan terhadap pemantauan melalui Majlis Tindakan Negara dan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelarasan, Pelaksanaan yang ditubuhkan di bawah arahan Majlis Tindakan Negara dipelbagai peringkat pentadbiran akan dipergiatkan lagi bagi memastikan pelaksanaan projek berjalan lancar. Pelbagai tindakan juga telah diambil untuk meningkatkan sistem penyampaian dan tadbir urus yang baik di semua jabatan dan agensi-agensi kerajaan melalui inisiatif pengukuhan keupayaan institusi dan jentera pelaksanaan negara seperti yang digariskan di dalam teras kelima Misi Nasional.

**Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa-masa lalu kita selalu terdengar bahawa pelabur asing agak keberatan ataupun mengalami kesukaran untuk mereka membawa pelaburan datang ke mari. Dan ada urusan-urusan terutamanya di peringkat negeri dan daerah berkaitan dengan pemilihan tanah ataupun pertukaran status tanah daripada satu status kepada perindustrian dan lain-lainnya. Adakah ini sudah diambil pandangan ataupun diperbaiki menjelang pelaksanaan RMK-9 ini?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan maklum bahawa dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang lalu terdapat kelemahan-kelemahan seperti ini. Sebab itu pihak Kerajaan Pusat telah pun menubuhkan beberapa jawatankuasa, khususnya di peringkat pusat dan dengan kerjasama kerajaan-kerajaan negeri kalau dalam masalah penyelesaian tanah tetapi dalam hal-hal lain, kerajaan juga telah menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu di peringkat kementerian dan menghendaki supaya semua kementerian menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk memastikan semua ataupun projek-projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, begitu juga pelaburan-pelaburan asing masuk ke dalam negara kita seberapa kurang yang mungkin menghadapi masalah-masalah yang selama ini telah pun dikenal pasti.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat termasuklah jawapan untuk soalan nombor 8 tadi itu, hampir sama. Dan apakah keberkesanan jawatankuasa-jawatankuasa pemantauan yang ditubuhkan ini?

Dan apakah Yang Berhormat sedar bahawa kadangkala peruntukan ini tidak sampai. Misalnya peruntukan untuk pembangunan di bawah RMK-9 mengenai Bajet 2006, ada RM35.5 bilion peruntukan untuk pembangunan tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada Dewan yang mulia ini, bermula daripada 1 Januari, apabila peruntukan sampai kepada sasaran itu, berapa bulan diperlukan? Memang penting, ada sesetengah projek tak dapat dijalankan kerana tidak ada wang. Walaupun jawatankuasa demi jawatankuasa ditubuhkan, ini memang tidak bermakna.

Saya berharaplah Yang Berhormat dapat memberitahu kepada kita semua setakat mana Yang Berhormat akan mengkaji macam tempoh peruntukan disampaikan kepada sasaran. Sama ada dua bulan cukup ataupun enam bulan, ataupun sampai ke hujung tahun? Ini bermakna pihak jawatankuasa ada dua bulan untuk membelanjakan peruntukan itu. Ini memang satu kelemahan yang besar, bukan kecil...

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Banyak lagi kah? Tak nampak sangatlah tu. Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa projek-projek yang kita laksanakan ini, ia bukan semuanya serupa, ia pelbagai. Ada projek infrastruktur, ada projek bangunan, ada projek yang melibatkan sosial dan sebagainya. Jadi sudah tentulah waktu pelaksanaannya ini memerlukan kriteria-kriteria yang tertentu. Dan untuk makluman Yang Berhormat seperti yang saya katakan, walaupun terdapat kelemahan dalam Rancangan Malaysia Kelapan, tetapi 95% dari RM170 bilion itu dapat kita laksanakan. Dan kadang-kadang saya nak ingatkan kepada Yang Berhormat, jangan dengar cakap-cakap di tepi-tepi yang kita tak boleh pakai.

Umpamanya kita sendiri, kita tahu bahawa daripada bulan Januari hingga Oktober ini, kita tahu dari segi perbelanjaannya telah meningkat dari satu masa ke satu masa. Dari segi pembayarannya dan sebagainya. Dan lagi satu, ada projek-projek yang tidak dapat kita nafikan *slow* sikit dengan izin, lambat sikit kerana masalah tapak dan sebagainya. Ada saya kenal pasti beberapa, umpamanya projek yang kita menghadapi masalah tapak. Jadi kita nak pastikan bahawa tapak ini dapat selesai dan barulah tender boleh kita laksanakan. Kalau tidak kita nak tender atas angin, mana boleh Yang Berhormat, tak boleh.

Ini adalah kenyataan yang kita kena ikuti dan sebab itu Jawatankuasa Pengurusan di peringkat tinggi sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempengerusikan Jawatankuasa Pemantauan ini untuk nak pastikan. Yang saya jawab nombor 8 dan nombor 10 Yang Berhormat kata lebih kurangnya sebab dia pemantauan. Jadi nak pastikan dari mula kita rancang sehinggalah esok diserahkan projek itu, ianya berjaya dengan sebaik yang mungkin Yang Berhormat. Jadi kena sabarlah sikit Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya jemput Yang Berhormat bagi Papar.

**11. Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) apakah langkah Kementerian dalam mengatasi masalah setinggan di kawasan Parlimen Papar dalam RMK-9; dan
- (b) dalam perancangan, bilakah masalah setinggan tersebut dijangka dapat diatasi.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Papar. Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan,

- (a) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama dan persetujuan Kerajaan Negeri Sabah sedang berusaha mengatasi masalah perumahan masyarakat setinggan di negeri tersebut termasuk di kawasan Parlimen Papar dengan menyediakan kemudahan perumahan di bawah Program Perumahan Rakyat ataupun PPR.

Dan bagi soalan,

- (b) Menurut rekod Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, melalui kajian pengawalan dan penempatan semula setinggan di peringkat nasional yang telah dilaksanakan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 1999, terdapat 66 keluarga atau 321 penduduk setinggan di Pekan Kimanis di kawasan Parlimen Papar. Bilangan terkini setinggan di kawasan tersebut adalah sebanyak 2,969 penduduk di dalam 468 buah bangunan yang terdiri daripada 536 keluarga. Pada masa ini, pihak Kementerian sedang membina 500 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat di Jalan Sagindai, Kinarut Papar. Projek ini telah dimulakan pada Januari 2006 yang dijangka siap pada tahun 2008. Selain itu, 725 unit lagi sedang dalam proses runding harga dan pelantikan kontraktor iaitu PPR pekan Kinarut.

Masalah setinggan di dalam kawasan Parlimen Papar dijangka akan dapat diatasi di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini dapat dilihat dari segi bilangan rumah yang dibina mengatasi bilangan setinggan yang telah didaftarkan. Setinggan yang diambil kira merupakan setinggan warganegara yang menduduki atas tanah kerajaan secara tidak sah sahaja. Adalah di luar tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan perumahan bagi setinggan kategori warganegara asing, pendatang tanpa asing atau setinggan yang menduduki tanah milik.

Terima kasih.

**Puan Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]:** Soalan tambahan. Baru-baru ini diumumkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah akan melaksanakan satu projek menaik tarafkan sistem kereta api di seluruh negeri dan akan melibatkan kawasan Papar secara tidak langsung. Dan jika projek ini dilaksanakan, akan terdapat 30 keluarga yang kemungkinan besar akan kehilangan rumah, keluarga setinggan yang akan kehilangan rumah.

Apakah perancangan kementerian, dan untuk pengetahuan 30 keluarga ini adalah warga negara Malaysia dan apakah perancangan kementerian untuk menempatkan semula keluarga setinggan yang terlibat dengan projek kereta api ini dan kerana saya difahamkan mereka telah menerima notis selama sebulan untuk keluar daripada rumah masing-masing. Dan apakah perancangan kementerian di dalam menempatkan semula keluarga-keluarga yang terlibat dengan projek ini. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azidah binti Mohd. Dun]:** Terima kasih Yang Berhormat berkenaan dengan projek kereta api ini, keadaan ini mungkin di bawah kementerian yang lain. Walau macam mana pun, jika keluarga yang terlibat ini merupakan keluarga setinggan yang sudah dikenal pasti untuk dipindahkan di dalam program PPR kita bersama dengan kerajaan negeri Sabah, tentulah mereka ini akan disenaraikan, masukkan dalam rumah-rumah yang sedang kita bina sekarang ini.

Saya tidak tahu di mana kedudukan mereka ini, sama ada mereka ini berada di Pekan Kinarut atau pun di kawasan yang berdekatan dengan Segindai. Jika mereka berdekatan dengan Segindai, kemungkinan mereka dipindahkan di sana. Jika Pekan Kinarut, maka mereka akan dimasukkan... *[Yang Berhormat bagi Papar menggeleng-gelengkan kepala]* Yang Berhormat geleng-geleng kepala kepada saya Tuan Yang di-Pertua, jadi kita minta maklumat lagi yang lebih terperinci supaya kita boleh melihat di manakah mereka ini boleh dimasukkan nanti. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Yang Berhormat bagi Sandakan

**Tuan Chong Hon Min [Sandakan]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang masalah setinggan. Ia bukan berlaku di kawasan Parlimen Papar sahaja, di seluruh Sabah. Khususnya di Sandakan. Saya rasa kawasan setinggan yang terbesar sekali di negeri Sabah.

Kawasan setinggan ini memang membawa banyak masalah. Seperti di Sandakan, kecurian bekalan air dan elektrik sehingga Unit Penguat Kuasa pun tidak dapat mengambil tindakan yang berkesan untuk mengatasi masalah ini. Seperti banyak kali PBT bersama SESB yang tentang aktiviti kecurian bekalan elektrik. Setiap kali tindakan diambil, tidak lama lagi masalah yang sama berulang. Sehingga baru-baru ini, Pemangku Pesuruhjaya Polis Sabah, Datuk Bakri pun mengatakan bahawa ibu kepada segala derita di Sabah ialah masalahnya. Untuk mengatasi masalahnya ialah musnahkan setinggan, usir semua PTI.

Ini apa yang diperkatakan oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis negeri Sabah baru-baru ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian, Yang Berhormat timbalan menteri, bilakah masalah setinggan di kawasan Sandakan dapat diselesaikan, khususnya PBT, Majlis Perbandaran Sandakan pun ada mengatakan baru-baru ini bahawa mereka tidak akan merobohkan setinggan selain tempat-tempat atau kawasan-kawasan akan diguna pakai oleh Majlis Perbandaran Sandakan sahaja. Jadi saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

**Datuk Azizah binti Mohd. Dun:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Sandakan. Memanglah negeri Sabah mempunyai bilangan keluarga setinggan yang masih banyak lagi belum dipindahkan iaitu 38,868 sehingga Jun 2006. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk Sandakan kita telah pun menyiapkan di Batu Empat, Sandakan 1000 unit rumah PPR dan setakat ini mengikut maklum balas yang kita terima daripada negeri Sabah dan Sandakan, cuma 216 setinggan sahaja yang baru dipindahkan.

Jadi oleh itu masih banyak lagi sebenarnya unit-unit yang belum diisikan. Oleh yang demikian, mungkin kita minta kerjasama daripada kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan Sandakan supaya mereka dapat memindahkan setinggan-setinggan yang belum lagi berpindah ini ke unit-unit yang sudah pun siap disediakan oleh kementerian. Selain daripada itu, Sandakan juga kita ada PPR yang sedang di dalam proses untuk dibina iaitu di Kampung Gum-Gum, Sandakan dan satu lagi mungkin di kawasan Batu Putih kalau saya tidak silap yang akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Jadi kita berusaha keras Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah setinggan ini dan saya difahamkan kerajaan negeri Sabah sendiri mempunyai tarikh yang ditentukan iaitu untuk menyelesaikan masalah ini dalam tahun 2010. Kita memerlukan kerjasama semua pihak termasuklah Yang Berhormat. Jika ada setinggan-setinggan kita yang tidak mahu berpindah, cubalah berpakat dengan mereka, masuklah mereka ke rumah-rumah atau pun unit-unit yang sudah pun kita siapkan ini supaya masalah kita memindahkan setinggan ini dapat diselesaikan dengan segera. Terima kasih.

**12. Dato' Yap Pian Hon [Serdang]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anggota polis yang telah ditempatkan di Balai Polis Seri Kembangan dan Balai Polis Sri Serdang sehingga kini yang di bawah IPD Subang Jaya; dan
- (b) adakah rancangan untuk membina pondok polis di Seksyen 8, Serdang Raya, Seri Kembangan dan Mines Resort atau Taman Sg. Besi Indah kerana kawasan keperluan dan strategiknya. Jika ya, bilakah akan dilaksanakan. Jika tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kekuatan keanggotaan di Balai Polis Seri Kembangan dan Balai Polis Serdang adalah seperti berikut;
  - (i) Balai Polis Seri Kembangan ialah 56 orang; dan
  - (ii) Balai Polis Sri Serdang seramai 53 orang.
- (b) Pembinaan pondok polis di Seksyen 8 Serdang Jaya, Seri Kembangan dan The Mines Resort atau Taman Sg. Besi

Indah tidak disenaraikan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Namun demikian, keselamatan masyarakat setempat itu di kawasan tersebut masih dalam lingkungan kawalan balai polis yang berhampiran iaitu Balai Polis Seri Kembangan dan juga Balai Polis Serdang. Kementerian akan sentiasa mengkaji daripada masa ke semasa tentang keperluan tersebut dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya dan di samping itu kita ada juga masalah berkenaan dengan tanah. Di kawasan itu tidak mempunyai tanah untuk pembinaan balai-balai polis yang dikatakan tadi.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Serdang.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan. Dengan bilangan begitu kecil yang ditempatkan di Balai Polis Seri Kembangan dan Sri Serdang itu, memandangkan yang demikian, apa sebabnya Balai Polis Serdang lama ditutup sebagai balai polis yang biasanya, dua tahun dulu. Bolehkah Yang Berhormat dapat menimbangkan semula supaya Balai Polis Serdang Lama dapat difungsikan semula sebagai balai polis untuk memberi kemudahan kepada rakyat di The Mines Resort dan Taman Sg. Besi Indah untuk melaporkan dan dengan bilakah IPD baru seluruh Subang Jaya akan dibina dengan harganya. Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi berkenaan perkara itu saya akan lihatlah, saya tengok dan saya akan bagi maklumat kepada Yang Berhormat mengenai balai polis yang telah ditutup dan kemungkinan kita akan buka semula, bergantung kepada keadaan lah.

Berkenaan dengan IPD Subang Jaya pun, saya tidak ada dalam jawapan saya pada hari ini. Insyallah saya akan bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bukan sahaja balai polis atau anggota polis perlu ditambahkan di Seri Kembangan, saya rasa di dalam negeri Selangor telah menjadi negeri yang begitu bahaya kepada semua khususnya mereka yang kaya raya termasuk Ahli Parlimen. Ahli Parlimen kita, Yang Berhormat bagi Hulu Langat, rumahnya baru dirompak semalam dalam 12 hari terdapat enam kes di mana semuanya ialah Ahli Parlimen dan juga bekas-bekas pegawai polis pun rumahnya telah dirompak.

Jadi, apakah tindakan yang akan dibuat supaya semua orang, semua penduduknya dilindungi, tidak diancam oleh perompak-perompak macam ini? Terima kasih.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Berkaitan balai polis.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang kita telah diumumkan baru-baru ini kita akan tambah keanggotaan sebanyak 30,000 untuk peringkat permulaan dan sebenarnya kita kalau ikut statistik, polis kita memerlukan lebih kurang 60,000 lagi polis untuk jumlah penduduk yang ada di negara kita.

Contohnya macam di Subang Jaya. Subang Jaya kita mempunyai penduduk seramai 1,519,000 sedangkan polis kita hanya ada 966 orang. Kita kalau dari segi nisbah sekarang ialah seorang polis menjaga 1,573 orang *which is very far*, jauh daripada nisbah yang diperlukan oleh Interpol iaitu 1:250 orang. Memang masalah ini sedang dilihat dan ia memerlukan masa yang banyak untuk kita menambah keanggotaan polis ini dan selain daripada itu juga kita akan bina lebih banyak pusat-pusat latihan untuk kemasukan polis. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun telah meluluskan membeli 32 ribu kenderaan polis.

Jadi untuk 32 ribu kenderaan polis kita memerlukan 3,000 pemandu dan itu pun menjadi masalah kerana kita sedang rekrut pemandu dan pemandu ini mestilah dilatih. Dia tidak serupa seperti pemandu-pemandu lain. Jadi ini memerlukan masa dan kita sentiasa mengambil berat tentang penambahan keanggotaan anggota polis dan juga kelengkapan yang diperlukan.

**13. Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejak RMK-9 dilancarkan, bolehkah pihak kementerian menyenaraikan projek-projek pertanian yang melibatkan teknologi moden/bioteknologi dan apakah rancangan jangka masa pendek dan panjang yang telah dirancang dan dijalankan oleh pihak kementerian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah melaksanakan pelbagai projek yang melibatkan teknologi moden atau bioteknologi dalam perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Ia dapat dibahagikan kepada subsektor projek pertanian, perikanan dan penternakan. Projek-projek utama pertanian yang melibatkan teknologi moden atau bioteknologi adalah:

- (i) projek penghasilan benih-benih tanaman dengan menggunakan teknik tisu kultur bagi tanaman pisang dan orkid yang merupakan usaha di antara pihak Jabatan Pertanian dan pihak swasta;
- (ii) projek pengeluaran limau bebas penyakit yang menggunakan teknik rumah jaring kalis serangga dan pengesanan anak benih bebas penyakit dibuat dengan menggunakan teknik *polymerase change reaction*;
- (iii) penggunaan IMO (*Indigenous micro organism*) yang digunakan untuk membaik pulih dan menyuburkan keadaan tanah; dan
- (iv) sistem pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran menggunakan kaedah teknologi fertigasi.

Manakala projek-projek utama perikanan yang melibatkan bioteknologi adalah seperti berikut:

- (i) projek inkubator kultur tisu tumbuhan akuatik dan projek kajian biotoksin atau racun semula jadi sedang dibangunkan di Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang;
- (ii) projek ternakan tiram triploid di bawah penyeliaan Institut Penyelidikan Perikanan;
- (iii) projek kajian penggunaan protein tumbuhan untuk makanan rumusan ikan;
- (iv) projek pekasam yang merupakan kerjasama dengan SIRIM adalah untuk menghasilkan kaedah fermentasi yang baik dan yang boleh dikomersialkan; dan
- (v) projek pembangunan vaksin penyakit ikan dibangunkan bagi menangani masalah vaksin di pasaran yang mahal dan terhad.

Projek-projek utama penternakan yang menggunakan bioteknologi adalah:

- (i) pernianan berhadass ternakan lembu untuk menghasilkan baka-baka yang berkualiti;
- (ii) penghasilan varieti rumput muten *brachlaria decumbens* yang berprotein tinggi dan daun lebih besar dan tinggi;
- (iii) penggunaan pelepah kelapa sawit yang diproses bagi memudahkan proses penghadaman ternakan;

- (iv) penghasilan vaksin-vaksin untuk semua jenis ternakan; dan
- (v) penghasilan *Rapid Diagnostic Test Kits* bagi mengenal pasti jangkitan-jangkitan penyakit serius.

Kementerian akan meneruskan usaha dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bioteknologi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ke arah menjadikan negara sebagai pusat bioteknologi di rantau ini. Fokus juga diberikan kepada perlindungan harta intelek yang telah dibangunkan melalui penyelidikan bioteknologi pertanian dan usaha ini adalah untuk mentransformasikan sektor penternakan pertanian dan perikanan sejajar dengan sasaran kementerian untuk meningkatkan pendapatan dan hasil pengusaha industri asas tani.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi jawapan tadi Yang Berhormat bermaknanya Yang Berhormat memperjelaskan tentang *high* dan *low* teknologi dalam biotek, saya faham yang itu. Yang saya tidak berapa hendak faham Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat cerita semua tadi segala saintifik itu ini semua ini, bila hendak turun pergi ke bawah, yang *low tech* yang akan dapat nikmat daripada kajian, yang *small tech* daripada *low tech* punya kajian akan dapat ke *small tech*, bila?

Jadi yang Tuan Yang di-Pertua. Macam tadi saya dengar cerita pasal benih, kita kaji macam-macam benih Tuan Yang di-Pertua tetapi kita tidak perbetulkan tanah. Bawa mai benih baik pun kalau tanah tidak baik Tuan Yang di-Pertua pokok tidak jadi elok. Macam kita orang tua-tua sedikit, dia kena makan vitamin Tuan Yang di-Pertua baru dia sihat balik. Jadi baja ini vitamin-vitamin ini, kajian-kajian ini. Jadi saya hendak tahu daripada pihak kementerianlah, kalau tidak keseluruhan pegawai kementerian kita hantar pergi juga bioteknologikan pemikiran mereka baru boleh turun mai kerana orang di bawah Tuan Yang di-Pertua dengan kos peningkatan hidup yang tinggi ini depa melihatkan bahawa pertanian ini depa sudah jemu dan tidak mahu masuk sudah Tuan Yang di-Pertua.

Lapisan muda universiti *grad* pun sudah tidak mahu balik menjadi Pak Tani, jadi kita dok '*tech*', '*tech*', '*tech*', Pak Tani dok '*out*', '*out*', '*out*' Tuan Yang di-Pertua. Jadi apakah perancangan yang serius oleh pihak kementerian Yang Berhormat? Adakah SUP akan terus memperjuangkan bioteknologi dan menjadi kenyataan atau kita teknologikan SUP? Ini saya hendak tahu daripada pihak kementerianlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin juga.

Seperti saya katakan tadi dan saya tahu soalan ini kalau hendak ikut Yang Berhormat soalan Yang Berhormat ini kita bila kena menjawab kena buka, buat satu buku. Pendek dan panjang semua masuk dalam ini, yang moden, yang lama semua dan kami memang berusaha untuk memberitahu bahawa di dalam bidang pertanian, kita juga tidak ketinggalan. Kita mengguna yang moden yang tradisi, biotek, '*tech*', '*tech*', '*tech*' Yang Berhormat kata dan sebenarnya saya telah menerangkan di dalam soalan yang ketujuh bahawa kita dari segi MARDI atau badan yang menjadi *lead agency* dari segi *agro research* adalah MARDI dan insya-Allah mereka yang menjalankan segala penyelidikan, mengguna segala kaedah-kaedah teknologi dan bioteknologi dari moden sehinggalah apa yang terkini.

Sebab itu *researcher* kita ada 450 orang tetapi 50 orang ini adalah khusus untuk bioteknologi. Jadi memang dari segi kajian, kaedah terbaru dan sebagainya mereka ini memang mengikut aliran zaman bermakna tidak adanya *out of date* dan terima kasih juga, baru-baru ini mereka telah diperuntukkan di dalam pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan RM22 juta untuk menambah *upgrade* kan lagi *facilities*.

Jadi Yang Berhormat memanglah kita juga dari segi bioteknologi yang saya hendak terangkan tetapi dari segi kerjasama, segala yang diolah atau *research* dan segala penemuan sehingga ke peringkat berjaya, memang kita turunkan melalui semua jabatan dan agensi di kementerian termasuk LPP, MADA, KADA, KETARA segala agensi dan seperti saya katakan yang banyaknya memang sudah turun Yang Berhormat dari segi padi itu memang sudah turun tetapi kita tidak perasan.

Dari segi dahulunya *variety* lama mungkin dari segi cukup-cukup makan tetapi sekarang dengan *variety* baru yang saya katakan kalis penyakit, dari segi kualiti...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tuan Yang di-Pertua, kalis penyakit, penyakit baru berlaku dalam kawasan, kutu beruang serang pokok padi...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Memang Yang Berhormat saya katakan tadi memang ini....

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Kemudian pendapatan Pak Tani sendiri pun tidak naik, tidak sampai sepuluh tan hari ini. Jadi saya hendaklah, betul-betullah jawab Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih. Saya jawab betul Yang Berhormat, setakat ini saya jawab betul insya-Allah tetapi bermakna ini adalah sesuatu yang *living* bermakna sesuatu yang asyik berubah, kita cari *variety* ini, penyakit ini pula *attack*. Kita atasi masalah ini masalah satu lagi tetapi tidak apa ini memang kerja kita di bahagian penyelidikan macam ini tetapi Yang Berhormat tadi bertanya kenapa tidak turun ke sasaran?

Sebenarnya, Yang Berhormat, memang turun. Yang Berhormat pun tahu dahulunya buah-buah besar, betik itu boleh kita kecilkan. Jadi yang kecil macam ciku itu boleh dibesarkan. Sebab apa, ini adalah permintaan daripada pengguna. Jadi itu juga *research* tetapi Yang Berhormat, kadang-kadang kita tidak nampak hasil daripada kajian ini, di keliling kita memang ada tetapi dahulu, pisang, *market* atau pasaran minta pisang kita yang licin, yang tidak mahu ada kerutu-kerutu macam tahi lalat itu....  
[Ketawa]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Bintik-bintik hitam.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ha, bintik-bintik itu. Jadi sekarang ini kita dapat mengeluarkan pisang yang licin, yang kulitnya halus...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Akan tetapi hak pisang, saya tidak tengok lagi, Tuan Yang di-Pertua. Pisang besar saya tidak nampak lagi.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Tidak, Yang Berhormat, mungkin ini yang terbaru. Jadi Yang Berhormat pun sekarang beritahu kepada saya hendak pisang itu balik besar semula. Dahulunya pisang itu mereka kata yang cukup-cukup sahaja tetapi sekarang ini besar. Macam itulah tetapi ini adalah kajian.

Jadi, Yang Berhormat, sebenarnya itulah tetapi yang dari segi mega ciku itu, kita memerlukan juga penglibatan pihak swasta, sama-sama untuk kita mengambil segala penemuan ini dan dikomersialkan. Ini yang kita tengah mencari jalan dan kaedah. Sebab itu, Yang Berhormat, kalau dapat saya menyeru kepada semua di sini, kita ada satu pameran yang begitu besar yang kita nanti-nantikan dinamakan MAHA yang akan berlangsung pada 21 hingga 26 November di tapak tetap iaitu di MARDI juga. Jadi akan menunjukkan segala penemuan dan segala cara-cara dan kaedah penyelidikan supaya kita sama-sama juga menimba ilmu, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya pula sama dengan Yang Berhormat bagi Jerai tadi kerana dari luar bandar, kebanyakannya menanya mengenai dengan benih-benih ini. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah memberitahu di MARDI, di pertanian, tetapi mereka ini bila mereka pergi ke jabatan-jabatan ini balik semula kepada kita, dia kata, tidak dapat. Macam mana ini, Yang Berhormat?

Jadi kita hendak tahu, bagaimanakah saluran benih-benih ini diberi dan adakah ianya ini dibayar. Kita dapat tahu pegawai-pegawai ini pun bila ada teknologi moden macam ini, dapatkah mereka mengatur kerana yang di luar-luar bandar ini terdiri daripada petani-petani yang tidak moden. Maka bila dia sekali, dua pergi ke jabatan, bila tidak dapat, mereka merungut, tidak ada perubahan, Yang Berhormat. Bagaimana kita ini? Jadi ini yang kita hendak tanya kerana penduduk luar bandar ini bergantung harap kepada wakil-wakil rakyat. Bila dia pergi ke pejabat, dia kata, "Tidak dapat. Kita sudah pergi ke Jabatan Pertanian, MARDI, semuanya tidak bagi. Macam mana?"

Jadi kita pun tidak dapat hendak menjawab. Bolehkah Yang Berhormat beri penjelasan terutamanya kalau kata MAHA tadi, memanglah ini kepada yang berada, mari dengan bas, yang ada banyak barang untuk melihat pameran ini tetapi kepada yang luar bandar, tidak sampai yang ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi seperti saya katakan tadi, semua agensi kita khasnya Jabatan Pertanian dan semua pejabat serta Stesen MARDI kita bekalkan dengan segala biji benih yang saya katakan tadi dan pada masa yang sama, memang Yang Berhormat, ia bukan setakat hanya beli biji benih tetapi sebenarnya mesti ada ditunjukkan oleh Pegawai-pegawai Pengembangan.

Jadi kami akui, Yang Berhormat, satu daripadanya memang ini juga banyak disentuh di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dari segi kaedah-kaedah menggunakan biji-biji benih yang baru ini, itu menjadi satu kelemahan. Pada masa yang sama, kita juga di dalam peringkat untuk kita membuat pengambilan Pegawai-pegawai Pengembangan untuk kita selaraskan sekali lagi bahawa dari segi biji benih itu satu hal, tetapi dari segi untuk mengajar petani-petani ini menggunakan biji-biji benih yang baru dengan kaedah-kaedah yang baru, ini adalah satu masalah yang sedang kami atasi.

Mengenai MAHA, Yang Berhormat, memanglah saya tahu tetapi ini kalaulah dapat sebab sekarang ini penekanan telah diberikan kepada pertanian. Kalau dapat Yang Berhormat-Yang Berhormat bawalah rakyat Yang Berhormat, kalau tidak banyak pun, satu bas iaitu ketua-ketua unit pertanian Yang Berhormat untuk melihat sebab di sana saya rasa memang banyak pengalaman yang boleh ditimba. Tempat itu memang luas dan itu adalah tapak tetap. Dahulu-dahulunya kita menyewa ruang-ruang di tempat-tempat komersial yang lain tetapi sekarang ini adalah tapak tetap pameran tersebut di mana juga kita boleh tunjukkan khasnya kepada anak-anak kita, kepada generasi baru. Mereka tidak tahu sangat mengenai bidang pertanian dan satu cara untuk kita meningkatkan lagi minat generasi muda terhadap bidang pertanian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tamatkan sekarang sesi Soal Jawab Lisan pada pagi ini.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]*

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

##### **Memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**11.35 pagi.**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta di bawah Peraturan Mesyuarat 18, Dewan ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen bagi Seputeh, Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membawa satu usul mengenai perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu tentang keperluan kerajaan untuk memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan.

Korupsi dan penyalahgunaan kuasa telah semakin serius berlaku di kalangan anggota kerajaan tempatan. Ini jelas ditunjukkan oleh siri penyalahgunaan kuasa yang dilakukan oleh Ahli Majlis Perbandaran Klang, Yang Berhormat Datuk Zakaria Mat Deros yang membina rumah banglonya di Kampung Idaman tanpa mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Klang. Selain itu, beliau sebagai anggota Jawatankuasa Tanah PKNS juga telah meluluskan tujuh ekar tanah di Shah Alam kepada Persatuan Badminton Selangor yang dipengerusikan oleh beliau sendiri. Sehubungan dengan itu, selain daripada beliau, anaknya dan isteri anaknya juga dilantik sebagai Ahli Majlis Perbandaran Klang.

Kesalahan dari segi kegagalan mendapat kelulusan pelan rumah juga dilakukan oleh dua Ahli Majlis Perbandaran Klang yang lain. Penyelewengan seperti ini juga telah banyak berlaku dalam kerajaan tempatan yang lain. Misalnya, Anggota Majlis Perbandaran Selayang pernah menggunakan alasan untuk melihat tandas untuk melancong ke Mauritius dan Afrika Selatan, manakala Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya pula membina pusat penjaja di tanah kerajaan.

Orang ramai selalunya terpaksa memberi rasuah kepada pegawai atau ahli majlis perbandaran sebagai ganjaran untuk mendapat kelulusan permohonan mereka ataupun mengelakkan masalah. Kesemua pendapatan kerajaan tempatan adalah daripada pelbagai jenis cukai yang dikutip daripada orang ramai. Kesannya pembayar cukai tidak diberi hak untuk menentukan, siapakah yang harus dipilih sebagai Datuk Bandar dan Anggota Majlis Perbandaran. Di samping itu, kita juga tidak ada mekanisme untuk mengimbang dan menyemak akaun dan bajet kerajaan tempatan.

Oleh itu, tibalah masanya bagi kerajaan untuk memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan yang telah digantung sejak tahun 1964 sebagai langkah untuk menghapuskan korupsi dan meningkatkan sistem penyampaian dalam kerajaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Seputeh pada hari Jumaat, 3 November 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah satu perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai, dan perkara ini adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan, perkara ini tidak perlu disegerakan... *[Disampuk]*

Jika sekiranya terdapat sebarang penyalahgunaan kuasa atau pelanggaran undang-undang oleh mana-mana ahli pihak berkuasa tempatan, ianya bolehlah dilaporkan kepada pihak berkuasa untuk diambil tindakan undang-undang. Di samping itu saya difahamkan juga bahawa pihak kementerian sedang mengambil tindakan untuk mewujudkan sistem perkhidmatan pihak berkuasa tempatan yang lebih telus. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG PERSARAAN 2006**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk memperbadankan Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan untuk menubuhkan Kumpulan Wang Persaraan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berbangkit dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007**

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007**

**Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." [*Hari Pertama*]

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Tuan Pengerusi:** Saya minta sekarang Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi semua kementerian.

**11.41 pagi**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak melebihi RM91,255,198,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2007 bagi maksud-maksud bekalan B.1 hingga B.13, B20 hingga B.32, B.40 hingga B.49 dan B.60 hingga B.62 untuk kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada RM46,510,219,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2007 bagi maksud-maksud pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13, P.20 hingga P.32, P.41 hingga P.49, P.60 hingga P.62 dan P.70 untuk kementerian-kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Lampiran A, dan Lampiran B, Kertas Perintah 8, Tahun 2006 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2007 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2007 telah pun dibentangkan. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran ini adalah juga diberi dalam Kertas Perintah 8, Tahun 2006 dan Buku Bajet Persekutuan 2007 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9, Tahun 2006. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] –  
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2007] –**

**Tuan Pengerusi:** Kepala B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk di bahas. Ya, Ipoh Timor.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bermula dengan Unit Perancangan dan Ekonomi. Tuan Pengerusi kita akan menutup tirai tahun 2006 tidak lama lagi. Kita telah berada dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Unit Perancang Ekonomi merupakan satu-satunya unit yang bertanggungjawab untuk merancang dan mencorakkan strategi untuk pertumbuhan dan pembangunan negara. Ia merupakan jabatan yang menghasilkan data-data ekonomi dan metodologi-metodologi yang digunakan dalam rangka spektrum yang luas dalam segala keputusan pembuat dasar untuk negara. Salah satu dasar yang paling utama yang memberi kesan kepada seluruh rakyat di mana data-data EPU telah diserapkan dan diguna pakai dalam dasar tersebut ialah Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun metodologi-metodologi EPU memberi impak kepada kehidupan serta rakyat Malaysia dalam segala lapisan masyarakat, tidak ada seorang pun yang mengetahui apa metodologi tersebut. Adakah ini adil, adakah ini telah melampaui masa dan *outdated* dan adakah ini merupakan kecacatan? Tidak ada sesiapa yang tahu kerana ia terselindung sebagai rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi. Mereka diberitahu supaya menerima hakikat tersebut tanpa persoalan kerana EPU adalah badan yang tahu semua dan betul semua. Apa yang kita tahu adalah metodologi EPU yang sama telah diguna pakai lebih 35 tahun bermula dengan tahun 1970 dengan pelaksanaan DEB yang sepatutnya memfokuskan kepada pembahagian kekayaan negara secara lebih saksama dan sama rata di kalangan seluruh rakyat Malaysia. Tidak ada negara lain di dalam dunia yang mempunyai satu dasar atau mahu melibatkan diri dengan satu dasar yang tidak pernah ditukar selama dua dekad. Yang masih boleh dikatakan bahawa ia masih relevan untuk rakyatnya pada hari ini.

Walaupun setiap rakyat Malaysia berkemungkinan tidak tahu-menahu berkenaan dengan metodologi EPU, mereka dapat melihat secara jelas dan merasai kesan daripada DEB dan perkara-perkara yang berlaku di dalam negara dan di dunia dalam kehidupan harian mereka. Daripada tahun 1970-an sehingga kini rakyat telah melihat pelbagai perubahan yang berlaku. Negara telah melalui lima perubahan kepimpinan. Negara telah melalui revolusi internet di mana maklumat boleh disebarkan dengan begitu luas dan jauh dalam beberapa saat dan semua maklumat boleh diperolehi dengan mudah melalui komputer dan internet. Rakyatnya mempunyai latar belakang pendidikan yang lebih tinggi, kesedaran yang lebih tinggi dan lebih kritikal mengenai isu-isu semasa dalam negara mahupun dunia. Rakyat umumnya inginkan ketelusan dan tidak ada apa-apa yang kurang daripada itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Rakyat telah melihat jurang yang lebih besar di antara mereka yang ada dan yang tidak ada. Walaupun dengan DEB, Dasar Pembangunan Nasional dan kembalinya dasar DEB yang sepatutnya menutup jurang tersebut. Mereka telah melihat ketidaksamarataan berlaku setiap hari yang memperlihatkan kroni-kroni yang kaya tinggal di mahligai besar dengan gaya hidup yang serba mewah tetapi pada masa yang sama mereka tidak ada tempat tinggal dan tinggal dalam keadaan yang serba kekurangan dalam keadaan jenayah yang berleluasa. Mereka melihat satu sistem yang cacat, yang langsung tidak efektif dalam membetulkan jurang yang semakin lebar di antara kekayaan dan kemiskinan di negara ini. Mereka melihat yang kaya menjadi lebih kaya tetapi yang miskin menjadi lebih miskin....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah ini ucapan polisi?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dasar mengenai servis. Peraturan 66(12).

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Akan tetapi kami sekarang berada...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Bukan, 16(6) pecahan kecil, (12) mengenai perbahasan dalam *Committee Stage* ialah tertumpu kepada dasar mengenai perkhidmatan itu. Itulah EPU. Terima kasih.

Rakyat diminta untuk berjimat cermat tetapi berlaku rasuah yang berleluasa, pembaziran sumber, *bailouts*, kegagalan korporat, pengurusan yang salah yang kesemuanya produk sampingan sistem DEB. Mereka telah melihat betapa tidak adilnya diskriminasi di antara mereka yang mempunyai hubungan politik dan rakyat umum. Setiap hari mereka merasai kesusahan akibat daripada harga petrol yang meningkat, cukai tanah, tol lebu raya, tarif elektrik, kadar telefon, kadar air dan kos kehidupan yang melambung tanpa peningkatan pendapatan mereka pada masa yang sama. Mereka melihat satu sistem yang cacat yang menggalakkan rasuah dan pembaziran. Mereka melihat satu sistem yang cacat di mana wang mereka digunakan untuk membantu mereka yang mempunyai hubungan politik dan bukannya digunakan secara baik untuk pendidikan, membina jalan dan memberi subsidi untuk kos petrol.

Rakyat telah melihat bagaimana kekayaan negara telah dirampas tanpa berhenti oleh kroni-kroni yang kaya-kaya yang menyimpan kekayaan mereka di luar negara. Nama mereka tetap kembali untuk terus mendapat *handouts* dan mereka melihat satu sistem yang cacat yang kekurangan *check* dan *balance*. Satu sistem yang begitu lemah dan membenarkan kebocoran yang besar.

Rakyat telah melihat bahawa negara adalah kurang aman dan pada masa kini mereka melihat lebih banyak polarisasi di kalangan kaum berbanding tahun 1970-an. Mereka melihat polarisasi di sekolah, tempat kerja dan setiap lapisan masyarakat. Mereka melihat diskriminasi kaum dalam kehidupan seharian, pemberian biasiswa, peperiksaan, peluang kerja dalam jabatan kerajaan, naik pangkat, kontrak kerajaan dan banyak lagi. Mereka melihat lebih banyak pertelingkahan dan iri hati dalam pemberian kontrak kerajaan yang lumayan kepada mereka yang mempunyai hubung kait politik dan anak-anak mereka dan bagi mereka lebih banyak nampaknya tidak pernah mencukupi. Mereka melihat satu sistem yang cacat yang memecahbelahkan kita dan bukannya menyatukan kita.

Mereka boleh melihat bahawa kekayaan bukan sahaja melibatkan syer dalam syarikat tetapi meliputi tanah, rumah dan simpanan bank. Mereka melihat kekayaan yang meliputi syer, tanah, rumah dan simpanan bank yang besar tertumpu pada hanya beberapa peratus daripada jumlah penduduk negara. Mereka melihat kekayaan negara dipindahkan ke luar negara. Mereka melihat syer dalam syarikat merupakan keistimewaan untuk kelas elit sahaja. Mereka tidak dapat melihat logik bagaimana metodologi yang berasaskan syer dalam syarikat yang digunakan oleh EPU dapat memperbetulkan pengagihan kekayaan yang tidak sama rata di kalangan semua lapisan masyarakat.

Nelayan di Kelantan, petani di Kedah, masyarakat asli Iban di Sarawak dan Kadazan Dusun di Sabah tidak melabur dalam syer. Rakyat tidak dapat memahami dan berasa hairan mengapa statistik kebangsaan boleh menunjukkan penurunan kepada 18.9% dalam ekuiti bumiputera walaupun melalui kemajuan dalam lebih daripada 35 tahun apabila mereka boleh melihat secara jelas kemegahan Petronas Twin Towers, KLIA yang ultra-modern, Putrajaya yang moden dan maju, di antara lain memenuhi ruang ibu negara kita. Mereka mengesyaki satu metodologi yang cacat digunakan untuk memanipulasi data untuk agenda tertentu.

Landskap ekonomi juga telah berubah dengan pantas. Globalisasi telah menawan lingkup ekonomi setiap negara dan pelaburan secara langsung (FDI) telah secara perlahan-lahan beredar dari Malaysia menuju ke negara yang jauh lebih kompetitif oleh sebab kuota perkauman 30% yang tidak memberi faedah kepada mereka. Mereka melihat satu kecacatan sistem memalapkan peluang globalisasi. Mereka melihat satu sistem di mana Malaysia akan jauh ketinggalan.

Rakyat juga sedar bahawa semasa DEB diperkenalkan pada tahun 1970-an, GDP per kapita di kalangan jiran kita iaitu Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Korea Selatan adalah lebih kurang sama dengan kita. Selepas 36 tahun, Singapura dan Hong Kong adalah tiga kali lebih, Taiwan 2.5 kali lebih dan Korea Selatan adalah dua kali daripada GDP per kapita kita.

Jurang perbezaan di antara Malaysia dengan negara-negara ini menjadi semakin besar. Kita berkembang dengan lebih perlahan daripada jiran kita. Walaupun kita mempunyai petroleum, minyak sawit, getah dan sumber asli lain yang mereka tidak memiliki. Mereka melihat satu kecacatan sistem yang membantutkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Tidak ada perbandingan lain daripada dasar 35 tahun ini yang begitu ketinggalan masa, begitu tidak efektif, begitu cacat dan *counter-productive* yang masih digunakan untuk merancang pertumbuhan negara dan memperbetulkan pengagihan kekayaan di negara kita.

Bagaimana kerajaan dapat menganggap rakyatnya begitu buta sehingga tidak melihat kecacatan dan kegagalan dalam sistem ini di mana-mana sahaja? Sekurang-kurangnya kerajaan perlu mengkaji semula mengapa DEB begitu tidak efektif dalam mencapai objektifnya pada masa yang lalu. Paling tidak, ia sepatutnya menggugurkan atau menyusun semula dasar tersebut apabila pentadbiran Yang Amat Berhormat Abdullah yang baru mengambil alih tampuk pemerintahan dan bermulanya rancangan Malaysia Kesembilan.

Ia tidak dapat difahami bagaimana pentadbiran pada masa kini meneruskan dasar ini sehingga tahun 2020 apabila DEB telah terbukti begitu tidak efektif dan *counter-productive*.

Sekiranya hasil dasar tersebut adalah begitu cacat untuk di lihat oleh rakyat, ia mempunyai asas untuk membuktikan bahawa terdapat banyak kecacatan dalam metodologi yang digunakan oleh EPU:

- (i) mengambil kira 600,000 syarikat;
- (ii) menggunakan nilai par modal berbayar syarikat-syarikat tersebut; dan
- (iii) syarikat berangkai kerajaan atau GLC, dikecualikan daripada perkiraan.

Semua pemerhatian di atas adalah petunjuk jelas bahawa DEB yang bergantung kepada data dan metodologi daripada EPU mempunyai kecacatan dan setiap rakyat berpuas hati bahawa satu dasar yang penting yang memberi kesan langsung kepada kehidupan mereka dirahsiakan daripada mereka dalam masa yang begitu lama.

Sekiranya pemerhatian tersebut tidak cukup untuk meyakinkan kerajaan untuk mengkaji semua metodologi yang digunakan oleh EPU, saya akan menunjukkan contoh yang mudah untuk membuktikan secara matematikal bahawa metodologi EPU adalah begitu cacat. Kecacatan dalam metodologi EPU. Penjelasan nilai par, saya ingin menjelaskan apakah itu nilai par.

Adalah sesuatu yang biasa untuk sebuah syarikat bermula dengan modal berbayar berdasarkan nilai par dan mengekalkannya untuk satu tempoh yang lama. Ia tidak perlu meningkatkan modal berbayar selagi syarikat tersebut tidak memerlukan suntikan modal kerana dalam perakaunan dan dunia perniagaan menilai syer mereka berasaskan nilai pasaran.

Nilai par dalam syer tidak mempunyai apa-apa signifikan kecuali syarat-syarat pengumuman dalam undang-undang syarikat yang ketinggalan masa.

Sebagai contoh, sebuah syarikat bermula dengan modal berbayar (nilai par) sebanyak RM1 juta pada tahun 2006, dan mendapat tawaran kontrak sepuluh tahun untuk membina jambatan. Katakan ia mendapat keuntungan sebanyak RM10 juta dalam tempoh sepuluh tahun dan menyimpan keuntungannya dengan ketat. Nilai pasaran syarikat tersebut pada tahun 2016 ialah RM11 juta tetapi nilainya parnya masih berada pada RM1 juta.

Pemegang syer dalam syarikat tersebut boleh mengeluarkan keuntungannya melalui emolumen pengarahnya, dividen, caj pengurusan dan sebagainya, tetapi nilai par syer syarikat tersebut masih tidak berubah.

Perakaunan berasaskan nilai par ada kecacatannya. Nilai par tidak pernah digunakan oleh profesion perakaunan mana-mana di dunia untuk menilai harta sesebuah syarikat. Sekiranya sesebuah syarikat menggunakan nilai par untuk menilai syarikatnya dalam sektor swasta, ia boleh dianggap sebagai satu penipuan. Iaitu satu cara yang tidak jujur untuk terlebih atau terkurang menilai, nilai sebenar syarikat tersebut.

Berdasarkan prinsip perakaunan yang biasa diterima dan cara-cara perakaunan semasa, kecacatan metodologi EPU adalah begitu nyata seperti yang akan ditunjukkan.

Kecacatan nombor 1, metodologi EPU tidak mengambil kira kekayaan relatif.

Contoh 1: Ali memiliki 100 syer Tenaga, nilai par RM100 (RM1 sesyer). Nilai pasaran RM1,000 (RM10 per syer). Ahmad memiliki 1,000 syer Farlim, nilai par RM1,000 (RM1 per syer) nilai pasaran RM430 (RM0.43 per syer)

Metodologi EPU: Dalam nilai par, Ahmad ialah sepuluh kali lebih kaya daripada Ali, jadi Ali memerlukan bantuan lebih daripada Ahmad.

Kecacatan: Nilai par tidak menggambarkan nilai sebenar syer. Hakikatnya, Ali (syer bernilai RM1,000) adalah lebih kaya daripada Ahmad (syer bernilai RM430). Ini merupakan kecacatan yang paling asas dalam metodologi EPU. Sekiranya EPU tidak mengambil kira kekayaan relatif dalam pertimbangan, bagaimana ia dapat mengetahui siapa perlu dibantu untuk memperbetulkan pengagihan kekayaan yang tidak sama rata? Kes ini menunjukkan secara jelas bahawa EPU membantu orang yang salah.

Komen: Adakah sesiapa merasakan metodologi ini bijak? Dengan berpandukan metodologi seperti ini, adakah DEB dapat memperbetulkan ketidaksamarataan dalam kekayaan di negara kita? Bagaimanakah EPU dapat menghasilkan satu metodologi yang begitu teruk yang telah digunakan untuk lebih 35 tahun dan ia nampaknya akan digunakan secara berterusan tanpa batasan.

Dengan metodologi seperti ini, adalah tidak hairan mengapa rakyat telah mula untuk mempersoalkan kebijaksanaan *think tank* dalam EPU dan kesahihan data yang telah dikeluarkan dan digunakan untuk penstrukturan semula kekayaan.

Rakyat mempersoalkan sama ada sekiranya metodologi yang digunakan oleh EPU adalah salah, jadi rancangan lain, angka-angka dan perangkaan lain juga adalah salah. Kesan daripada itu, banyak rancangan kerajaan mungkin tersalah fokus dan sumber kita telah digunakan dengan tidak tepat. Ia tidak hairan bahawa ramai segmen dalam masyarakat telah mengadu bahawa mereka tidak dibantu dan tidak menerima apa-apa.

Kecacatan yang kedua, metodologi EPU mengambil kira syer rakyat Malaysia pada satu masa tetapi tidak kira aset penting yang lain.

Contoh 2: Zakaria memiliki aset-aset yang didaftarkan di bawah namanya;

- (i) nilai par modal RM2 dalam Zakaria Sdn. Bhd. yang bernilai RM10 juta;
- (ii) sebuah banglo besar 4 tingkat di Bukit Damansara bernilai RM10 juta; dan
- (iii) tunai RM20 juta di akaun bank di Switzerland

Metodologi EPU: Jumlah aset Zakaria hanya RM2. Jadi, Zakaria adalah miskin dan perlukan bantuan.

Contoh 3: Ali memiliki 100% Ali Berhad. 5 tahun yang lepas, beliau menjual 90% Ali Berhad pada RM100 juta. Beliau membeli satu aset di London untuk RM30 juta dan satu harta di Malaysia pada RM10 juta selepas diskaun 7% melabur dalam saham di Afrika RM20 juta, belanja untuk perkahwinan anak RM10 juta, memberi alimoni kepada isteri pertama RM30 juta selepas mengahwini isteri keduanya. Tidak ada sesiapa yang tahu aset asingnya walaupun berita perkahwinannya menjadi hangat di *Utusan Malaysia*.

Contoh - Metodologi EPU – Ali hanya memegang sebanyak 10% dalam Ali Berhad sekarang. Ali adalah dipinggirkan kerana kaum lain memiliki 90% sahamnya. Dia perlu diberikan tambahan 20% untuk dijadikan 30%.

Kecacatan dalam Contoh 2 dan 3:

- (i) ia hanya mengambil kira nilai par saham rakyat Malaysia dan mengecualikan aset penting yang lain seperti hartanah, simpanan bank, pelaburan saham asing dan pengeluaran keuntungan; dan
- (ii) ia hanya mengambil data pada satu masa.

Dan, dalam contoh 3 - Ali diberikan 100% saham pada asalnya tetapi beliau menjual sahamnya dan menukarkan keuntungannya kepada aset asing dan lain-lain aset. Hartanah, saham asing dan perbelanjaan mewah Ali tidak diambil kira oleh EPU. Daripada statistik sekarang, Ali hanya memiliki 10% saham. Peratusan ekuiti bumiputera yang sebenarnya hanya dapat digambarkan secara betul sekiranya Ali melaburkan 100% keuntungannya kepada saham dalam sebuah syarikat Malaysia.

Komen – Tidak ada apa-apa mekanisme untuk menyiasat seseorang selepas diberikan saham daripada menjual sahamnya bertukar menjadi aset lain, simpan di luar negara dan balik untuk mendapatkan lebih banyak *handoff*. Adakah EPU menganggap bahawa semua orang yang dibantunya adalah jujur? Adakah kroni-kroni ini jujur? Sehingga kebocoran ini dapat dielakkan, ia tidak ada justifikasi sama ada moral, politik dan ekonomi untuk meneruskan DEB. DEB tidak akan berjaya selain memperkayakan kroni, kerana lebih banyak wang yang disuntik ke atas ekonomi, lebih banyaklah yang akan terbobor di bawah.

Kecacatan Ketiga – EPU menganggap ekuiti bumiputera dalam GLC sebagai kosong adalah tidak betul.

Contoh 4 - Ali memiliki 100% dalam Ali Berhad. Beliau menjual 90% Ali Berhad kepada sebuah GLC yang dikuasai oleh UMNO. Ali Berhad tidak lagi sebuah syarikat bumiputera kerana GLC tidak dikira sebagai syarikat bumiputera. Saham Ali ialah 10% sekarang. GLC tidak mahu menjual sahamnya, jadi Ali perlu diberi 20% saham lagi dalam syarikat lain, Ah Chong Berhad untuk menjadikannya 30%.

Kecacatan:

- (i) ini menyebabkan ekuiti keseluruhan bumiputera jatuh dengan 90% dan pada masa yang sama meningkatkan ekuiti bukan bumiputera serta-merta selepas penjualan kepada GLC walaupun tidak ada apa-apa yang berubah; dan
- (ii) untuk mengelakkan ini, perlu diambil kira nilai bumiputera dalam pegangan GLC dan bukannya 0% pada masa ini. Guna 70%, 65% atau 60%, tetapi menganggap saham bumiputera dalam GLC sebagai 0% adalah tidak adil dan saksama.

Contoh 5...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya masih anggap ini ucapan dasar.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dasar mengenai servis.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tahu, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau tidak, apa EPU buat?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, baik, saya tahu. Yang Berhormat, mana satu butiran?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita ada butiran, 66(12), so, apa EPU buat? Itu mengenai EPU. Ini dasar besar, penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya tidak nafikan ini perkara penting.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itu dasar perkhidmatan. Ini diperuntukkan khas dalam 66(12).

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Bolehlah. Yang Berhormat, masa untuk kita membahaskan bajet, Yang Berhormat juga diberi peluang, jadi saya minta terus...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, saya tahu. Ini mustahak, oleh kerana ini perkara yang timbul.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baik, saya tidak nafikan perkara ini tetapi kalau boleh...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau Parlimen tidak boleh bahas perkara ini....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh bahas tetapi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini tidak wajarlah, Parlimen patut ada...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh bahas tetapi Yang Berhormat ambil kira ramai juga ada...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, ya. Kita tahu ada dua hari. Mungkin malam kita perlu lanjutkan. Ini mustahak, berapa wang dalam Jabatan Perdana Menteri, RM30 bilion...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya tidak nafikan ini...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Jangan kita lima minit habiskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak, sekarang Yang Berhormat berucap lebih daripada 20 minit...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini penting. Itu perkara ASLI baik ataupun yang baik, atau EPU yang baik. Kita perlu ambil masa berminggu-minggu. Ini 35 tahun...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya faham tetapi saya menjalankan tugas saya mengikut masa yang ditentukan. Baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya tahu, ini mustahak RM30 bilion dalam fasa ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, semua yang dibangkitkan memang mustahak. Kalau tidak mustahak, tidak akan dibawa ke Parlimen.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, mustahak, sebab itu kita di Parlimen. Kita mahu Parlimen mustahak. Saya mahu Parlimen relevan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya minta supaya ambil kira....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya akan cuba sebab itu saya begitu cepat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli Yang Berhormat yang lain juga akan minta berucap. Baik.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya tahu, tetapi ini penting tidak boleh diketepikan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau boleh jalan macam *bullet train* pun bagus.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Bullet train* tidak mahulah, itu hak keistimewaan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Seorang Ahli:** Cakaplah, apa banyak cerita?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Contoh 5 – GLC Berhad mempunyai 80% pemegang saham bumiputera, menggaji 80% kakitangan bumiputera dan memberikan 80% daripada kontraknya kepada kontraktor bumiputera. Ah Chong Berhad mempunyai 30% pemegang saham bumiputera, menggaji 30% kakitangan bumiputera dan memberikan 30% kontraknya kepada kontraktor bumiputera.

Menurut metodologi EPU, GLC Berhad dikira sebagai 0% syarikat bumiputera. Jadi, Ah Chong Berhad mempunyai lebih banyak peratusan ekuiti bumiputera daripada GLC Berhad.

Kecacatan – GLC Berhad memperkayakan 80% pemegang saham bumiputera melalui dividen dan nilai pasaran saham. Memperkayakan 80% kakitangan bumiputera melalui gaji, bonus, faedah dan memperkayakan 80% kontraktor bumiputera melalui pemberian kontrak. Bagaimana GLC Berhad tidak dikira sebagai syarikat bumiputera?

Komen – dalam contoh tadi, walaupun 80% daripada kekayaan dialirkan kepada pemegang saham, kakitangan dan kontraktor yang semuanya merupakan bumiputera, ia bukan merupakan syarikat bumiputera? Bukan 1% pun bumiputera tetapi sekiranya ia adalah sendirian berhad yang biasa atau syarikat selain GLC, adakah ia tidak akan dikira sebagai syarikat bumiputera? Ini tidak masuk akal dan logik.

Kecacatan nombor 4 – metodologi EPU tidak mengambil kira pemberian berulang atau *handoff* dan tidak ada mekanisme untuk menghentikan kebocoran.

Contoh 6 – Ali diberi 30% saham atau RM30 juga saham dalam Muthu Berhad pada satu harga IPO pada RM1.50 sesaham untuk jumlah besar sebanyak RM45 juta. Selepas satu tahun, Ali menjual semua sahamnya dalam Muthu Berhad pada RM10 sesaham untuk RM300 juta. Beliau mendapat keuntungan lumayan sebanyak RM255 juta yang disimpan dalam bank.

Metodologi EPU – oleh kerana beliau tidak memiliki sebarang saham pada masa kini, beliau layak untuk memohon lot saham bumiputera sebanyak 30% dalam IPO di Ah Chong Berhad pada RM1.50 pada tahun kedua.

Ali seterusnya membeli Peter Berhad, Ranjit Berhad, Sayonara Berhad dan sebagainya. Dalam tahun ketiga, keempat, kelima, menggunakan modus operandi yang sama. Dalam semua tahun ini, ekuiti bumiputera tidak pernah melebihi 30%.

Kecacatan – ia tidak mengambil kira berapa kali Ali memohon saham melalui IPO selagi beliau telah menjual semua sahamnya sebelum memohon untuk IPO yang lain atau beliau telah menggunakan nama nominee-nya. Ini secara jelas menyebabkan penggandaan dua kali, tiga kali, empat kali *handouts* selagi beliau dapat memastikan wangnya tidak dikira dalam sistem kiraan. Contohnya di dalam bank, hartanah, pelaburan asing dan lain-lain.

Komen – contoh ini menunjukkan begitu banyak peluang untuk kebocoran berlaku. Dua kali ganda, tiga kali ganda tanpa menyentuh barometer 30% ekuiti. Yang teruknya ialah tidak ada mekanisme dan tidak ada usaha langsung untuk menutup kebocoran tersebut.

Kecacatan kelima – pengiraan EPU dalam peratusan ekuiti bumiputera berdasarkan nilai par adalah tidak betul dan memperdayakan.

Contoh tujuh – Ali memulakan sebuah syarikat RM2 bernama Ali Sdn Bhd pada tahun pertama. Beliau menemui satu cara unik dan genius untuk menjual sehelai kertas untuk satu jumlah wang yang besar dan mendapat RM200 juta untuk setahun. Pada tahun kelima, syarikat RM2 itu bernilai RM1 bilion dalam tunai.

Ahmad memulakan sebuah syarikat RM2 bernama Ahmad Sdn. Bhd. pada tahun pertama. Beliau telah diberikan permit teksi dalam jumlah yang besar dan mendapat keuntungan sebanyak RM10 juta setahun yang beliau perolehi sebagai gaji setiap tahun. Pada tahun kelima, syarikatnya masih RM2 walaupun beliau telah memperoleh RM50 juta dalam bentuk gaji.

Aziz merupakan seorang yang kaya tetapi terlibat dalam perniagaan yang berisiko di mana beliau bimbang pemiutangnya akan menuntut daripadanya. Di atas nasihat firma perakaunannya, beliau memindahkan semua asetnya yang berjumlah RM500 juta ke dalam satu syarikat pegangan pelaburan yang dinamakan Aziz & Anak Sdn Bhd yang dikuasai oleh nominee-nya pada RM250 saham biasa dan yang lebihnya dalam saham pilihan pada tahun pertama. Syarikat pelaburannya mendapat RM20 juta setahun dalam bentuk sewa dan dividen tetapi pada tahun kelima saham syarikatnya masih berada pada RM250.

Muthusamy memulakan sebuah syarikat bernama Muthusamy Sendirian Berhad. Pada tahun pertama beliau meminjam RM100 daripada saudaranya dan meletakkan wang tersebut dalam syarikatnya sebagai modal dan memulakan perniagaannya menjual kacang putih di sekitar Jalan Chow Kit dengan motosikalnya yang dibeli oleh syarikatnya melalui sewa beli. Beliau mendapat keuntungan RM1,000 setahun ini dan melabur semula RM100 setahun ke dalam syarikatnya sebagai modal. Pada tahun kelima, modalnya telah meningkat menjadi RM1,400.

Metodologi EPU – tahun pertama, oleh kerana metodologi EPU hanya mengira saham biasa pada nilai parnya, ekuiti bumiputera ialah hanya 20% sementara itu Muthusamy mempunyai 80%. Jadi Ali, Ahmad dan Aziz semua memerlukan bantuan dan perlu terus diberi bantuan sehingga ekuiti mereka mencapai 30%.

Kedua, tahun kelima, oleh kerana metodologi EPU hanya mengira saham biasa pada nilai par, ekuiti bumiputera telah berkurangan daripada 20% kepada 5% berbanding dengan ekuiti Muthusamy sebanyak 85%. Kemajuan Ali, Ahmad dan Aziz telah berkurangan. Ekuiti Muthusamy telah meningkat pada kos Ali, Ahmad dan Aziz. Muthusamy mesti berkongsi pengetahuannya dengan Ali, Ahmad dan Aziz. Pada masa yang sama Ali, Ahmad dan Aziz memerlukan bantuan dan mesti diteruskan dengan bantuan sehingga ekuiti mencapai 30%.

Kecacatan – di sini kita boleh lihat kecacatan terbesar dalam menggunakan nilai par untuk mengira peratusan pegangan ekuiti:

- (i) Ali, Ahmad dan Aziz adalah jauh lebih kaya daripada Muthusamy dalam tetapi menggunakan metodologi nilai par menunjukkan bahawa Muthusamy adalah lebih maju daripada mereka dengan 80% ke 20%;

- (ii) Ali, Ahmad dan Aziz Berhad boleh terus mendapat kontrak besar tanpa meningkatkan 0.01% ekuiti mereka pun;
- (iii) Ali, Ahmad dan Aziz boleh meningkatkan kekayaan individu mereka melalui nilai pasaran dan keuntungan yang diperolehi melalui dividen, gaji dan caj pengurusan tanpa perlu meningkatkan 0.01% ekuiti mereka; dan
- (iv) Ali, Ahmad dan Aziz Sendirian Berhad boleh juga terus menerima kontrak besar dan meningkatkan kekayaan mereka tanpa batasan tetapi pada masa yang sama boleh merekodkan kejatuhan dalam peratusan ekuiti mereka. Dalam kes ini jatuh dari 20% hingga 15%.

Komen – penggunaan metodologi yang cacat mungkin merupakan salah satu faktor mengapa pegangan ekuiti sebenar bumiputera telah jatuh menjadi 18.9% selain daripada sebab ada di kalangan bumiputera yang telah menjual saham mereka.

Presiden Gerakan dan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Yang Berhormat bagi Beruas pun mempersoalkan metodologi EPU dan meminta kerajaan mengumumkan metodologi yang digunakan untuk sampai ke angka 18.9%. Pada hakikatnya, tidak ada orang yang berfikir adil akan mempercayai bagaimana angka-angka EPU boleh menunjukkan penurunan ekuiti bumiputera menjadi 18.9% apabila mereka melihat di sekeliling mereka dipenuhi dengan projek-projek mega seperti Petronas Twin Towers, KLIA, kemegahan Putrajaya, Lebuhraya Utara Selatan dan Pantai Timur, APs, teksi permit, hospital, masjid, komputer, mahligai dan berbilion-bilion ringgit daripada kontrak, dari Rancangan Malaysia Kedua hinggalah Rancangan Malaysia Kesembilan masa kini yang sebahagian besarnya telah diberikan kepada syarikat bumiputera atau kontraktor sejak tahun 90-an.

Beberapa kajian telah dibuat yang menunjukkan bahawa pegangan ekuiti bumiputera sebanyak 18.9% adalah tidak tepat tetapi mereka telah dinaikkan secara terus sebagai 'sampah' walau pun tanpa kajian yang mendalam Dewan Negara perbincangan secara intelektual.

Laporan ASLI merupakan salah satu kajian yang mempersoalkan angka 18.9% ekuiti bumiputera tersebut. Laporan lain ialah satu kajian penyelidikan Universiti Malaya yang bertajuk "*Bumiputera in The Corporate Sector - Three Decades of Performance 1970-2000*" yang dijalankan oleh Dr. M Fazilah Abdul Samad yang merupakan Ketua Jabatan Kewangan dan Perbankan dalam Fakulti Perniagaan dan Perakaunan yang telah disiapkan pada tahun 2002 mendapati bahawa pegangan ekuiti bumiputera sebanyak 30% telah tercapai sedekad yang lalu seperti yang disasarkan dalam Dasar Ekonomi Baru apabila ia mencapai 33.7% pada tahun 1997.

Kajian Fazilah merupakan penerbitan yang pertama dalam *Research Reports Series of the Centre for Economic Development and Ethnic Relations* atau CEDER, Universiti Malaya yang melibatkan sekumpulan penyelidik daripada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran dan Fakulti Perniagaan dan Perakaunan dalam satu projek penyelidikan bermula pada awal 2000 untuk mengkaji implikasi Dasar Ekonomi Baru ke atas masyarakat bumiputera.

Kajian-kajian ini menunjukkan contoh klasik mengenai penggunaan atau penyalahgunaan statistik untuk '*lies, lies and more lies*'. Kedua-dua kenyataan tadi jika digabungkan boleh mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru ialah satu "SHAM" atau "SCAM". Ia menyembunyikan kemajuan sebenar oleh bumiputera dan sasaran yang ditetapkan atau segelintir orang bumiputera dan sasaran yang ditetapkan sebanyak 30% tidak mungkin dapat dicapai.

Ia menyembunyikan kemajuan sebenar daripada bukan bumiputera supaya satu golongan kecemerlangan dari UMNO-Putera boleh menikmati DEB diteruskan tanpa batasan dan mereka boleh terus memperkayakan diri mereka. Bukan sahaja kepada bukan bumiputera, ia juga menyembunyikan kemajuan sebenar kepada golongan umum orang Melayu yang miskin dan sederhana supaya mereka tidak akan mempersoalkan pemimpin mereka ke mana perginya semua wang tersebut.

Sekiranya statistik menunjukkan orang Melayu telah mencapai 45% pegangan ekuiti tetapi kaum Melayu yang miskin dan sederhana tidak mendapat manfaat sesen pun daripada sasaran DEB, jadi ke mana perginya semua wang tersebut?

Jawapan adalah jelas – ia telah pergi ke segolongan kecil orang yang mempunyai pertalian politik, anak-anak mereka dan kroni-kroni UMNO-Putera yang sekarang menjadi NEPPutra....

**Beberapa Ahli:** [Bersorak]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Dengan terus menggunakan angka peratusan yang rendah, mereka boleh menggunakan bukan bumiputera sebagai 'bogeyman' dan menyalahkan mereka kononnya telah merampas kekayaan mereka daripada bumiputera dengan menggunakan tipu helah ini, mereka kepada umum orang Melayu, mereka harap dan tahu pemimpin UMNO akan terus dipilih tampuk kuasa pemerintahan.

Kecacatan ketujuh – metodologi EPU memutarbelitkan gambaran sebenar mengenai syarikat dan negara. Contoh kesembilan – Ali memulakan suatu peniaga perkapalan bernama Ali Baba Sendirian Berhad lima tahun yang lepas pada tahun 2000 dengan modal nilai par sebanyak RM2. Sejurus selepas itu, ia telah diberikan beberapa kontrak jangka panjang oleh GLC yang utama untuk mengangkut barangan ke seluruh dunia.

Pada tahun yang sama, Ali juga mendaftarkan sebuah syarikat di Panama bernama Ali Baba & Sons (Panama) Limited untuk membekalkan semua perkhidmatan nasihat, *maintenance* dan logistik kepada Ali Baba Sendirian Berhad. Dengan hubungan politiknya, Ali Baba Sendirian Berhad berjaya mendapat pinjaman sebanyak RM500 juta daripada Bank Islam pada tahun 2000.

Pada tahun 2000, Ali Baba Sendirian Berhad mencatatkan kerugian besar sebanyak RM500 juta, manakala Ali Baba & Sons (Panama) Limited berjaya mencatat keuntungan sebanyak RM200 juta melalui dasar pemindahan harga yang sengaja. Oleh kerana tidak dapat membayar balik pinjaman banknya dan gagal meneruskan perniagaannya, Ali Baba Sendirian Berhad telah gulung tikar pada tahun 2006.

Hutang pinjaman RM500 juta ini telah dihapuskan secara sepenuhnya sebagai hutang lapuk oleh Bank Islam. Bank Islam yang terjejas teruk dengan hutang lapuk ini bersama dengan hutang-hutang lain terkumpul, terpaksa mendapat *bailout* sebanyak RM2 bilion daripada kerajaan untuk mengelakkan daripada gulung tikar.

Pada masa yang sama, Ali secara relatifnya tidak terjejas akibat daripada masalah tersebut kerana pinjaman bank syarikatnya sebanyak RM500 juta sebenarnya dibayar oleh rakyat Malaysia melalui *bailout* Bank Islam.

Metodologi EPU – dengan menggunakan metodologi nilai par modal Ali Baba Sendirian Berhad ialah RM2 pada tahun 2000 dan dipancutkan menjadi RM0 pada tahun 2006. Ali Baba Sendirian Berhad telah kerugian RM2. Syarikat ini perlu diberi bantuan khas untuk berdiri di atas kaki sendiri sekali lagi. Selepas Ali Baba Sendirian Berhad gulung tikar, Ali menubuhkan satu lagi syarikat yang bernama Ali Nominees Sendirian Berhad menggunakan sebahagian wang daripada Ali Baba & Sons (Panama) Limited, ia telah diberikan beberapa kontrak jangka panjang di bawah satu skim khas untuk syarikat-syarikat yang terjejas oleh krisis kewangan. Ia menggunakan modus operandi yang sama dan memerlukan proses tersebut sekali lagi, kecuali pada kali ini ia mendapat pinjaman sebanyak RM500 juta daripada Bank Rakyat.

Kecacatan: Metodologi nilai par, memutar belitkan situasi sebenar mengenai syarikat dan negara. Contoh tadi menunjukkan dengan jelas, kerugian kepada Ali Baba Sdn. Bhd. hanya RM2. Hakikatnya, keadaan sebenar adalah lebih serius daripada kerugian nilai par sebanyak RM2.00. Ia menyembunyikan kerugian RM500 juta oleh Ali Baba Sdn. Bhd. dan RM2 bilion dalam *bailout* oleh Bank Islam menggunakan wang pembayar cukai dari semua kaum.

Di sini kita melihat bagaimana melalui perpindahan harga, keuntungan boleh diserapkan kepada sebuah syarikat asing, Ali Baba & Sons Sdn. Bhd. tanpa perlu dikira oleh EPU dan Bank Islam masing-masing. Dalam undang-undang, Ali Baba's & Sons (Panama) Ltd. merupakan syarikat asing dan merupakan syarikat berasingan daripada Ali Baba Sdn. Bhd.

Komen - Dengan tidak mengendahkan keadaan yang sebenar, metodologi EPU menawarkan satu peluang baik untuk *cover-ups* dan *mismanagement* tanpa perlu sebarang akauntabiliti.

Sekiranya ada sebarang pengajaran yang boleh dipelajari atau sebarang tindakan pembetulan yang boleh diambil, ia hanya boleh dilakukan dengan melihat gambaran yang sebenar. Rakyat yang tidak menyedari ini hanya akan berasa terkilat sekiranya mereka dapat menggabungkan kesemua kerugian yang begitu besar kepada negara yang disebabkan oleh *mismanagement* dan *bailouts* sejak tahun 1970an. Skandal Bumiputera Finance, skandal Maminco London *tin-buying*, skandal EPF-Makuwasa, kerugian mata wang asing oleh Bank Negara, Perwaja Steel, MAS, MISC, Bank Bumiputera, Bank Islam dan lain-lain.

Adalah tidak dapat dipertahankan oleh kerajaan untuk terus membantu kroni-kroni bumiputera ini yang telah kehilangan wang akibat daripada krisis kewangan. Kebanyakan mereka, walaupun telah menjadi muflis atau kerugian besar, masih hidup dalam keadaan serba mewah oleh sebab kebanyakan mereka telah memindah wang keluar negara supaya tidak dapat dituntut oleh pemiutang mereka. Adakah patut sekiranya seseorang yang kekayaan sebelum krisis, bernilai RM500 juta dan sekiranya dia kerugian RM400 juta dibantu dan bukannya petani dan nelayan yang miskin? Adakah sesiapa yang mencadangkan orang seperti Tajudin, Amin Shah, Daim atau seperti ini perlu diberi bantuan lagi?

Kecacatan nombor lapan – kecacatan *sampling* metodologi EPU dan contoh kesepuluh, yang terakhir. Kekayaan semua rakyat Malaysia sama ada di dalam bentuk entiti atau orang perseorangan boleh dikategorikan seperti berikut:

- (a) Kekayaan entiti atau individu yang lebih menjurus kepada bumiputera....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ... Yang pertama...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada banyak lagi?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, banyak lagi. EPU mustahak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak apa. Saya hendak tahu berapa lama lagi.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dua jam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Perlu dua jam kah?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Jadi saya kena hadkanlah lima minit untuk gulunglah.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Oh, kalau begitu apa guna kita perbincangan di sini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabarlah Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** RM30 bilion?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Lima minit? Ini main-mainlah. Jangan main-main.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Negara tunggu Parlimen bahas...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini membazirkan harapan rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Sabar Yang Berhormat. Yang Berhormat, dengar dulu. Bukan saya...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, ini isu mustahak! Rakyat negara ini tunggu!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Dunia pun melihat! Jangan buat begitu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Bukan, Yang Berhormat dengar dahulu. Dengar saya terangkan. Duduk, duduk. Yang Berhormat duduk.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya serius dalam perkara ini! Ambil masa yang begitu panjang untuk buat persediaan. Bukan main-main.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat duduk, duduk, duduk!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ini bukanlah sesiapa sahaja boleh buat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Duduk, duduk. Saya terangkan sedikit.

Yang Berhormat, sebenarnya kali ini memang kita memberikan masa yang cukup kepada Yang Berhormat. Sekarang sudah lebih daripada 40 minit. Yang Berhormat juga telah bersetuju pada lazimnya. Biasanya kita pada Peringkat Jawatankuasa memang tidak memberikan masa yang tidak begitu panjang....  
[Disampuk]

Yang kedua, Yang Berhormat kena faham jugalah, mesyuarat diberi peluang berucap bukan tidak boleh membenarkan kita yang mengehendkan masa. Di mana-mana pun, di mesyuarat mana-mana pun, masa juga akan dihadkan. Yang Berhormat, kita baru pergi ke mesyuarat di Dewan, lima minit. Yang Berhormat dibenarkan lima minit, tiga minit pun tak apalah tetapi saya minta Yang Berhormat, ambil kira Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.... [Disampuk] Jadi, jangan anggap Yang Berhormat akan diberi peluang dua jam lagi, tak ada. Sampai masa, saya akan hadkan. Baik, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Terima kasih dan saya kata tadi bahawa menunjukkan kecacatan *sampling* metodologi EPU. Ini mustahak, 35 tahun negara tunggu.

- (a) Kekayaan entiti atau individu yang lebih menjurus kepada bumiputera:
  - (i) sebahagian besar GLCs yang mempunyai majoriti kakitangan bumiputera dan pemberian sebahagian besar kontrak kepada bumiputera seperti Telekom, Tenaga, Proton, MAS, UEM, Bumiputra Commerce, Affin Bank dan lain-lain;
  - (ii) Syarikat Petroleum Nasional - Petronas dan kumpulan syarikatnya;
  - (iii) skim tanah khas yang dilancarkan untuk bumiputera seperti FELDA, rancangan pembangunan tanah yang besar, yang meliputi jutaan ekar tanaman kelapa sawit dan getah;
  - (iv) skim saham khas yang dilancarkan untuk bumiputera seperti ASB dan PNB yang menawarkan saham dalam Amanah Saham Nasional, Amanah Saham Wawasan 2020 dan lain-lain;
  - (v) koperasi khas dan badan yang bertanggungjawab ke atas kepentingan bumiputera seperti LTAT, Tabung Haji dan lain-lain yang memiliki jumlah harta benda yang besar dan saham dalam syarikat yang disenaraikan; dan

- (vi) individu-individu bumiputera yang memiliki jumlah yang besar ataupun majoriti daripada hartanah di negeri Sarawak, Johor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak.
- (b) Kekayaan entiti atau individu yang tidak menjurus kepada mana-mana kaum seperti:
  - (i) perkongsian, pemilikan tunggal, koperasi, pertubuhan dan entiti lain yang dimiliki semua kaum;
  - (ii) individu dari semua kaum yang memiliki aset (hartanah, saham, simpanan bank dan lain-lain) di luar Malaysia; dan
  - (iii) individu dari semua kaum yang memiliki aset selain saham di Malaysia.
- (c) Kekayaan entiti atau individu yang lebih menjurus kepada bukan bumiputera:
  - (i) syarikat besar, sederhana dan kecil yang dimiliki oleh semua rakyat di Malaysia; dan
  - (ii) individu bukan bumiputera yang memiliki kebanyakan daripada hartanah di negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Perak dan Melaka.

Metodologi EPU: Daripada spektrum yang begitu luas seperti yang dinyatakan mengenai entiti dan individu, EPU hanya mengambil sampel daripada 600,000 syarikat di kategori (c)(i) di atas. Untuk sebab yang tidak diterangkan, ia telah mengecualikan daripada kajian semua kekayaan yang dimiliki oleh semua entiti dan orang perseorangan di kategori (a), (b), dan (c)(ii). Sebenarnya, kecacatan ini ialah:

- (i) undang-undang sedia ada membenarkan perniagaan dijalankan bukan sahaja melalui syarikat persendirian tetapi juga melalui perkongsian, milikan tunggal, koperasi, pertubuhan dan entiti perniagaan yang lain. Kekayaan boleh dihasilkan melalui entiti perniagaan ini. Tambahan pula, kekayaan (harta, saham, simpanan bank dan lain-lain) juga boleh dipunyai oleh individu persendirian melalui pembelian atau diwarisi. Kekayaan boleh ditempatkan di dalam negara dan juga di luar negara. Jadi, kajian EPU yang hanya ambil satu kategori (c)(i), dan kecualikan (a), (b) dan (c)(ii) merupakan satu kelemahan dan kecacatan yang ketara kerana ia tidak mewakili seluruh spektrum kekayaan yang dimiliki oleh seluruh rakyat Malaysia. Pemusatan kekayaan dalam kategori (a), (b), dan (c)(ii) adalah sangat besar dan secara kolektifnya mungkin melebihi kekayaan dalam kategori kekayaan dalam (c)(i) tetapi mengapa ia dikecualikan?;
- (ii) kajian terhadap 600,000 syarikat dalam kategori (c)(i) dipetik daripada satu *sampling* populasi yang menjurus kepada bukan bumiputera dan oleh itu keputusan kajian yang diperolehi mestilah menjurus kepada satu kaum dan tidak mewakili keseluruhan populasi;
- (iii) seolah-olah kecacatan ini tidak mencukupi, di kalangan syarikat dalam kategori (c)(i), EPU hanya mengambil kira nilai par modal syarikat-syarikat tersebut dan bukannya nilai pasaran yang mungkin menggambarkan dengan lebih jelas kekayaan. Nilai par tidak boleh dijadikan unsur kekayaan dan oleh itu keputusan yang diperolehi adalah tidak bermakna;

- (iv) 600,000 syarikat yang dikaji oleh EPU adalah langsung tidak mewakili 26 juta rakyat Malaysia dengan mengambil kira satu orang boleh memiliki sepuluh atau 100 buah syarikat. Kebetulan kenyataan disokong oleh pengecualian dalam kajian tersebut. Kekayaan yang dimiliki oleh entiti di kategori (a), (b), dan (c)(ii); dan
- (v) sektor perladangan membentuk sebahagian besar daripada penggunaan tanah Malaysia. Malaysia merupakan pengeluar terbesar minyak sawit, getah dan produk pertanian lain yang dihasilkan di dunia. Nilai tanahnya jauh lebih besar sekiranya dibandingkan dengan perkiraan kuantiti kekayaan. Namun kekayaan FELDA dan GLCs perladangan yang dikuasai oleh bumiputera seperti Guthrie, Boustead, Sime Darby dan lain-lain tidak dikira dalam metodologi EPU. Secara kolektifnya, kumpulan ini mewakili sebahagian besar daripada jumlah perladangan dan sumber komoditi serta kekayaan di Malaysia. Tetapi pada masa yang sama, syarikat perladangan bukan bumiputera yang lebih kecil seperti Unico, Tanamas, Harn Len, Far East dan banyak lagi telah dimasukkan dalam perkiraan EPU.

Masa untuk mengumumkan metodologi EPU dan menukar DEB. Dalam melihat sepuluh contoh yang dipermudahkan di atas, kita boleh membuat kesimpulan, bahawa DEB telah ketinggalan masa dan bergantung kepada metodologi yang:

- (i) satu tidak menilai kekayaan relatif untuk menentukan siapa yang patut dibantu dan siapa yang tidak;
- (ii) menggunakan data yang memperoleh hanya daripada sebahagian saham dalam syer Malaysia dan tidak mengambil kira bahagian aset penting yang lain untuk membuat keputusan secara umum untuk semua rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat;
- (iii) telah membenarkan pembocoran yang luas tanpa mekanisme untuk menutupnya;
- (iv) adalah sesuatu yang memalukan apabila mengukur kemajuan sebenar dengan sasaran yang ditetapkan;
- (v) memutarbelitkan gambaran yang sebenar mengenai syarikat dan negara;
- (vi) menyebabkan pengiraan peratusan pegangan ekuiti bumiputera yang tidak tepat dan memperdayakan; dan
- (vii) diperoleh daripada satu cara *sampling* yang tidak betul dan berat sebelah.

Ia tidak menghairankan mengapa DEB telah menjadi begitu tidak efektif sehingga satu tahap kaunter produktif dalam membetulkan ketidakseimbangan dalam kekayaan negara kita. Akan tetapi ia membantu untuk melindungi rasuah *cover up* pembaziran ketidakefisienan menyebabkan *brain drain*, dan melemahkan daya saing negara dalam menarik pelaburan asing dan FDI. Ia semakin jelas bahawa DEB hanya ditujukan khas untuk segolongan kecil dan kumpulan tertentu yang mempunyai pertalian politik dengan parti memerintah. Persoalannya ialah, adakah kita mahu terus menggunakan dasar yang begitu tidak efektif dan kaunter produktif ini untuk selama 14 tahun lagi yang tentu akan merugikan dan membahayakan rakyat biasa dan negara. Melihat kepada enam kecacatan dan sepuluh contoh yang telah saya perkatakan dan menjelaskan satu persatu.

EPU telah hilang kredibiliti dan keyakinan awam dalam integriti dan profesionalisme dan metodologi dan data yang digunakan untuk membuat pelbagai keputusan yang penting untuk negara.

Rakyat Malaysia menginginkan kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk mengumumkan metodologi dan data yang digunakan oleh EPU untuk mengira pecahan mengikut kaum dalam dagangan ekuiti DEB dan pengagihan dan melibatkan mereka dalam perbincangan secara intelektual untuk menghasilkan satu metodologi yang lebih baik dan berkesan untuk membetulkan ketidakseimbangan dalam pengagihan kekayaan untuk negara. Sebenarnya Tuan Pengerusi, ini adalah bahagian pertama sahaja mengenai EPU.

Oleh kerana angka-angka ini mustahak, tetapi oleh kerana teguran daripada Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bahagian kedua mengenai EPU dan data-data itu, saya akan lompat. Selain daripada kesimpulan bahagian kedua, ialah pun sepuluh muka. Ini banyak kerja, kita mahu pakar-pakar untuk kaji satu perkara yang penting dan inilah sebenarnya tujuan Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, yang pertama saya hendak mengucapkan terima kasih, yang kedua saya fikir Yang Berhormat yang lain juga ada buat persiapan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, sebab itu kita perlu....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Kita perlu bincang sampai *midnight*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak apa.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kita boleh sampai *midnight*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, saya boleh benarkan Yang Berhormat satu orang ucap sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Tidak, saya tidak cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** ...Akan tetapi, saya akan tolak permintaan daripada ahli Yang Berhormat dan saya yakin Yang Berhormat tidak akan suka lihat saya.....

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Saya sedar itu. Oleh kerana itu, ada banyak hal saya tinggalkan bab yang kedua mengenai EPU dan terus mengenai kesimpulan bahawa masa sudah sampai bahawa seperti yang sering diulangi, Rancangan Malaysia Kesembilan yang berjaya, kalau mahu berjaya adalah bergantung kepada sektor swasta untuk memainkan peranan mereka sebagai enjin penjana. Adakah penting bagi kerajaan mengakui bahawa sektor swasta yang penuh dengan rasa sangsi dan curiga pastinya tidak dapat memainkan peranan tersebut ini. Ini memerlukan jaminan kerajaan bahawa kerajaan akan melaksanakan dasar-dasar yang menggalakkan pengaliran maklumat serta berdasarkan bukti yang kukuh. Penggunaan data yang boleh dipercayai dan tidak dimanipulasikan untuk faedah kadar jangka pendek politik.

Adalah dalam konteks ini saya mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini dengan amat berhati-hati bahawa perlunya ketelusan dalam aspek statistik berkenaan pemilikan ekuiti korporat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ulasan pada pihak..., ada berkata bahawa bukan masalah untuk mengumumkan metodologi dan ini pun diikuti oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa kaedah kerajaan untuk mengira pemilikan ekuiti bumiputera bukan satu yang rahsia dan boleh dikemukakan. Sikap membisu yang aneh serta kegagalan untuk mengumumkan kaedah pengiraan dan data EPU seakan-akan membuktikan bahawa terdapat masalah yang serius untuk kerajaan melaksanakan janjinya terhadap ketelusan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa patutlah sedar bahawa kedua-dua mereka akan hilang kredibiliti jikalau mereka gagal untuk melaksanakan janji terbuka untuk mengumumkan kaedah pengiraan dan data EPU terutama selepas Malaysia kini menyiarkan laporan eksklusif bahawa kajian pendidikan Universiti Malaya. Laporan Fazilah, adalah penting bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil tindakan terus dengan mengarahkan EPU untuk mengumumkan kaedah pengiraan klasifikasi dan andaian-andaian yang digunakan untuk menghitung angka-angka pemilikan ekuiti seperti yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesembilan pada masa yang sama. EPU juga harus menerbitkan set-set data yang telah digunakan dalam proses pengiraan tersebut.

Perdana Menteri harus melihat perkara ini sebagai satu yang penting serta menubuhkan panel pakar yang bebas untuk mengkaji semula kaedah dan amalan pengiraan yang sedang digunakan oleh EPU dan agensi-agensi kerajaan yang lain dan mentafsir sumber-sumber data yang digunakan dalam pengiraan ekuiti korporat yang dimiliki. Dengan kajian semula yang dijalankan, panel tersebut harus membuat cadangan-cadangan yang komprehensif berkenaan kaedah pengiraan yang diperlukan dengan mengambil kira amalan serta piawaian statistik yang perakaunan profesional yang terbaik.

Terma-terma rujukan bagi panel haruslah cukup luas, sehingga membenarkan berunding dengan golongan profesional yang berkeelayakan dan badan-badan yang sesuai untuk menghasilkan piawaian pengiraan yang baru. Panel tersebut harus terdiri daripada akauntan-akauntan profesional, ahli-ahli ekonomi, penganalisis korporat, ahli-ahli akademik dan pakar-pakar statistik yang masing-masing dan sektor awam dan juga sektor swasta menikmati tahap kebolehppercayaan yang tinggi. Panel ini harus menyempurnakan tugas mereka dengan cepat dengan kaedah pengiraan baru yang dipersetujui seharusnya dapat digunakan oleh EPU semasa membuat persediaan untuk kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Langkah-langkah ini harus diumumkan oleh Perdana Menteri semasa membuat ucapan penggulungan terhadap Bajet 2007 adalah mustahak bahawa langkah-langkah sedemikian harus cepat diambil demi menangkis spekulasi yang tidak sihat dan menahan kecenderungan polarisasi kaum ekoran daripada apa yang diperlukan oleh negara kita adalah hala tuju yang jelas di mana kita dapat sama-sama memberi sumbangan terhadap perpaduan nasional dan bukannya memecahkan lagi rakyat kita. Biarlah kita menghilangkan dugaan misteri terhadap pengiraan ekuiti yang dilakukan oleh EPU.

Tuan Pengerusi, saya alih kepada isu yang lain. ACA Badan Pencegah Rasuah, korupsi dan jabatan-jabatan yang lain dalam Jabatan Perdana Menteri. Kita sedar melalui separuh daripada Parlimen yang kesebelas, *we need points* sekarang dan saya ingat dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja, Mei 2004, saya ada memberi satu amaran kebanyakan bahawa majoriti Bahasa Melayu ini ialah merupakan satu *time bomb* untuk demokrasi dan *good governance*.

Ini oleh kerana sungguhpun masa itu adalah kesedaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa mustahak, bertanggungjawab adalah agenda dan jaminan pembaharuan, *reform*, tetapi apabila *things goes wrong* dengan izin, ini apa yang saya kata bahawa apabila *things go wrong, they go wrong very fast, very quick, dangerously than catastrophically* oleh kerana apa yang Lord Acton yang kata, *power tends to corrupt, and absolute power corrupts absolutely* dan ini nampaknya apa yang berlaku.

Adalah satu senarai katalog yang berlaku baru-baru ini yang sangat mengkhawatiri contohnya skandal Zakaria Mat Deros yang menunjukkan penghinaan bukan sahaja kepada Sultan Selangor, tetapi pendapat rakyat. Ia berkaitan dengan agenda reformasi serta integriti Perdana Menteri di mana isu yang terpenting bukan pembinaan rumah mewah tanpa mematuhi undang-undang, mengoperasi restoran tanpa mematuhi undang-undang mendiami secara haram di tanah yang dimiliki oleh negeri, tiga daripada ahli keluarga adalah Ahli Majlis Perbandaran Klang tetapi bagaimana Zakaria menjadi kaya sebagai jutawan dan tidak menarik minat Badan Pencegah Rasuah dan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Skandal APAP menimbulkan kemarahan sehingga bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir yang mengatakan rasuah telah *above the table* dibawa pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila dia telah berjanji pada pilihan raya yang lalu untuk menghapuskan rasuah, kronisme dan nepotisme untuk membezakannya daripada pentadbiran baru untuk menjadikan *justice power* masa ini.

Kegagalan Yang Amat Berhormat untuk memberi penjelasan yang memuaskan kepada tuduhan-tuduhan mengenai penglibatan beliau dalam berbilion-bilion ringgit komplot ialah *food for oil, oil for food*. Anak beliau Kamaludin dalam kontrak kerajaan, Scomi atau mengenai menantunya Khairy Jamaludin memperoleh saham ECM Libra di mana semuanya patut dirujuk kepada satu siasatan bebas dan terbuka.

Tikam balas yang memeranjatkan daripada Yang Amat Berhormat kepada Tun Mahathir dalam perjumpaan empat mata sahaja sebelum cuti hari raya bahawa anak-anak bekas Perdana Menteri mempunyai kontrak-kontrak kerajaan lebih banyak daripada anaknya, Kamaludin. Seperti mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menghilangkan kebolehan membezakan daripada benar dan salah dalam soal-soal integriti yang akan menjadi *legacy* beliau kepada negara sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

Seterusnya rekod teruk dalam pembanteras rasuah pada tiga tahun yang lalu. Dalam laporan yang diumumkan oleh *World Bank Worldwide Governance Indicators* atau WGI, 2006 baru-baru ini. Berbanding kepada sepuluh tahun yang lalu Malaysia adalah lebih teruk dalam lima daripada enam penunjuk pentadbiran baik suara dan pertanggungjawaban kestabilan politik dan ketiadaan keganasan, keberkesanan kerajaan, kualiti pelarasan, kedaulatan undang-undang dan pengawalan rasuah. Kedudukan Malaysia dalam *Transparency International Corruption Perception Index* atau CPI, telah jatuh dari nombor 23 pada 1995 ke nombor 37 pada 2003 apabila Tun Dr. Mahathir bersara sebagai Perdana Menteri tetapi merosot juga pada 2004 dan 2005 jatuh ke nombor ke 39 pada kedua-dua tahun tersebut.

Jika *World Governance Indicators* bank dunia dalam pengawalan rasuah memaparkan kedudukan yang terbaru kedudukan Malaysia dalam *Transparency International Corruption Perception Index* 2006 akan jatuh dari 39 ke 52. Ini adalah disebabkan bank dunia mendapati Malaysia berada di kedudukan yang lagi teruk berbanding dengan 12 negara-negara dalam *Transparency International Corruption Perception Index* 2005 termasuk negara lain. Dan akhirnya kenyataan yang memeranjatkan daripada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Khamis lalu yang menyatakan ahli-ahli UMNO mempunyai *immunity* daripada Akta Pencegah Rasuah 1997 mengenai politik wang dan siasatan daripada Badan Pencegah Rasuah mengenai kes-kes rasuah politik atau politik wang kerana kesalahan-kesalahan itu adalah berkenaan dengan hal-hal politik dan bukan pelanggaran awam.

Kegagalan Perdana Menteri untuk rebat atau *dissociate* kenyataan daripada doktrin Nazri tersebut sikap Badan Pencegah Rasuah dan Jabatan Peguam yang berdiam diri pada doktrin *pernicious* tersebut menunjukkan berakhirnya nampaknya dan pengunduran kempen anti rasuah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tiga tahun yang begitu *lackluster* dan *unproductive*.

Dalam tiga tahun sebagai Perdana Menteri Yang Amat Berhormat telah gagal dalam *walk the talk* reformasi jaminan dan agenda tersebut juga banyak teguran dan peringatan yang dibentuknya. Walaupun jawatan Perdana Menteri paling berkuasa dalam negara ini kata-katanya telah dilayani seperti dengan izin, '*water of a dark speck*' daripada semua di negara ini biarpun Menteri-Menteri, *bureaucrat* UMNO dan masyarakat umum. Pada pertengahan bulan April Yang Amat Berhormat menegur Little Napoleon dalam perkhidmatan awam dan menegurkan ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai yang melewatkan kelulusan-kelulusan atau sesiapa yang mengendalikan fail-fail, memberitahu mereka mengatakan jangan menawarkan. Adakah mentaliti dan budaya Little Napoleon telah berakar umbi di perkhidmatan awam? Adakah Little Napoleon telah didisiplinkan dalam enam bulan ini?

Saya berasa bahawa inilah yang menunjukkan bahawa kita perlu satu Perdana Menteri yang ada *authority* untuk menunjukkan dan melaksanakan prestasi-prestasi, agenda-agenda reformasi. Dan inilah sebab dalam banyak hal kita melihat bahawa teguran-teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak diikuti dengan pelaksanaan. Pada Ogos 2003 dua bulan sebelum beliau menjadi Perdana Menteri beliau keluar satu arahan kepada semua kerajaan-kerajaan negeri dan *local authority* bahawa gazet semua tempat-tempat lapang supaya menjaga tempat-tempat lapang dengan kepentingan rakyat Malaysia.

Akan tetapi sampai sekarang berapa tempat-tempat lapang, *open spaces* yang di gazetkan. Adakah ini diikuti sama ada apabila beliau menjadi Perdana Menteri? Adakah apa yang beliau ambil supaya melihat perkara ini diikuti. Hari Jumaat saya ada di Tawau dengan Yang Berhormat bagi Seputeh dan pun Setiausaha DAP Lim Guan Eng dan kita lihat lebih daripada 500 orang yang rela untuk berjumpa pada hari tengah hari tanpa makan tengah hari oleh kerana mereka marah dengan apa yang berlaku di Tawau di mana di Bandar Sabindo di Tawau lima keping tanah lapang akan digunakan untuk pembangunan.

Ini sangat melanggar dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa semua tanah lapang perlu digazetkan untuk dipelihara. Kita mahu *civilize living* tetapi ini tidak berlaku. Dan apa yang lebih memeranjatkan ialah ini Bandar Sabindo satu tempat *develop area* dan lima keping tanah itu ialah untuk *car park*. Dalam Tawau Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kalau ada pergi ke Tawau tahulah bahawa *traffic congested* dan dalam Bandar Sabindo sekurang-kurangnya 300 tempat letak kereta. Sekarang lima keping tanah itu di mana adalah untuk 300 letak kereta akan digunakan untuk pembangunan empat *storey shop houses* dan sepatutnya pun perlu lagi 300 tempat letak kereta. Daripada kekurangan 300 tempat kereta sekarang kurang 900 tempat letak kereta tetapi apa yang mustahak ialah kerajaan negeri ada keluar arahan dalam September 2005 untuk menghentikan pembangunan tetapi tidak dihiraukan.

Sebab itu menggambarkan Kabinet negeri telah mengeluarkan satu arahan pada September tahun lepas untuk menghentikan projek pembangunan di atas tanah lapang yang sudah membangunkan di kawasan Sabindo tersebut tetapi ini telah ditentang oleh pemaju-pemaju tersebut yang telah membuat perjanjian *join venture* dengan Majlis Perbandaran Tawau pada 1996 dan memulakan kerjanya setelah pelan pembangunan telah diluluskan pada Mei 2005. Ini menggambarkan kemarahan awam di Tawau di mana lebih 500 orang telah mengorbankan masa makan tengah hari dan tidak makan tengah hari pun untuk menghadiri mesyuarat yang berlangsung selama tiga jam pada hari Jumaat lepas untuk mengeluarkan kemarahan, keberangan dan kekecewaan mereka dan mengambil lima resolusi di mana telah diputuskan sebulat suara:

- (i) mengutuk ketiadaan penghirauan yang terang-terangan terhadap prinsip-prinsip asas untuk pemerintahan yang baik terutamanya membiarkan perampasan hak asasi pembayar cukai pintu di Tawau terhadap tanah-tanah lapang berlaku; dan
- (ii) meminta Presiden Majlis Perbandaran Tawau dan anggota-anggota Majlis Perbandaran untuk melindungi tapak-tapak rekreasi, mengekalkan tanah-tanah lapang di Tawau dan menghentikan projek-projek ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** ...Perumahan di Sabindo atau meletakkan jawatan secara kolektif. Saya akan habiskan di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini ada berkaitan dengan mana satu butiran?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Authoriti Perdana Menteri untuk *implementation coordination unit* apabila Perdana Menteri keluar arahan mana itu *implementation coordination unit* yang menggunakan beratus juta ringgit. Saya akan habis di sini:...

- (iii) meminta Ahli Parlimen Tawau dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mempertahankan dan melindungi hak-hak asa rakyat Tawau secara berkesan rajin dan khidmat pada tanah-tanah lapang atau meletakkan jawatan dan mengembalikan kerusi-kerusi mereka kepada rakyat;
- (iv) meminta Ketua Menteri Sabah dan seluruh kabinet Sabah untuk menguatkuasakan keputusan mereka untuk menghentikan projek-projek pembangunan yang telah merampas tanah-tanah lapang daripada rakyatnya atau meletakkan jawatan secara kolektif atas ketidak tanggungjawaban dan ketidak upaya mereka; dan
- (v) menyokong dengan sepenuhnya kempen untuk melindungi tapak-tapak rekreasi dan mengekalkan tanah-tanah lapang di Tawau dan isu utama sekali adalah Malaysia adakah sebuah negara yang mengendalikannya undang-undang dan bukan manusia dan membentuk satu jawatankuasa untuk melangsungkan kempen tersebut di Malaysia.

Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apakah yang telah dibuat oleh beliau tentang keingkaran untuk secara umum dan mencabar arahan oleh kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk melindungi dan meningkatkan dan mengekalkan tanah-tanah lapang dan tapak-tapak rekreasi terutamanya skandal Tawau di mana tanah-tanah lapang di kawasan bandar yang telah dibangunkan dan telah di bangunkan secara sistematik oleh pemaju yang lain untuk mengaut keuntungan, menimbulkan kesesakan lalulintas merampas kemudahan-kemudahan asas rakyat dan menunjukkan enggan kepada undang-undang.

Saya meminta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi perhatian kepada skandal di Tawau mengenai pembangunan semula tanah-tanah lapang di Bandar yang sudah membangun kerana kehinaan terhadap hak-hak dan sivil dan alam sekitar pembayar cukai tidak boleh dijadikan *precedent* bagi pembangunan Bandar di Bandar-bandar dan negeri-negeri lain di Malaysia.

Tuan Pengerusi akhirnya apabila kita berbincang mengenai peruntukan-peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri. Tiga perkara yang berlaku hari ini yang sangat berkait. Yang pertama kita lihat mengenai Yang Berhormat bagi Hulu Langat menjadi mangsa, mangsa...

**Seorang Ahli:** Mangsa, mangsa perompak!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kenapa saya timbulkan di sini bukannya saya tidak tahu bahawa masalah jenayah dan polis bukan dalam Jabatan Perdana Menteri, jabatan, *internal security* tetapi oleh kerana untuk satu tahun ini kita didengar bahawa isu sama ada IPCMC ditubuh atau ditubuhkan sekarang dalam tangan peguam Negara. Kita mahu tahu peguam negara, *what is the Peguam Negara doing?*...

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Ya!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Is the Peguam Negara sleeping?*

**Beberapa Ahli:** [Tepuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Oleh kerana ini bukan di sini sahaja, sekarang bukan sahaja Ahli-Ahli Parlimen menjadi mangsa dan saya harap kalau perlu membangunkan *wake-up authorities* mungkin Yang Berhormat Menteri sudah menjadi mangsalah. Mungkin *another time* supaya tahu masalah begitu mustahak!

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya haraplah Ketua Pembangkang akan buat...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya? Pun bolehlah, semua kenalah, semua kenalah, Yang Berhormat Timbalan Yang Di-Pertua pun kenalah...

**Beberapa Ahli:** Semua kenalah! Semua kenalah...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kalau ini, *this is the only way to wake-up the government, IPCMC must be establish!*

**Beberapa Ahli:** [Tepuk]

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Di Sabah saya tahu, lebih daripada lima peratus mangsa-mangsa penjenayah tidak mahu buat laporan, *waste of time!*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sini pun!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kenapa? Kita ada IGP yang baru saya harap IGP yang baru boleh buat perubahan, kita sokong mengenai naik gaji untuk polis tapi kita perlu IPCMC. Dan saya kira mahu tanya, sebenarnya kita boleh *confess* di sini kita ada bincang sama ada kita mahu *introduce* satu usul potong RM10 daripada Peguam Negara oleh kerana kita satu tahun kenapa tidak ada tindakan. Saya harap bahawa inilah peguam Negara boleh memberi jawapan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita boleh dapat satu *position* yang jelas.

Yang kedua, apa yang berlaku di Ipoh semalam, kenapa? Dahulu, *unthinkable* SMS, oleh kerana...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, SMS?

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *Yes, national unity!.... [Dewan riuh] National unity...*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tentang agama....

**Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Mana bolehlah macam ini!

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Batu Gajah sila diam!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, kenapa boleh berlaku, *all the....*

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Satu ribu!

**Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]:** *Haiya... [Menyampuk]*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Seribu orang di Ipoh, oleh kerana mengikut SMS adalah usaha untuk *convert Muslim* kepada agama yang lain. Kenapa sekarang kita begitu tegang? *We are not going forwards but we are going backwards, we are going backwards*, Happy Deepavali pun dianggap sebagai anti-Islam dan semua ini, ini adalah isu-isu yang kita perlu bincang dengan terbuka...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** *This American couple!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Kenapa perlu berlaku di Langkawi? Dua orang *couple* Amerika lebih daripada usia 60 tahun pun kena *raid* bahawa mereka berkhawat...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Berkhawat!

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Malu kepada Malaysia, kenapa? *What is going on the break down, they seem to be a very break down going on...*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak ada *certificate!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Itulah isu yang kedua, isu yang ketiga... *[Menyemak teks ucapan]* Yang ini "*Bangsa Malaysia is rojak, and not acceptable*".

**Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]:** *Racist!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** "*Bangsa Malaysia is rojak and not acceptable*", adakah ini bertentangan dengan Wawasan 2020, adakah rakyat Malaysia negara Malaysia dalam semenjak 1991, *how many years? 15 tahun, and we all will under a lie, a lie... Are we living under a lie, about bangsa Malaysia tujuan untuk membina sebuah Malaysia, berbangsa Malaysia tetapi sekarang kita adalah - Johor, UMNO has warned of the dire consequences of advocating a Bangsa Malaysia saying this was going beyond the legal powers of the Constitution and could unsettle political stability.*

*Delivering his policy speech at the party convention here, Johor UMNO Chief, Datuk Abdul Ghani Osman said, the concept was not acceptable because it meant a 'rojak' of races in the country. As the Constitution clearly defined the races as Malay and others, there was no justification for demands for a united and single Bangsa Malaysia or Malaysian race.*

Dia kata bahawa inilah "*After 49 years of independence, we should be more mature and not try to produce nebulous concepts whose origins are not clear*". *The concept is seen as a threat to the Malays...*

**Seorang Ahli:** *Huyoo!*

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]** *...And the special position provided for them in the Constitution. National unity, apa itu national unity di bawah Jabatan Perdana Menteri, adakah have been we living under a lie, number satu, number dua adakah kabinet sejak 1990 sebenarnya kabinet half past 6, minister yang ada dibongkarkan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir.*

Dan sekarang *after 16 years*, Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri datang ke Parlimen yang mengatakan bahawa Visi 2020, *national mission last 15 years* dan sekarang seorang *power holder* kata "Bangsa Malaysia *is a rojak, is not acceptable*", betul!

*Frankly speaking* tidak ada satu *race* yang boleh kata bangsa Malaysia tetapi ertinya ialah *citizenship*, kewarganegaraan kita semua bersama sampai masa itu, dan kalau begitu, apa guna *celebration* tahun depan 50 tahun kemerdekaan, apabila "Bangsa Malaysia *is a rojak and not acceptable*", *meritocracy must be withdrawn*. Dia dalam kata pun, meritokrasi tidak baik untuk bangsa Melayu.

Adakah kita dalam dunia menghadapi cabaran globalisasi atau kita mahu balik kepada kurun yang lama. *We are going backwards and we are not going forward* and inilah *I think* apa, *problem* mungkin Dato' Seri sekarang ini dia mahu menjadi *up the state for a top position*, kedudukan jawatan yang tertinggi dalam UMNO dan kalau begitu UMNO ialah satu ancaman kepada kesejahteraan, kepada *the welfare* rakyat Malaysia semua kaum... [Tepuk] DEB, digunakan bukan untuk orang bumiputera yang biasa, yang kecil, bukan untuk bumiputera tetapi untuk segelintir orang sahaja dan sekarang bangsa Malaysia, *unacceptable, meritocracy was unacceptable* dan meritokrasi baru boleh digunakan *intra-race* bukan *inter-race*...., *this is the new concept*....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Ya, *intra-race, inter-race* dan saya haraplah ini kita perlu bincang dengan dalam semua ini dan ini perlu dikutuk dengan sekeras-kerasnya, *this is un-Malaysian and this is against the whole concept* Wawasan 2020... [Tepuk] *We want to know what is the position has with the bangsa Malaysia*, Wawasan 2020 akan dicampak ke dalam tong sampah ataupun tidak. Sekian terima kasih... [Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Jasin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, saya juga hendak bersama dalam membincangkan B.6, Jabatan Perdana Menteri.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah boleh berucap petang ini.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:** Berapa mata ada?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, berapa mata?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kalau Ketua Pembangkang dapat dua jam, saya pun empat jam Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah suka hati Yang Berhormat, tetapi keputusan akan di sini yang buat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini akan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

**Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

*Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.*

[Tuan Pengerusi **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat bagi Jasin untuk meneruskan ucapan.

2.32 ptg.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mulakan ucapan saya dengan mengambil kesempatan di hari baik dan bulan baik ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin. Dan saya juga akan pergi kepada Butiran 02000 Unit Perancang Ekonomi.

Apabila saya dengar perkara-perkara yang diutarakan oleh Ketua Pembangkang tadi, saya amat terkejut sekali melihatkan bahawa pembangkang ini seolah-olah hilang haluan, yang menggambarkan negara kita ini kucar kacir. Negara kita ini *hopeless*, kerajaan kita ini *half past six* tapi saya penuh yakin dan percaya kalau kerajaan kita ini tidak baik manakan 57 negara OIC memuji Malaysia sebagai negara contoh. Dan saya berharap oleh disebabkan pemikiran pembangkang yang begitu negatiflah yang membuatkan pada hari ini orang-orang takut hendak datang ke negara Malaysia. Orang takut kerana apa? Kerana ada sebilangan pembangkang dan juga NGO-NGO yang tidak bertanggungjawab, yang memburuk-burukkan negara kita seolah-olah negara kita tidak selamat. Saya hendak tanya juga pembangkang, adakah selamat ataupun tidak, dia tidur malam nyenyak ataupun tidak?...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sila sahabat saya Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya juga puas mendengar hujah daripada Ketua Pembangkang. Negara kita digambarkan seolah-olah lebih buruk daripada negara Iraq, Afghanistan, Palestin, Thailand, Filipina tetapi kita lihat, hari ini ramai juga pembangkang masih bersuara dalam Dewan ini. Kalau kita sebuah negara yang tidak demokrasi, negara sudah tidak selamat, saya tidak nampak ramai pelancong datang ke negara kita. Yang Berhormat, saya mohon penjelasan, bermakna Ketua Pembangkang ini sudah hilang segala isu yang hendak dibawa dan tidak lagi layak menjadi Ketua Pembangkang. Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya bersetuju sekali Kinabatangan. Kadang-kadang dia memberi gambaran kononnya bapa demokrasi dalam negara ini Amerika, oh! satu negara maju Amerika yang diagung-agungkan tetapi saya hendak tanya juga pembangkang, Amerika yang pada hari ini yang memperjuangkan *human rights*, bapa segala demokrasi, dia membenarkan tidak orang-orang Cina di Amerika buka sekolah Cina sebagaimana kita membenarkan dalam negara kita? Dia hendak mencontohi pula kemajuan dekat Singapura. Wahai pembangkang budiman, bukalah mata sikit, berapa banyak kah ahli-ahli pembangkang di Singapura pada hari ini dah menangi pilihan raya pun didapati dikerjakan sampai mufliis. Adakah *treatment* yang macam ini telah dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional kepada anda semua? Malang saya, digembar-gemburkan seolah-olah kita ini macam apa? Macam sebuah negara yang tidak bertamadun.

Saya hendak minta supaya Jabatan Perdana Menteri, kita lupakan ini semua, kita tinggalkan yang negatif-negatif ini. Apa yang dibuat oleh Jabatan Menteri, EPU adalah benda yang betul...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya minta maaf.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya baru nak mula tajuk baru.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya minta penjelasan Yang Berhormat bagi Jasin, boleh?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Boleh. Silakan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya harap Yang Berhormat bagi Jasin menjadi seorang Wakil Rakyat yang bertanggungjawab. Jangan membuat tuduhan bahawa kami di pihak sini memburuk-burukkan negara. Kami bangkitkan ini semua hal berdasarkan fakta dan menyambut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, "tell

*me the truth*". Di mana sebelah sana anda semua MCA tidak berani beritahu Yang Amat Berhormat kebenaran.

Jadi jangan memberi satu gambaran seolah-olah kami tidak mencintai negara. Kita membangkitkan untuk kebaikan negara, yang lemah kita mengkritik, yang baik kami menyokong, itu sahaja. Jangan jadi Wakil Rakyat yang tidak bertanggungjawab.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Melemparkan tohmahan tanpa berdasarkan fakta.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Sudahlah, terima kasih. Saya minta maaf Batu Gajah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kami di sini cintakan negara juga.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ya, sudah saya dah benarkan tadi, duduk. Saya ingat Batu Gajah ini tuli, ataupun tidak faham bahasa. Jangan disebabkan oleh Ketua Pembangkang itu yang *you* agung-agungkan itu, semua dia betul. Oh! kerajaan Barisan Nasional mengamalkan nepotismelah itu, habis yang setiausaha DAP sekarang anak dia bukan nepotisme, itu apa?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Minta maaf, dan kita kenal di antara yang ada-ada ini. Oleh kerana negara Malaysia ini begitu aman, begitu maju sehinggakan ada di kalangan Wakil Rakyat DAP yang kaya raya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Kenapa dia jadi pengarah di begitu banyak syarikat, pro kerajaan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tolonglah jangan kacau.

**Seorang Ahli:** Khairy Jamaludin.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Minta maaf, Tuan Pengerusi saya tidak bagi dia laluan. *You* selamat, kerajaan Barisan Nasional daripada dulu sampai sekarang, sudah ada rekod kita tidak pernah diskriminasi apa saja bangsa. Saya minta maaf kalau yang di contoh-contoh tadi, Ali & Company, Babu & Company, Muhammad & Company, saya tidak pernah mempertikaikan. Saya boleh mempertikaikan juga, Lim Goh Tong, saya boleh mempertikaikan juga Boon Siew Honda yang datang ke negara ini sehelai sepinggang akhirnya jadi kaya raya, kita tidak pernah mempertikaikan itu semua. Malangnya saya beritahu kepada pembangkang, pada kebiasaannya apabila kita duduk untuk membangunkan negara, hendak mewujudkan universiti-universiti, biasanya kita buat, kita namakan universiti seperti Universiti Putra, atas nama Tunku Abdul Rahman Putra, sampai ke peringkat itu tetapi kita tidak pernah mempertikaikan Lim Kok Wing University..., siapa Lim Kok Wing ini? Apa jasa kepada negara, tetapi kita tidak pernah mempertikaikan.

Jadi saya berharap, saya berharap jangan sedap di mulut sahaja, jangan sedap di mulut sahaja nak ambil perhatian orang-orang. Ini yang jadi masalah kita Tuan Pengerusi dan saya berharap Unit Perancang Ekonomi ini, kita dah ada landasan kita yang betul. Jangan nak dengar cakap-cakap ini, laporan asli yang tak asli ini. Dan saya berharap pada kerajaan, kita adakan peraturan di mana NGO dan juga badan-badan lain kalau hendak mengemukakan sesuatu berkenaan dengan perancangan ekonomi negara, harus rujuk kepada EPU dulu sebelum dikeluarkan ataupun disampaikan pada media-media cetak...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Bangun]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Silakan Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa kita memang tidak membenarkan mana-mana juga pihak yang cuba memporak-perandakan perpaduan dalam negara kita ini termasuk pembangkang yang cuba mencetuskan sesuatu, memancing undi dan sebagainya. Langkah mayat kita dulu, baru kita izinkan. Kita tidak berganjak, kita mahu

negara ini aman, bebas dan damai. Bukan seperti negara yang menjadi rujukan. Ini bicara mengheret sesuatu yang tidak baik kepada masyarakat kita. Setuju kah Yang Berhormat?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya setuju Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Bagaimana yang ditimbulkan tadi, ia memperkecil-kecilkan tentang perpaduan negara dan integrasi nasional tetapi kalau kita lihat peristiwa yang berlaku di Klang baru-baru ini, Setiausaha DAP tunjuk perasaan beramai-ramai di depan rumah Wakil Rakyat Yang Berhormat Zakaria, di Klang baru-baru ini. Kalau tidak ada perpaduan dan integriti yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri ataupun 15 tahun, 20 tahun dahulu. Saya penuh yakin dan percaya Tuan Pengerusi, tak tahulah kalau ada lagi nyawa dia kalau 20 tahun dulu.

Akan tetapi oleh kerana kita pada hari ini, kerajaan mengambil berat dan memperuntukkan wang untuk Jabatan Perpaduan Negara dan Integriti Nasional, masyarakat boleh terima, boleh terima! Tinggal lagi pada hari itu dia nak tunjuk kurang ajar sikit, ya lah dia bergaduhlah sikit tetapi ini semua publisiti-publisiti murah yang dibuat oleh pembangkang. / minta maaf dan kita berharap supaya Jabatan Perdana Menteri lebih-lebih lagi Unit Perancang Ekonomi, pedulikan apa yang nak dikatakan oleh ini.

Kalau kita nak tegas, kita tegas. Kalau nak dengar cakap depa-depa ini, seolah-olah apa yang kita hasratkan pada tahun ke hadapan di mana kita pada hari ini sedang menarik pelancong-pelancong datang ke negara kita dengan pelan kita pada hari ini untuk menarik 17 juta pelancong dalam negara. Bukalah mata sikit pembangkang. Memang susah kita nak mentadbir negara ini kerana kita kena ambil kira komposisi kaum dalam negara kita, kita buat ini nanti Melayu kata apa? Kita buat untuk orang Melayu, orang Cina kata apa? Kita buat macam ini, orang India kata apa? Itulah sebabnya oleh kerana kita nak ambil kira ini semua sekali, membuatkan kita agak *slow* sikit kalau nak dibandingkan dengan Singapura, kalau nak dibandingkan dengan Korea, dengan Jepun. Kerana di sana senang.

Di Singapura, dia tak ambil kisah tentang bangsa-bangsa lain ini. Dia *go ahead* buta sahaja. Di Taiwan boleh, kerana majoriti dia besar tetapi di dalam negara kita ini, apa sahaja pembangunan dan pelan yang kita nak buat untuk membangunkan negara, kita kena ambil kira komposisi-komposisi kaum yang ada dalam negara kita ini. Itulah sebabnya kita agak *slow* sedikit tetapi walaupun *slow*, pembangkang tahu tidak? Tahun sudah kita dah rekod, kita rekod import eksport negara kita telah berkembang RM967 bilion. Dan saya penuh yakin dan percaya kalau ini berterusan, 2006 ini Tuan Pengerusi, kita akan catat lebih daripada RM1 trilion. Nak menyebut pun susah, trilion.

Kalau negara ini tak aman, kalau negara ini tak maju, adakah kita boleh capai ini semua? Menjadi satu *trading nation* ke-17 dalam dunia terbesarnya. Dan hari ini, jutaan buruh-buruh asing yang dah register pada hari ini 1.8 juta buruh asing datang menumpang mencari makan dalam negara kita. Negara kita ini gula tuan-tuan, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat semua, gula! Semua orang nak datang menumpang, hanya beberapa kerat hujung sana sahaja tidak berterima kasih. Tidak pernah menghargai pemerintahan negara kita ini yang menjadi contoh dan teladan. OIC jangan kira, kita mengajar negara lain sekarang.

Negara-negara yang maju yang lain baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri Britain datang nak belajar bagaimana kita boleh tadbir negara kita ini. Dulu masa British nak meninggalkan Malaya ini, dia ingatkan *time bomb*, *anytime* boleh *explode*, dengan izin Tuan Pengerusi tetapi penantian mereka sampai hari ini, belum lagi satu huru-hara dalam negara. Dia datang pula nak belajar. Malang bagi saya kalau ada pembangkang cakap macam ini. Saya berharap, saya nak bagi *warning* kepada pembangkang. Kalau nak bangkang, biar bangkang yang cara yang betul-betul. Jangan pakai bangkang 'sikat', bangkang sahaja.

*You must know*, kita kena lihat bagaimana susah payah nenek moyang kita nak memerdekakan negara kita hari ini dan dalam masa yang singkat kita dapat membangunkan negara kita daripada negara pertanian menjadi negara industri yang begitu termasyhur. Singapura memanglah dia nak kacau kita, lebih-lebih lagi kenyataan 'menteri mental' Lee Kuan Yew. Kerana dia tidak sangka, dia tak pernah yakin dulu yang kita boleh hebat macam ini rupa. Dia tak sangka yang kita boleh maju yang macam ini. Itulah sebab dia hairan, dia hairan. Maka dia hari ini cuba menjolok bahawa

pada hari ini kerajaan di Malaysia telah *marginalize*kan orang-orang Cina. Saya tak nampak yang kita *marginalize*...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bawah tajuk mana ini?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini di bawah tajuk EPU, Tuan Pengerusi. Butiran 02000, Unit Perancang Ekonomi yang kita dan negara kita hari ini kita dah merancang negara kita, membangunkan negara kita ikut landasan yang betul. Kemajuan negara kita. Jadi kita hendakkan supaya EPU ini buatlah kerja ini, bagaimana yang diamanahkan oleh Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita nak lihat negara kita ini lebih maju. Orang Melayu kaya, orang Cina kaya, orang India pun sama-sama kaya.

Orang Iban tetap akan kaya juga bah, tetap akan kaya, hanya sekarang ini yang saya pelik ini Tuan Pengerusi, dah begitu yang kita buat, yang dia mempertikaikan Abu saya, Ali kaya, apa semua. Ini yang saya menggelegak di dalam dada saya ini. Kita tak pernah mempertikaikan orang Cina kaya. Daripada yang terkaya di dalam negara kita, daripada 100 orang, berapa ramai orang Melayu? Berapa ramai orang Iban? Berapa ramai orang Sungai, orang Bajau?

Kita tak pernah mempertikaikan. Jadi saya berharap, wahai rakan-rakan saya, Ahli-ahli Yang Berhormat DAP, janganlah nak mempertikaikan. Sebut soal AP, yang kata tadi orang Melayu dapat kemudahan AP dan sebagainya. Orang Melayu dapat AP, kawan kita Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pun dapat meniaga besar juga... [Ketawa] Kawan kita Yang Berhormat bagi Bukit Bintang pun dapat berniaga kereta besar juga...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Biar dia jawab.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Nanti saya bagi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dahulu, lepas itu Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** [Bangun]

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tuan Pengerusi saya hendak tanyalah Yang Berhormat bagi Jasin sebab saya ini baru dalam politik. Apakah dalam DAP dalam PAS tidak ada *corruption*? Apakah dalam UMNO sahaja ada *corruption* dia malaikakah? Saya rasa yang *perfect* dalam dunia ini Allah dan malaikat, manusia tidak *perfect*, pertubuhan tidak *perfect* tetapi adakah berlaku dalam DAP, PAS ini *corruption*? Tolong beri pandangan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Yang sebenarnya *corruption* ini ada di mana-mana hanya kita hari ini dengan adanya Pelan Integriti Nasional dan adanya ACA yang kita wujudkan, kita cuba kawal dengan sebaik mungkin. Kalau DAP memerintah negara ini besok tetap ada *corruption* juga, kalau PAS memerintah negara ini tetap ada *corruption* hari ini di Kelantan bagaimana? Sila Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, sahabat saya.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Ya terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat bagi Jasin, saya amat kesal oleh sebab tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jasin tidak benar. Ini AP hanya diberi kepada bumiputera sahaja mana ada syarikat orang Cina yang dapat AP. Bolehkah Yang Berhormat bagi Jasin buktikan bahawa AP ini diberikan kepada bukan bumiputera ini satu tuduhan yang tidak benar, minta penjelasan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Tidak payahlah saya hendak cakap-cakap terus-terang PST sahajalah. Memang benar saya akui AP kepada syarikat bumiputera yang bawa masuk pada hari ini kereta-kereta *recond Mercedes*, *recond Harrier* dan sebagainya tetapi lihat di Kuala Lumpur, *showroom* Puduraya, *showroom* Bukit Bintang *showroom* itu punya Ali kah, si Ahmad kah, siapa punya? Bagaimana kereta itu boleh sampai ke situ? Jadi kita perlu antara satu dengan lain, jangan katakan orang Melayu sahaja bolot semua, ini yang saya tidak boleh terima.

Macam baru-baru ini diumumkan di dalam akhbar bahawa kerajaan akan memperuntukkan RM1.5 bilion kontrak-kontrak untuk Kelas 'F', ya mungkin tuan-tuan ingat ya ini semua untuk Melayu sahaja tetapi saudara-saudara harus ingat, Yang Berhormat harus ingat bila buat *construction* oleh kontraktor-kontraktor Kelas 'F',

bahan-bahan siapa yang keluarkan, premis siapa yang *control*, besi siapa yang *control*, *machinery* siapa yang *control*, lori? Jadi kita sama-sama janganlah hendak mempersalahkan kepada kerajaan pada hari ini apa sahaja timbul semua bumiputera ambil sapu.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Boleh silakan.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, saya hendak beritahu kalau sama-sama untuk dapat projek, sama-sama bangunkan, sumbangkan untuk ambil projek, jalankan pembekal bukan bumiputera tetapi masalah timbul ialah sub, sub, sub, sudah bekal tidak bayar ini yang kami bangkitkan. Sudah bekal tidak bayar sudah buat projek tidak bayar sebab itulah banyak projek terbengkalai. Ini kesempatan diberi kepada Putera UMNO untuk ambil projek selepas itu mengaut keuntungan dan menindas sub, sub, sub kontraktor bukan bumiputera ini.

Jadi mengapa aspek ini Yang Berhormat tidak bangkitkan? Atas nama kata kerjasama tetapi sebenarnya bumiputera yang mereka ambil projek itu tidak jalankan projek dan sub, sub, sub kerja pun oleh komuniti bukan bumiputera. Jadi aspek ini mengapa Yang Berhormat tidak bangkitkan? Kita adakan kerjasama yang telus.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batu Gajah, yang ada gulung tikar yang laporan yang kita dapat adalah kontraktor-kontraktor bumiputera. Kalau pembekal-pembekal bukan bumiputera kata ditipu saya tidak dengar pula dia gulung tikar, lagi besar perniagaan dia. Jangan buat tuduhan melulu ini berniaga punya hal pun takkan hendak bercerita dalam Parlimen. Kita kena cerita tentang dasar yang dipertikaikan oleh DAP tadi yang dipertikaikan oleh pembangkang. Apa sedikit sahaja oh UMNO Putera, ini Putera. Kita pun tahu yang kita pun tidak puas hati soal ini kerana.....

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pembangkang sudah buta.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** ...Yang lepas dulu sudah buat kesilapan kita tahu kita sudah bangkitkan berapa ramai peniaga-peniaga Melayu individu tertentu tetapi bilangannya tidak ramai, tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini yang pada hari ini yang telah dibentangkan dan kita lihat bawah Unit Perancang Ekonomi ini, rezeki ini bukan untuk individu-individu tertentu tetapi rakyat Malaysia yang ramai akan dapat nikmat dia bukan seorang dua orang, individu tertentu tidak tetapi rakyat Malaysia yang ramai tanpa mengira kaum.

Ini diperhatikan ini akan kita pastikan, hanya yang buta tuli sahaja tidak dapat melihat. Negatif sangat minta maaf Tuan Pengerusi, ini pembangkang kita negatif sangat. Saya kesian dekat dia, saya minta maaf kerana ada wakil rakyat yang disokong oleh orang Malaysia yang buta tuli. Itu yang saya kesian ini. Tidak payah sebut, pembangkang semua orang tahu. Seolah-olah apa yang kita buat ini satu sen pun tidak guna. Jadi saya berharap hanya yang hari ini Tuan Pengerusi yang kita hendak supaya Unit Perancang Ekonomi ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah lancarkan Rancangan Malaysia Kesembilan ini sudah tujuh bulan, lapan bulan.

Orang-orang kampung hari ini sedang menunggu mengapa projek ini agak lambat hendak dilaksanakan. Ini yang itu sahaja, kalau agak-agak kakitangan-kakitangan dekat Unit Perancang ini tidak ada kemahiran kita tukar. Kita tukar kalau pegawai kanannya tidak berwibawa kita tukar malah kalau menteri pun kerana kita perlu. Kita perlu kerana rancangan ini ditunggu-tunggu oleh rakyat kerana lebih-lebih lagi rakyat luar bandar yang pada hari ini kalau kita lihat dalam bajet-bajet kita ini wah kita melihat seolah-olah runtunan besar akan sampai ke luar bandar tetapi yang ada itu bukan tidak ada Tuan Pengerusi, ada bukan tidak ada, belum cukup lagi.

Kita kena percepatkan kerana pada hari ini saya lihat di antara agensi-agensi ini pun banyak pelarasan ini belum ada lagi Tuan Pengerusi. Jadi saya berharap MAMPU di bawah Jabatan Perdana Menteri kita kena kaji dan sistem latihan yang dibuat di INTAN, kita kena keluarkan lebih ramai lagi pegawai-pegawai kita yang mempunyai otak pemikiran perniagaan kerana negara Malaysia hari ini telah menjadi *trading nation* dan kita hendakkan pegawai-pegawai kita memikirkan macam mana orang berniaga kerana saya lihat macam kata contoh kita jadi *trading nation*, yang Kastam sudah bagi kelulusan tetapi ada lagi jabatan-jabatan yang tidak faham tentang peraturan-peraturan menghalang ini semua.

Baru-baru ini kalau hari itu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pergi ke Tawau saya berada di Sandakan.

Saya lihat Pelabuhan Sandakan boleh maju untuk menjalankan kerja-kerja hantaran barang ke Philippines, kita buat macam di Singapura buat tetapi malangnya pada hari ini ada satu jawatankuasa ataupun dinamakan kawal selia ini daripada Jabatan Pertanian dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri mengeluarkan beberapa arahan kepada peniaga-peniaga itu tidak boleh ini tidak boleh.

Jadi saya lihat pegawai-pegawai ini tidak faham, yang berkuasa di pelabuhan *free trade zone* ialah Kastam, biarlah Kastam *handle* mengapa jabatan-jabatan lain hendak masuk campur? Begitu juga saya hendak menegur juga 1700 ini agensi penguat kuasa maritim ini. Yang Berhormat Menteri, saya tengok dia orang pun tidak tahu macam apa tugas dia sebenar, baru-baru ini saya telah menegur jabatan ini kerana seperti yang Tuan Pengerusi sedia maklum saya berniaga di Pelabuhan Kuala Linggi hari itu saya berhadapan dengan Kastam. Hari ini pula Jabatan Maritim pula. Dia pun sudah pergi ke luar menahan bot dan mengukur kayu... [Disampuk] Dia pun sudah mengukur kayu...

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Macam mana itu?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Kerja dia kah ini? Sepatutnya agensi Penguat kuasa Maritim untuk menjaga perairan Malaysia supaya jangan dicerobohi oleh lanun-lanun kerana kita banyak kes yang mana lanun mencero boh di dalam perairan kita, mengganggu-gugat nelayan kita. Patut dia jagalah itu. Ini kayu pun dia hendak ukur.... [Disampuk] Dia pula yang mengukur kayu tengah laut. Masing-masing hendak menunjuk kuasa, Tuan Pengerusi...

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Minta jalan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ha, minta jalan.... [Ketawa]

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kawan saya, Yang Berhormat bagi Jasin. Pejabat agensi maritim di Kuching betul-betul di depan rumah saya. Apabila saya keluar ke bandar, ke pekan atau ke mana-mana pun, saya terpaksa menggunakan jalan itu tetapi mereka ini selalu menutupkan jalan. Jadi bagaimanalah saya hendak keluar ke pekan atau ke pasar kalau mereka menutupkan jalan? Itu tempat dia. Pejabat dia di Taman Sutong Indah, Kuching.... [Ketawa] Kalau tidak percaya, pergi tengok. Mereka selalu menutupkan jalan.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]:** Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Mambong. Rupa-rupanya bukan saya sahaja menghadapi masalah dia mengukur kayu ini, jalan pun dia jaga.... [Ketawa] Agensi Maritim Negara Malaysia ini sampai jalan pun dia jaga. Jadi saya mintalah menteri terangkan kepada mereka ini. Tidak guna bila sebut sahaja besok, dia kata sudah mula pula MP Jasin menghentam ini, menghentam itu tetapi buatlah kerja engkau.

Kalau saya hendak terangkan, Tuan Pengerusi, di Singapura, daripada *barter traders* ini, dia kata bila sampai sahaja di perairan Singapura, *coast guard* Singapura akan *lead*, menjaga, mengawal mereka bawa ke pelabuhan kerana ini peluang perniagaan. Apabila orang ini hendak keluar, dia hantar sampai ke perairan Indonesia. Ini sepatutnya kerja *coast guard*. Ini sepatutnya kerja maritim kita. Ini jalan pun dia adakan *road block*. Dia pula mengalahkannya, hendak mengukur kayu tengah laut yang ini boleh masuk, yang ini tidak boleh masuk. Saya berharap biarlah kerana kerja ini kerja MTIB iaitu Malaysian Timber Industry Board, ataupun Jabatan Hutan punya kerja. Ini pun dia hendak... Allah!

Jadi saya mintalah MAMPU ini, kalau kita hendak negara kita jadi negara maju, hendak jadi satu *trading nation* yang disegani di rantau ini, pegawai-pegawai kerajaan, agensi-agensi kerajaan kena bagi latihan dan kursus-kursus. Biar dia ada otak berniaga sedikit, bagaimana hendak menarik orang datang. Bagaimana orang hendak datang ke negara kita ini berniaga supaya negara kita ini akan lebih maju, menjadi *trading nation* yang dihormati di rantau-rantau ini. Ini yang kita hendak.

Ini tidak boleh, itu tidak boleh, yang ini pula jabatan ini kata boleh, jabatan ini kata tidak boleh. Jadi bagaimana kita hendak maju? Ini yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *Little Napoleon*.

Dia hendak menunjukkan kuasa dia. Sudahlah pembangkang asyik memburukkan kita sahaja. Baru-baru ini keluarkan dalam akhbar, memburukkan negara kita lagi. Yang NGO, SUARAM pun memburukkan lagi.

Jadi berbalik kepada ini, Tuan Pengerusi, ini yang terakhir saya hendak bercakap berkenaan dengan 05000 – JAKIM. Saya tengok akhir-akhir ini JAKIM semacam hilang punca kerjanya. Sedang kita menghadapi masalah sosial, mat rempit dan lebih-lebih lagi pada hari ini, macam-macam yang kita didedahkan bahawa masalah sosial sedang meningkat. Ada yang meninggalkan agama Islam dan sebagainya. Engkau buatlah kerja bagaimana memberi pelajaran agama kepada anak-anak kita.

Saya tengok ustaz-ustaz ini pun pada hari ini sudah jadi Siti Nurhaliza, Tuan Pengerusi. Saya tidak cakap Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, Tuan Pengerusi.... [Ketawa] Kita panggil hendak bagi ceramah di kawasan kita, RM4,000. RM4,000 hendak bagi ceramah dua jam. Hotel kita tanggung, makan kita tanggung, kapal terbang pun kita kena tanggung... [Disampuk]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Berapa ganjaran Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ya?

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** You diam-diamlah.... [Ketawa] You mana tahu ini agama Islam punya cerita, you hendak campur.

**Tuan Pengerusi:** Baik.

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Ini masalah JAKIM ini, Tuan Pengerusi, kita banyak tubuh, YAKIM, YADEIM, apa lagi.... [Disampuk] Macam-macam dim, dim, dim ini, berjuta tiap-tiap tahun tetapi apa kerja dia, apa kerja dia? Saya tidak tanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh sebab oleh kerana dia sudah tahu benda itu tidak betul kerana dia jadi wakil rakyat.... [Ketawa] Hanya kita sekarang hendak perbetulkan badan ini.

Kadang-kadang kata orang hendak marah tentang SMS. Saya pun terima juga tentang SMS yang macam mana disebut oleh parti pembangkang tadi bahawa di Ipoh ada 600 orang akan murtad di mana-mana dan sebagainya. Ini membuatkan orang... dan dia marah apa sudah jadi kepada negara. Dengar SMS sahaja kita sudah kelam-kabut. Bagi DAP memanglah kelam-kabut. Saya pun terima SMS. Saya pun tidak tanya kawan-kawan saya daripada Perak betul atau tidak. Sudah tahu benda ini tidak betul! Akan tetapi oleh kerana DAP pun hendak ambil *mileage* politik, dia pun hendak ambil tahu bab ini. Tidak payahlah! Orang sudah tahu engkau siapa. Sudah tidak ada kerja lain.

Kita berharap JAKIM dan YADEIM ini, ini masalah masa depan negara kita. Masa depan negara kita ialah untuk keluarkan anak-anak muda yang berpengetahuan agama yang secukupnya dan buatlah kerja-kerja macam itu. Ini saya dengar, seminar dekat Langkawi, beratus ribu. Hasilnya bagaimana? Pergilah wahai ustaz, balik ke pangkal jalan. Pergilah ke kampung-kampung. Pergilah jumpa orang Iban, pergilah jumpa Orang-Orang Asli ini, bercampurlah dengan mereka. Cubalah terangkan syariat agama kepada mereka, mudah-mudahan dia akan pergi kepada agama Islam. Ini ustaz pun sudah jadi Siti Nurhaliza – RM3,000 atau RM4,000 baru datang. Saya baru-baru ini, Tuan Pengerusi, telefonlah ceramah *Forum Perdana* yang keluar TV itu...

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Saya pun cubalah konon-konon kawasan Jasin ini kita hendak juga macam kawasan... Saya tidak tahu kawasan Tuan Pengerusi ada buat atau tidak...

**Tuan Pengerusi:** Ada.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** RM15,000 Tuan Pengerusi, dia minta saya. RM15,000 ceramah agama, oleh kerana hendak dipancarkan melalui RTM – RM15,000! Saya tanya pasal apa? Pengerusi RM2,000, penceramah RM2,500 – 3

orang RM7,500, sudah RM9,500. Set yang tempat capak itu, *stage* itu kena sewa. Allah, apa hendak jadi ustaz? Agama pun hendak dijual beli sekarang ini. Akhir besok saya takut agama kita ini retorik sahaja.

Jadi saya berharap supaya hari ini JAKIM yang diamanahkan, YADEIM, marilah kita sama-sama menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh negara kita ini.

Mat rempit pada hari ini dah 60,000/70,000. Apa akan jadi, lebih-lebih lagi yang semalam kita pun tengok *Malay Mail*. Saya tidak tahu di dalamnya, tetapi ini lebih memburukkan lagi keadaan kita. Jadi cabaran-cabaran kita Tuan Yang di-Pertua kerajaan terpaksa belanjakan banyak duit untuk membetulkan keadaan ini. Jadi saya berharap JAKIM, YADIM ini kalau perlu kerajaan rombak kenalah rombak. Silakan sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, saya pun hendak ke situ juga tadi. Terima kasih lah. Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin mengalih ke agenda lain. Memang serius Tuan Yang di-Pertua, JAKIM ini, JAKIM tidak konsisten. Di mana-mana memang hebat JAKIM, kalau kita hendak minta bantuan ini JAKIM lah yang paling gedung boleh membantu sama ada pelajar baik, masyarakat yang tidak berada ini baik, tetapi masalahnya ke mana arah mereka ini? Kalau hendak tanya fasal ajaran sesat di kawasan Menteri pun tidak selesai Yang Berhormat Tan Sri. Saya bercakap benda yang telus. Kalau kita hendak cakap tentang *delivery system* sistem penyampaian. Kita mesti ada *role model* contoh yang terbaik Yang Berhormat menteri, fasal Ayah Pin ini daripada kawasan Yang Berhormat Menteri, minta maaf.

Bukan kita bercakap ini kerana kita hendak memperlekehkan sesiapa. Kalau di kawasan Yang Berhormat Menteri sendiri tidak boleh di atasi bagaimana kita hendak menunjukkan satu jalan kaedah yang baik kepada kawasan-kawasan yang lain. Ini yang menyebabkan mereka langsung tidak takut dengan undang-undang yang ada oleh kerana contoh yang kita perlihatkan itu tidak menunjukkan landasan yang benar. Masalah orang kampung ini banyak Tuan Pengerusi, di kawasan Pasir Salak saya tahu, di Kinabatangan, di Jasin apa lagi.

Jadi saya setuju sangatlah kalau JAKIM ini dirombak mengikut keadaan semasa Islam Hadhari yang boleh mencerminkan, menarik dan memikat. Yang Berhormat setuju atau tidak? Kalau tidak, tidak timbul masalah fasal murtad, fitnah yang dibuat tidak betul. Jadi apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin dalam perkara ini. Setuju atau tidak kalau kita minta supaya disegerakan diadakan rombakan JAKIM ini untuk berada di landasan yang betul. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih, saya setuju sangatlah. Kerana kita tahu pada hari ini bagaimana yang disebutkan oleh pembangkang-pembangkang tadi kita sedang menghadapi masalah di Kuala Lumpur itu cerita Chow Kit Road, Bukit Bintang sampai sekarang tidak selesai. Pelacuran, Ipoh mali pelacuran, rumah urut, gambar saja rumah urut dalam semua diuruti... *[Ketawa]* Ini tidak selesai jadi apakah tindakan JAKIM ini dan yang buat kerja rumah urut ini siapa, ada babun rumah urut kah?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada lima minit lagi.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang di-Pertua mengingatkan saya. Saya memang tepat pada masa Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kata lima minit, saya akan habiskan dalam masa lima minit. Saya bukan macam pembangkang itu, kerana benda-benda macam ini yang timbulkan masalah sosial dalam negara kita. Saya berharap supaya kerajaan ambil tindakan. JAKIM ini kena buat kerja; pergi ke Chow Kit Road, pergi ke Bukit Bintang yang banyak maksiat itu. Tarik mereka-mereka ini ke jalan yang benar, itulah sepatutnya kerja ustaz. Ini yang sebenarnya kerja ustaz, pergi cari GRO, pergi cari itu bawa dia ke pangkal jalan. Bukan ceramah dalam masjid selepas itu orang wakil rakyat panggil ceramah RM3000/4000 engkau caj. Ini sepatutnya kerja kita. Silakan bekas Timbalan JAKIM dahulu.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Timbalan Ketua Pengarah. Saya sebenarnya sedikit sahaja Yang Berhormat bagi Jasin abang saya, Tuan Yang di-Pertua ahli-ahli Yang Berhormat. JAKIM ini menyelaras, tugas untuk menangkap ini di JAWI Jabatan Agama Islam Wilayah. Saya pernah timbulkan sebelum Dewan ini, tangguh baru ini. Saya kata minta serbu Lorong Haji Taib, Lorong Haji Hussein sebab kawan ini duduk dalam kubur azab.

Buat maksiat di Lorong Haji Taib ubahkan Lorong Haji Taib bandar raya jangan duduk taruk Lorong Haji Taib kalau maksiat banyak. Ubahkan Lorong 'Tua' ke lorong apa, jadi inilah saya hendak supaya semua jabatan agama walaupun kita tidak boleh campur secara *direct* kerana kuasa negeri kerana agama *state matter* tidak *federal matter* tetapi selama mana kita hendak kata *state matter* kalau kita tidak bergerak ke arah membasmikan dadah, membasmikan maksiat, mat rempit dan sebagainya itu saya sokonglah. Jadi saya menyokong penuh.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, ini agama Islam undang-undang Islam. Bukan di Melaka lain, di Kelantan lain. Undang-undang itu juga kalau JAKIM yang bertanggungjawab hal-hal agama mana dia hendak lepaskan tangan kepada ini kerja negeri tidak boleh. Tanggungjawab bersama. Jadi saya berharap sebagaimana yang di sebut oleh Yang Berhormat bagi Larut tadi kalau ada yang tidak betul tidak kena, patut kita rombak kita, rombak balik. Kerana penyakit yang melanda masyarakat kita pada hari ini bukan satu benda yang enteng. Soal pada hari ini yang disebutkan digambarkan murtad jangan dinafikan benda ini ada berlaku dan yang setahu saya ada ustaz yang *volunteer* membuat kerja mengembalikan balik anak-anak kita ke jalan yang sebenarnya tetapi apakah usaha JAKIM? Apakah usaha Jabatan Agama negeri-negeri? sila.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Tadi saya dengar bahawa kita perlu merombak mengkaji struktur YADIM dan juga JAKIM. Kita juga ada satu Yayasan Islam Hadhari, kita ada komuniti Islam Hadhari kita tahu mungkin ada wang yang banyak diperuntukkan kepada Yayasan dan komuniti ini tetapi hala tujuanya kurang kelas. Jadi saya minta supaya apakah pandangan Jasin tentang kedudukan Yayasan Islam Hadhari yang saya rasa tidak begitu jelas dari segi kerja buatnya untuk membawa visi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Silakan.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Padang Terap. Kalau Yang Berhormat pun tidak jelas orang di kampung lagilah kacau bilau. Kalau kita dalam Dewan yang mulia ini tidak berapa tahu tentang Yayasan Hadharilah, apalah ini, orang kampung lagilah hancur lagi *blur*. Jadi kita berharap supaya organisasi-organisasi yang tadi, kita tahu masalah di depan mata kita jangan kita syok dengan slogan kita JAKIM kerja dia ni, YADIM kerja dia ini. Yayasan Hadhari kerja dia ini, seharusnya sebagai jawatan-jawatan yang bertanggungjawab tentang kemuliaan agama Islam dalam negara kita ini kita kena bersatu bersama-sama mencari jalan bagaimana untuk mengatasi masalah sosial yang kita hadapi pada hari ini. Sila Yang Berhormat bagi Setiu.

**Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu di dalam negara kita ini Perlembagaan adalah undang-undang tertinggi. Saya percaya di dalam Perlembagaan telah memperuntukkan kebebasan beragama, tetapi di dalam Perlembagaan juga ada mengatakan bahawa penganut agama lain tidak boleh berdakwah kepada penganut agama Islam tetapi saya percaya peruntukkan yang ada ini tidak berapa jelas di peringkat negeri-negeri sebagaimana Yang Berhormat bagi Pasir Puteh kata tadi *state matter* urusan negeri.

Baru-baru ini YAB Perdana Menteri telah menyatakan supaya satu undang-undang digubal mengenai perkara ini tetapi kita belum dapat apa-apa respons sejauh mana penggubalan ini telah dibuat di peringkat negeri ataupun arahan ini tidak begitu jelas. Sehingga kita membicarakan isu tentang keluar agama murtad dan sebagainya di dalam Dewan ini kita tidak tahu sampai ke mana penghujungnya. Boleh Yang Berhormat Jasin beri penjelasan yang lebih lagi?

**Datuk Haji Mohd Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya dari Setiu. Saya bersetuju. Kita dulu, kita membangunkan negara kita. Hari ini kita membangunkan fizikal. Kita ada *airport* yang boleh kita banggakan, kita ada bangunan ataupun menara tertinggi dalam dunia tetapi kita harus ingat anak-anak kita pada hari ini jiwa dan raga dia kosong. Pembangunan ada, fizikal, tetapi rakyat di dalam negara itu kosong. Itulah sebabnya cetusan idea YAB Perdana Menteri kita tentang Islam Hadhari ini untuk kita menghayati supaya dengan adanya Islam Hadhari ini kita balik ke

pangkal jalan, kita mengubah cara hidup kita bersesuaian dengan kehendak agama. Dan ini menjadi tugas dan tanggungjawab JAKIM di peringkat pusat. Jangan hendak tolak negeri. Negeri akan melaksanakan apa yang diputuskan di peringkat Pusat.

Penegasan ini harus di buat oleh JAKIM di dalam Jabatan Perdana Menteri. Supaya mintak negeri melaksanakan. *The boss is in KL*, dengan izin.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat cukup.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Mesti datang daripada Kerajaan Pusat. Oleh yang demikian saya berharap, saya berharap teguran-teguran ini JAKIM akan dapat memperbaiki cara pelaksanaan jabatan ini supaya kita dapat menguatkan lagi pelajaran agama dan masalah sosial yang dihadapi oleh orang kita ini dapat diselesaikan dengan baik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, Jerai.

### 3.22 ptg.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, pertamanya saya hendak ucapkan tahniah kepada EPU kerana telah merancang program Rancangan Malaysia Kesembilan untuk, kita bangukan bersama negara kita ini. Dan yang pentingnya Tuan Pengerusi ialah penyampaian program-program tersebut. Walaupun telah dicadangkan oleh pihak YAB Perdana Menteri supaya Ahli-ahli Parlimen diberi peluang untuk memonitor kejayaan. Dan saya dapat tahu Tuan Pengerusi masih ada juga negeri-negeri yang pegawai-pegawainya tidak memahami tentang perjalanan program-program Rancangan Malaysia Kesembilan ini.

Oleh demikian, saya amat berharap kepada pihak EPU atau Jabatan Perdana Menteri kalau boleh kita khususkan supaya kalau boleh, walaupun baru ini menteri di Kedah pun dah pergi, Menteri Tugas Khas iaitu YB Datuk Effendi telah menjelaskan tetapi yang penting Tuan Pengerusi, ialah penerimaan rakyat supaya Rancangan Malaysia Kesembilan ini, akan mencapai matlamatnya. Dan perkara ini bukan perkara mudah. Pertamanya kerana peruntukkan yang begitu besar yang akan kita *staged* dalam lima tahun untuk sampai ke matlamat Rancangan Malaysia Kesembilan.

Akan tetapi penyampaian, kerana saya sedar juga bahawa Rancangan Malaysia Kelapan ada projek-projek yang tidak dapat dijalankan sebab ada masalah-masalah tanah, masalah-masalah teknikal dan sebagainya yang tidak dapat di jalankan kerana tidak di rancang dengan baik.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tujukan kepada kepala yang tertentu. Yang mana?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya, ya..kepala EPU tadi, EPU... [*Ketawa*] Contohnya Tuan Pengerusi, contoh Tuan Pengerusi ialah contohnya, saya nak bagi tau satu contoh yang masalah yang berlaku iaitu antara jalan dari Gurun dalam kawasan Parlimen saya ke kawasan Parlimen Sik. Apabila kita merancang nak buat jalan, kita kena kaji bahawa ada orang yang duduk atas *reserve* jalan kerajaan itu. Ini tak dapat kita nafikan. Dan apabila Pejabat Tanah ataupun pihak kerajaan membuat *bearing* dan merancang dan mereka ini harus dipindahkan harus dikeluarkan tetapi perkara ini telah tidak dibincangkan langsung dengan Wakil Rakyat.

Jadi ini menyebabkan apabila timbul masalah di mana orang miskin yang mana rumah mereka ini hendak dipindahkan tetapi mereka tidak ada tempat nak pergi. Mungkin diberi pampasan Tuan Pengerusi RM2,500, RM3,000 tetapi orang yang lama ni Tuan Pengerusi dia nak pindah pi mana, kayu, zink, almari, sikat rambut nak pi ke mana? Ke mana dia orang nak pergi Tuan Pengerusi? Akhirnya perancangan ataupun jalan tersebut akan mengalami kelewatan kerana disebabkan tidak ada perancangan yang baik. Dan terpaksa saya masuk campur untuk cuba menyelesaikan.

Kerana satu Pak Long tua tu Tuan Pengerusi, dia mai kat saya dia tunjuk sijil dia kerja AC dulu masa zaman darurat. Dia kata, dia kata Yang Berhormat, saya dok tang ni daripada muda sampai la ni saya dah nak mati dah. Depa mai pangkah rumah saya nak rebah ni. Saya nak pi mana Yang Berhormat? Teriak orang tua tu Tuan Pengerusi. Heek..heek..! Meleleh air mata depan saya. Saya nak bawa pi mana?

Jadi Tuan Pengerusi, terpaksa kita jumpa balik Pejabat Tanah, susun balik jalanan supaya mereka ini di cari tempat untuk diletakkan mereka. So depa dapat

hidup. Takkan kita nak halau, kita nak suruh dia halau pi macam kita halau anak kucing Tuan Pengerusi? Dia manusia ada anak-anak dan sebagainya.

Jadi saya nak mintak supaya kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan, dia kena kerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan dengan pihak EPU supaya apa yang dirancang itu Tuan Pengerusi akan sampai.

Dan satu lagi Tuan Pengerusi saya nak minta supaya penjelasan diberi kepada kepimpinan-kepimpinan masyarakat di bawah Tuan Pengerusi. Kadang-kadang di Kedah di panggil JKKK. Jawatankuasa Keselamatan Kampung. Mereka ini ibarat setengah negeri menjadi ketua kampung tetapi di Kedah dia panggil JKKK. Saya berterima kasih dekat Kerajaan Pusat sebab bagi elaun dekat depa. Untuk pengerusi dapat RM400 sebulan, untuk setiausaha dapat RM200. Kalau kerajaan negeri bermurah hati Tuan Pengerusi, bagilah jawatankuasa tu seorang seratus, seratus setengah ka, habuan duit minyak motor nak pi mesyuarat. Ni dia kata pengerusi dapat RM400, setiausaha dapat, yang kami jawatankuasa ni? Ha mulalah, bila kita dah bagi, itulah, dia mai macam tu. Tak apalah, kalau ada lebih bagi pi lah. Sian puak-puak ni kadang-kadang naik motor pun tidak ada nombor pun dalam kampung nak pi mesyuarat. Jadi tak boleh apa jadi nak sikit.

Jadi depa ni Tuan Pengerusi pun kena dimaklumkan, difahamkan kalau projek pertanian nak masuk pi dalam kawasan tu. Kadang-kadang Tuan Pengerusi, pegawai dia faham, memang saya tau. Terima kasih pegawai. Tetapi yang nak terima ni dia tak faham. Dia tak mengerti tambah lagi kita pi bercakap. Macam saya cakap tadi soalan boitek ni. Hak umur tinggal lagi dua tiga tahun nak hidup ni dia tak erti langsung biotek. Gelap bagi dia. Nak terang kat anak muda, anak muda tak ada. Hak terlampau muda dok rempit. Hak yang ni dah keluar tinggal kampung. Dan saya nak mencadangkan kepada EPU kalau bolehlah, cuba bangunkan industri-industri di kawasan luar bandar.

Jangan kita dok *zoom* sahaja dalam kawasan-kawasan bandar ataupun kawasan-kawasan industri. Kerana ia akan berlaku penghijrahan di mana Tuan Pengerusi ini akan menimbulkan masalah pula di kawasan-kawasan yang tertentu. Maksud saya bukanlah industri yang *high-tech* ini. Kadang-kadang macam di Kedah, Alhamdulillah terima kasih, kerana kita ada Kulim High-tech yang itu tak payahlah kita nak buat dalam kampung dengan infra dia tak cukup, bekalan api air dan sebagainya tak mencukupi tetapi, industri-industri tertentu harus juga wujud dalam kawasan-kawasan kerana masalah perjalanan sudah ada hari ini. Kita ada lebuh raya, jadi tidak ada masalah. Contohnya dalam kawasan Parlimen saya di Gurun kita ada industri motor kereta, Naza Kia. Buat di Gurun, tetapi kerana hari ini kita ada NOSAS Highway, Lebuh Raya Utara-Selatan. Maka kereta yang buat di Gurun pun boleh dipasarkan di Johor Bahru dan sebagainya.

Jadi, kalau kita hendak menyelesaikan masalah sosial di kawasan-kawasan bandar, maka kita kena wujud supaya dia tidak berlaku penghijrahan. Dan keduanya maka tidak berlakulah kos kehidupan yang tinggi. Kerana orang kampung akan hidup ataupun orang di luar bandar ni akan hidup dengan kos yang sederhana di kawasan luar bandar.

Jadi ini akan menolong kerajaan Tuan Pengerusi, untuk mengatasi masalah-masalah sosial yang berlaku pada hari ini. Lagi satu Tuan Pengerusi, saya minta pihak EPU juga supaya kadang-kadang memang sudah *diplankan* tetapi terlupa pandang. Macam sesetengah di dalam kawasan saya, saya terlupa pandang juga, sekolah yang tercicir dan sebagainya.

Walaupun kita boleh memohon dalam *mid-term review* ini tetapi saya berharap supaya pihak EPU juga boleh mengkaji balik. Contohnya, saya banyak kali sudah bercakap Tuan Pengerusi, ibu pejabat polis di dalam kawasan Parlimen saya iaitu Ibu Pejabat Polis Yan, yang sampai hari ini saya pun sudah tidak tahu macam mana keadaan. Dan kalau kita tengok pasukan polis itu, rumah depa tidak cukup, daripada balai polis, sudah jadi Ibu Pejabat Polis Daerah. Ini saya kira tidak sesuai.

Jadi kalau boleh Tuan Pengerusi, saya minta pihak EPU mengkaji balik. Tolong catat masalah ini, pegawai-pegawai yang ada ini, balai polis di daerah Yan ini yang telah ditipu oleh pemaju perumahan satu ketika dahulu tetapi pemaju perumahan tersebut masih meneruskan pembangunan dan mengaut keuntungan beratus-ratus juta ringgit. Saya kira, walaupun ini sudah ada laporan polis, saya berharap orang yang

terlibat dalam penipuan ini harus kita bawa ke muka pengadilan. Kalau tidak Tuan Pengerusi, kerajaan ditipu.

[Tuan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Jadi bila kerajaan ditipu, kalau kita beritahu kepada orang kampung kerajaan tertipu, depa kata, "*Hai! Takkan orang tipu kerajaan.*" Dia tidak tahu, rupanya kes-kes macam ini, tanah milik polis diswastakan atas keluar subsidi untuk pembangunan, akhirnya mereka buat projek, duit dapat, tidak bina apa yang mereka patut lakukan. Jadi, di sini adalah satu penipuan yang harus kita jangan biarkan berlaku.

Tuan Pengerusi...

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Padang Terap.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik dengan projek-projek di Rancangan Malaysia Kelapan ini. Yang pertama mungkin dari segi pemantauan projek Jerai. Contohnya projek Hospital Alor Star, dibuat kontraknya agak besar, menelan belanja yang cukup banyak tetapi pemantau yang dibuat oleh Kuala Lumpur tidak diserahkan kepada JKR di Alor Star. Itu masalah yang mungkin melambatkan atau tidak tahu dengan cepat masalah yang berlaku.

Baru-baru ini, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak melawat ke Kedah, barulah kalam kabut Menteri Kesihatan turun tengok, JKR tolong turun, *lastnya* berkelahi dua orang. Menteri JKR dengan Menteri Kesihatan berkelahi. Lima tahun baru tahu puncanya, sebab mungkin kontrol di Kuala Lumpur. Tidak diberi kepada negeri untuk monitor, untuk pemantauan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, serahkan kepada negeri untuk membuat pemantauan atau pemerhatian setiap projek mega dibuat di tiap-tiap negeri.

Lima tahun Yang Berhormat bagi Jerai, berlaku kelewatan Hospital Alor Star, Hospital Sultanah Bahiyah. Ini kerana berlaku percanggahan antara kementerian dengan kementerian. Bila Pak Lah hendak turun barulah kalam kabut, turun tengok, buat *statement*, berkelahi sesama mereka. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya pemantauan diserahkan kepada JKR negeri ataupun *lead agency* yang paling dekat dengan mereka supaya peratusan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat dijayakan dengan lebih cepat dan lebih telus lagi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Untuk mengelakkan 'berkelai'. 'Berkelai' ini bahasa kita sebelah utara. Yang Berhormat bagi Padang Tetap bercakap 'berkelai', bertengkar. Bukan bertengkar, macam *misunderstanding* sikit, macam itulah bahasa Inggerisnya.... [*Ketawa*]

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Oh, *you* tidak raya, *you* mahu marah saya kah?... [*Ketawa*]

Jadi saya mencadangkan supaya diselaraskan, ia mesti ada satu jawatankuasa. Macam saya kata tadi, kalau kita hendak buat lebuhraya atau hendak buat apa yang melibatkan masyarakat setempat itu, orang yang paling baik Tuan Pengerusi, untuk menjadi perantaraan di antara rakyat dan kerajaan adalah wakil rakyat. Ini tidak boleh dinafikan. Ini kerana pegawainya terikat dengan peraturannya. Kalau dia sudah sukat, dia hendak buat hospital.

Orang yang duduk di kawasan itu akan keluar *order* atau arahan. Itu arahnya. Dia mengikut arahan. Kemudian kontraktor masuk, dia hendak buat kerja tetapi masalah kemanusiaan ini, macam mana kita hendak selesaikan? Di sinilah wakil rakyat boleh memainkan peranan menghubungi di antara rakyat dan juga kerajaan, cari jalan tengah, gunakan budi bicara supaya mereka ini dapat kita selesaikan kerana wakil rakyat pun hendak pembangunan. Macam Hospital Alor Star Tuan Pengerusi....

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Mohon laluan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jerai, abang saya juga. Saya tertarik tadi, kalau kita dilantik sebagai wakil rakyat Parlimen Pasir Puteh, apa makna wakil rakyat? Semua aduan daripada rakyat datang kepada kita. Soal tanah setinggah kah, tidak setinggah kah, semua datang kepada kita. Sebab itu, setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Jerai, kalau boleh kita minta EPU ataupun *lead agency* di peringkat Persekutuan ini supaya memberi suatu gambaran yang jelas bahawa Yang Berhormat Parlimen ini boleh jadi pengerusi penyelarasan pembangunan Parlimen Pasir Puteh atau Jerai.

Bersetuju atau tidak kalau begitu? Macam kita menjadi pengerusi penyelarasan kebajikan, tidak besar tetapi pengerusi penyelarasan pembangunan Parlimen. Tidak bercanggah dengan DO. Tugas itu masing-masing, boleh atau tidak? Penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]:** Terima kasih. Yang Berhormat, tidak tahulah antara kita berdua, siapa abang, siapa adik. Saya baru 56, Yang Berhormat umur berapa saya tidak tahulah tetapi tidak apalah, kita bersaudara.

Tuan Pengerusi, ia tidak semestinya kita jadi pengerusi, pasal jawatan tidak penting. Yang pentingnya matlamat sampai kepada rakyat. Ini kerana kadang-kadang kita tidak ada urus setia, wakil rakyat ini tidak ada urus setia, Tuan Pengerusi. Adalah seorang dua kerani dok lari, naik turun-naik turun, itu sahaja. Kita tidak ada organisasi, kita tidak ada pegawai itu, pegawai ini. Jadi, kalau kita hendak mempengerusikan, susah hendak panggil mesyuarat dan sebagainya kecuali kalau kita diberi peluang, ada satu pejabat Ahli Parlimen Jerai dengan dia punya pegawai-pegawai, jadi mudah.

Akan tetapi tidak apa, pejabat daerah kalau di daerah itu mempengerusikan, cuma panggil kami ini untuk menghadiri, mendengar dan hendak menyelesaikan masalah, bukan kita hendak mencipta masalah. Ini kerana setiap wakil rakyat, dia merasa bangga kalau dalam kawasan dia membangun, kalau dia lihat bangunan itu, bangunan ini. Macam hospital itu, saya lihat sudah lima tahun tidak siap, sampai hari ini tidak masuk lagi.  *Holding cost*  nya macam mana, rakyat macam mana? Jadi di sini saya faham mungkin sedikit sebanyak masalah-masalah di luar jangkaan yang berlaku menyebabkan bangunan tersebut tidak dapat disiapkan.

Jadi, saya minta supaya pihak kementerian yang terlibat supaya mengambil iktibar di atas kesilapan-kesilapan yang berlaku supaya tidak akan berlaku lagi di tempat-tempat yang lain. Sebab itu saya kata Tuan Pengerusi, peranan penting kami ini adalah untuk menolong supaya program Rancangan Malaysia Kesembilan ini dapat berjalan dengan tidak ada masalah dan mustahil tidak ada masalah, tentu ada sedikit sebanyak masalah tetapi...

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Maran.

**Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jerai. Saya tertarik apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan kalau pagi tadi kita dimaklumkan tentang prestasi Rancangan Malaysia Kelapan, di mana 90% perbelanjaan untuk projek telah dibuat oleh kerajaan tetapi pada saya dari segi pembangunan fizikal belum pasti 90% kerana duit ini sudah dibelanjakan, sedangkan terdapat projek-projek yang gagal, yang terbengkalai dan sebagainya. Duit sudah dibelanjakan, bermakna 90% perbelanjaan kewangan tidak bererti 90% kemajuan dari segi fizikal.

Kalau kita lihat sekarang pun masih banyak lagi projek-projek yang tidak diselaraskan. Saya bersetuju dengan apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tadi bahawa terdapat ketidakselarasan di antara agensi-agensi pelaksana kerajaan ini. Saya hendak berikan pandangan dan sedikit pengalaman, Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat bagi Jerai. Ini kerana di peringkat daerah ini sebenarnya ia ada Jawatankuasa Penyelarasan Perancangan Daerah.

Saya dapat maklum kebanyakan daerah-daerah yang mempunyai jawatankuasa perancangan tidak berjalan dengan baik.

Sebab itulah kadang-kadang ada projek yang dilaksanakan sesetengahnya Ahli Parlimen tidak tahu, ADUN pun tidak tahu. Ada yang datang daripada Kuala Lumpur dan sebagainya. Ini mengakibatkan banyak projek-projek yang dilaksanakan oleh kerajaan terbengkalai dilaksanakan tiga atau empat tahun yang sepatutnya dua tahun projek itu diselesaikan. Apakah Yang Berhormat bagi Jerai bersetuju dengan saya supaya pihak kerajaan dan ICU dengan izin, Unit Penyelaras Pelaksanaan yang di bawah Jabatan Perdana Menteri ini dapat digerakkan dengan lebih kemas lagi supaya dapat menyelarasikan segala pelaksanaan projek-projek yang berlaku bukan sahaja di peringkat persekutuan bahkan di peringkat negeri. Apakah pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Sebenarnya Yang Berhormat bagi Maran, inilah saya ingat perancangan terbaiklah bermakna permuafakatan di antara keseluruhannya. Memanglah pihak IPU mengenal pasti projek yang dipohon oleh rakyat, kemudian dimasukkan di dalam rancangan. Hendak di *implement* kan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang terlibat akan menjalankan, jadi kita pakejkan Tuan Pengerusi.

Saya ambil satu contoh yang terakhir apabila kawasan saya dilanda ribut. Sebanyak 17 buah rumah telah hilang bumbung dan sebagainya dan dua buah telah ranap dan tidak boleh digunakan lagi tetapi kerana permuafakatan di antara saya dengan tuan pegawai daerah dan dengan pegawai-pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat dan sebagainya, kita panggil mesyuarat, terus kita laksana dan kita gunakan tentera untuk membantu kita menyiapkan rumah dan Alhamdulillah sebelum raya, semua mereka boleh pindah balik ke rumah mereka kerana dalam bulan puasa atau bulan Ramadhan itu sepuluh hari lagi hendak raya, kita dapat selesaikan.

Di sini saya hendak terima kasih berbilang-banyaklah kepada TV3 yang telah menyumbang kepada yang terlibat, begitu juga Yayasan Sultanah Bahiah dan juga pihak kerajaan, Tabung Bencana Negara yang telah menghulurkan pinjaman.

Dalam masa sepuluh hari sahaja Tuan Pengerusi kita boleh *settle* masalah itu kerana permuafakatan. Kita ambil tentera kerana kita tidak mahu ambil orang kerana hendak upah orang mahal. Kalau kita ambil tentera Bahagian Kejuruteraan, mereka tidak ada kerja lagi, tidak perang dan sebagainya, mereka datang menolong kita. Ini kita nampak bahawa dengan RELA membantu, dengan.... [*Yang Berhormat Padang Rengas berjalan masuk ke dalam Dewan*] Dato', sila. ....Dengan yang lain masuk, jadi kita boleh siap dalam masa sepuluh hari sahaja. Cuma yang dua buah rumah yang rebah itu lambatlah sedikit.

Saya hendakkan di sini permuafakatan Tuan Pengerusi dan juga budi bicara dalam kita menjalankan tugas. Masalah dia ialah masalah kemanusiaan dan kadang-kadang susah hendak kita atasi Tuan Pengerusi tetapi lebih-lebih lagi kalau kita hendak membangunkan kawasan yang ada penduduk. Kita hendak buat keputusan yang seadil-adilnya. Kita bukan tidak..., bukan maknanya kita tidak mahu pembangunan.

Sesetengah orang kata macam saya, bila saya pertahankan orang yang duduk di atas jalan itu dia kata Dato', dia duduk di atas rizab kerajaan. Mereka menumpang hak kerajaan, sepatutnya dia kena pindah. Dia tidak boleh tuntutan apa-apa tetapi kita kena ingat bahawa di atas perikemanusiaan, orang yang miskin ini yang kita hendak lawan kemiskinan, hendak lawan kemiskinan tegar ini. Kalau mereka ini yang duduk di situ, kita hendak halau macam kita halau kucing, macam mana? Ini manusia. Bukan kita boleh suruh dia pergi macam itu sahaja.

Ada juga pegawai, ini pegawai JKR yang memarahi mereka ini Tuan Pengerusi seolah-olah tanah itu hak pusaka tok nenek mereka. Dia kata, dia maki orang-orang itu sampai menangis-nangis orang kampung, baru *technician* JKR dan saya percaya penuh bukan banyak pegawai yang perangnya macam itu tetapi hendak tunjuk yang dia ini besar, dia pergi pangkah merah kerana hendak tolak rumah, esok keluar, ini tanah kamu duduk adalah tanah kerajaan.

Bila saya pergi bertanya, dia kata apa Wakil Rakyat boleh buat? Itu dia punya bahasa digunakan. Ini hendak buat apa? Wakil Rakyat boleh buat apa? Ini kuasa kami, kami hendak tolak, tolak. Kalau macam ini *approach* dia, dia akan menjadi suatu

masalah kepada kerajaan. Kita berbincanglah ini dan saya percaya penuh yang IPU pun telah *set* dia punya cara untuk kita *implement* kan program-program ini.

Dan yang pentingnya dia datang bersama dan insya-Allah kita sebagai Wakil Rakyat, kita akan membantu kerana kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah kejayaan kami juga sebagai Wakil Rakyat. Tambah-tambah kalau pilihan raya sudah hendak dekat, kalau program ini berjalan, kita tidaklah teruk sangat. Maknanya ada pembangunan, jadi ini menunjukkan kepada rakyat bahawa apa yang dirancang oleh kerajaan itu sampai kepada masyarakat.

Saya percaya penuh dengan adanya pegawai-pegawai pada hari ini, dengan kerjasama daripada kita Wakil-wakil Rakyat termasuk pembangkang. Jangan hanya membangkang segala, mana ada dalam dunia, mana ada dunia Tuan Pengerusi, kerajaan bayar gaji untuk maki kerajaan, tidak ada...

**Beberapa Ahli:** *[Bersorak]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak ada dalam dunia, bagi elaun kepada Ketua Pembangkang untuk hendak hentam kerajaan. Bagi elaun kepada mereka... *[Disorak]* Kalau mereka tidak puas hati, kita tarik balik ini semua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Minta penjelasan. Kadang-kadang saya juga dengar Yang Berhormat bagi Jerai mengkritik kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia belum bagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Adakah ini memaksa kerajaan membayar gaji untuk kritik kerajaan juga?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Hold down. Hold down.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Minta jalan dahulu.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** *Point of order* Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak menghormati Dewan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun] [Membantah]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini *floor* saya, Yang Berhormat kacau buat apa?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat faham dengan sistem demokrasi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Seputeh, sila duduk Seputeh.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Kalau saya tidak faham, takkan .....

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ini apa yang kita rasa sedih. Hoi ya!

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya yang menggubal sistem di sini bersama, pasal apa Yang Berhormat kata saya tidak faham?

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya balik kepada kementerian ini, perpaduan ini. Saya hendak minta kepada pihak kerajaan, kita antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Kita hendak panggil Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak ada Kementerian Perpaduan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada Kementerian Pembangunan...

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, di bawah kementerian ini, kementerian..., apa?

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Seorang Ahli:** Jabatan Perdana Menteri.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hah, Jabatan Perdana Menteri. Ini Yang Berhormat Menteri ada, takkan jabatan tidak ada Tuan Pengerusi, yang menjaga tentang tugas-tugas integrasi nasional apa semua ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, yang itu betul Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya hendak minta supaya memudahkan perjalanan dua hala di antara Sabah dan Sarawak dan Kuala Lumpur di Semenanjung Malaysia kita ini di tanah air kita ini. Saya hendak minta pihak kerajaan kena bagi tahu juga kepada syarikat-syarikat penerbangan kerana dahulu kita ada feri. Kalau tidak silap saya feri di antara Sabah, Sarawak dan juga Kuala Lumpur tetapi mungkin kerana tidak menguntungkan maka feri itu telah diberhentikan.

Saya hendak mencadangkan supaya kadang-kadang Tuan Pengerusi kita tidak boleh hanya melihat dari segi keuntungan semata-mata. Macam pihak MAS, dia hendak keuntungan, saya faham. Kalau tidak untung pun kita akan tanya balik tetapi kita kena juga mengambil jalan supaya bagaimana kita hendak mengeratkan lagi perhubungan integrasi nasional di antara rakyat-rakyat yang duduk di Sabah dan Sarawak dengan kita di sini kerana kita jauh macam Tuan Pengerusi sendiri jauh di sana.

Kalau kita tidak dekatkan macam ini, dia akan..., sebab itu apabila kita bercakap, kita bercakap orang di Sabah, kita bercakap orang di Sarawak, kita cakap orang sana, orang sini tetapi kita orang Malaysia, rakyat Malaysia. Kita kena bercakap dengan satu suara tetapi disebabkan oleh perhubungan silaturahim ini renggang dan hari ini pula MAS dengan perangai dia yang macam-macam yang kadang-kadang kita pun sudah *confused* kerana hendak membetulkan balik kerugian itu yang mereka lakukan satu ketika, hari ini menyusahkan rakyat.

Rakyat kita sendiri susah, pegawai-pegawai MAS sendiri pun tidak faham sistem. Kadang-kadang di Alor Setar, pegawai MAS dia kata tidak boleh. Apabila saya datang ke Kuala Lumpur, saya buat di Kuala Lumpur boleh pula? Baru-baru ini saya hendak terbang, Tuan Pengerusi hendak ke mari untuk menghadiri mesyuarat, kerana tiket itu saya sudah buat *cancellation*, tetapi saya bagi nombor *cancellation* tetapi pegawai yang bekerja di *airport* itu dia kata tidak boleh, kena juga bayar denda.

Akan tetapi apabila saya bawa ke Kuala Lumpur, bila sampai di Kuala Lumpur, saya pergi ke lapangan terbang Kuala Lumpur, dia boleh buat? Yang di Alor Setar tidak boleh, tetapi yang di Kuala Lumpur ini boleh..., ini sistem apa dia orang pakai?

Begitu juga masalah-masalah lain Tuan Pengerusi. Saya kira kita kena ambil kira walau pun kita mahu MAS itu untung tetapi kita kena juga ambilkira dari masalah-masalah kos untuk mengeratkan lagi silaturahim perjalanan di antara masyarakat dalam negara kita ini supaya perhubungan ini..., Tuan Pengerusi, bukan kita boleh beli. Dia kena wujud dalam perhubungan kita.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *Point of order. Point of order.*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Hai, janganlah kacau.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, apa Yang Berhormat cakap itu sudah di luar tajuk. Ini berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Integrasi nasional.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sekarang kita cakap tentang JPM.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Integrasi nasional.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tak ada kena mengena dengan MAS

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Seputeh sila duduk, sila duduk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ini integrasi nasional Tuan Pengerusi. *You* tak mahu integrasi nasionalkah, *you* mahu gaduh-gaduhkah? Inilah kasi saya marah tetapi ini saya bulan Syawal, saya *control* lah... [Ketawa].

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya hendak minta....., saya tidak larat hendak dengar dalam Dewan ini kita menuding jari di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain.

Ini tidak bagus Tuan Pengerusi. Kadang-kadang, provokasi ini. Ini perkara yang sensitif. Apa salahnya, kita menghormati Perlembagaan negara. Perlembagaan negara itu adalah atas kongsi pemikiran bersama. Jadi kita pegang kepada itu. Jangan kita syak wasangka. Jangan syak wasangka. Jadi, macam kita dengar tadi, pembangkang dok *attack* kita seolah-olah kita ini berpuak-puak di dalam negara yang merdeka. Saya boleh kata dekat dia, kalau mereka masih hendak mempertikaikan perlembagaan Malaysia, mereka ini adalah pengkhianat kepada negara. Mereka ini adalah orang menjadi suruhan kepada barat untuk menghancurkan perpaduan dalam negara kita ini, dan mereka tidak layak untuk duduk dalam Dewan yang mulia ini.... [Tepuk] Kerana kita berpegang kepada Perlembagaan. Itulah yang kita pegang.

Sampai kita merdeka hari ini, kita hidup aman dan damai. Tengok Hari Raya baru-baru ini, orang India menghormati orang Islam. Dia buat *open house* malam-malam. Kerana dia tahu orang Islam berpuasa di siang hari. Bila Hari Raya orang Islam baru-baru ini, orang Melayu Islam kita raya, orang India dan juga orang Tionghoa, orang Cina semua mai makan kuih-kuih. Bila Cina raya tak lama lagi, kita makan limau Mandarin. Kita tak mahu pi makan dan orang Cina pula menghormati kita, dia tak masak benda-benda yang orang Islam tak boleh makan.

Ada rumah kawan saya orang Cina, dia masak asing. Dia panggil kontrak asing orang Melayu mai masak kerana dia tahu orang Melayu nak pi makan. Ini adalah satu yang telah wujud. Jadi, jangan dicungkil-cungkil. Kerana kalau cungkil ini mendalam Tuan Pengerusi, ia akan menyebabkan membaranya hati dan ini menyebabkan pertelingkahan kaum berlaku. Yang mana sesiapa pun tak mahu dan kita pun tak mahu. Macam saya biasa kata, kadang-kadang orang Melayu Tuan Pengerusi, nak lembutkan lagi. Tengok! Kita tak kata Cina, kita kata Tionghoa. Bagi lembut lagi bahasa itu, bukan? Kita tak kata babi, kita kata khinzir. Ha! Kita nak melembutkan supaya jangan kasar fasal kita tahu orang Cina makan babi. Kita bubuhlah khinzir. Punyalah nak jaga hati.... [Ketawa] Itu pun hang pa dok marah lagi? Ini yang tak patut.

Jadi, saya mintalah benda ini jangan kita mempertikaikan. Sudah termaktub bahasa Malaysia, bahasa rasmi. Hak orang Melayu harus dipertahankan. Kalau semua orang lain kaya, kita tak mahu perbezaan kekayaan di dunia ini, di Malaysia ini ketara. Kalau ramai orang ini kaya, orang ini susah, akhirnya berlaku macam di sesetengah negara. Di mana ada segolongan, kaya bukan main. Ada segolongan kelaparan tak makan. Akhirnya yang tak makan ini akan makan yang kaya. Ha, Dia akan jadi macam itu! Jadi kita nak jaga ini semua.

Macam termaktub, dia kata negara ini, negara Islam, agama Persekutuan. Kita hormat yang itu. Bukan maknanya kita tak bagi orang lain pi, tak boleh buat amal ibadat. Pi lah buat, tak kacau pun! Ya! Dia nak buat apa, dia buat. Kita tak pernah sekat Tuan Pengerusi. Pasal kita ini bersaudara dalam negara Malaysia ini, kita dah berjanji. Berjanji, supaya kita hidup bermuafakat di antara satu sama lain. Kerana, macam saya selalu kata bahawa, kalau kita nak ungkit Tuan Pengerusi, memang asal usul, *the root* adalah hak Melayu negara ini tetapi kita berkorban, kerana hendakkan perpaduan. Mai, kita kongsi hidup. Kita kongsi raya, kongsi Deepa. Guna Deepa Raya, Kongsi Raya, semua kita guna. Padahal, bukan ada perkataan itu pun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya? *Okay brother.*

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Pengerusi, saya tertarik tadi. Sebab kita, kalau seorang berfikir, dengan sepuluh kepala, ada beza. Kalau 57 negara OIC iktiraf Malaysia sebuah negara aman, Perdana Menteri bagus, bukan kita angkat bakul, masuk sendiri. Ini 57 buah negara Islam. Maka apabila kita kata, Jepun kata Malaysia, *Islamic country*, atau sebuah negara Islam, kita kena terima. Amerika iktiraf Malaysia, sebuah negara Islam. Kita bukan suruh dia cakap.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat bagi Jerai. Kalau seorang ketua pembangkang bercakap Malaysia ini tidak macam itu, gambaran buruk sekali. Bagaimana dengan 57 buah negara?

Baiklah, 57 buah negara. Amerika, satu negara yang besar mengiktiraf Malaysia. Bagaimana kita seorang kepala boleh betul macam itu? Macam mana pandangan Yang Berhormat bagi Jerai?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Dia, pandangan dia *simple* sahaja. Kerana dia mengikut perasaan, bukan guna otak. Kalau kita guna otak, kita fikir tetapi kalau kita ikut perasaan, maka inilah kadang-kadang kita mengeluarkan perkataan-perkataan yang cuba melaga-lagakan. Kita ada tengok di Malaysia, kita ada parti Barisan Nasional. Mewakili semua kaum yang ada di dalam negara kita ini. Kita boleh duduk semeja berpakat. Bukankah ini tidak ada di negara lain di dunia? Kita tengok di sesetengah negara. Depa satu bangsa, satu agama, satu kaum pun berlaga sesama depa. Kita tengok di Bangladesh. Geng-geng *tiger* apa semua, tembak sana, tembak sini. Tengok Sri Lanka, macam mana berlaku? Kita kena tengok ini. Jadi, apakah keamanan yang ada pada hari ini kita hendak hancurkan disebabkan untuk menyenangkan perasaan seorang pemimpin parti politik yang tidak menggunakan otak, tapi menggunakan perasaan. Ini silap besar.

Jadi, saya hendak pesan. Supaya demi untuk kesejahteraan negara kita Tuan Pengerusi, saya mintalah, kepada pihak-pihak yang tidak puas hati ini. Kalau nak ikut tak puas hati, macam Yang Berhormat bagi Jasin katalah, saya pun tak puas hati tetapi manusia ini, sampai bila pun dia tak akan puas hati. Kalau dia ada sejuta ringgit dalam bank, dia kata, "Isyyh, RM1.2 juta cukup kot?" Dah dapat satu juta, dua juta nak pi juga. Nak jadi jutawan. Akhir-akhirnya, dia jadi tak ketahuan. Kerana duit itu menguasai dia, bukan dia menguasai duit.

Saya biasa tengok jutawan, Tuan Pengerusi, hanya minum air biasa sahaja. Dia tak boleh minum langsung yang ada gula dan sebagainya. Itu jutawanlah! Antara jutawan dan kesihatan, saya pilih kesihatan. Saya tak pilih jutawan. Kalau jadi jutawan pun, dengan kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang apa semua, nak buat apa? Kita nak boleh buat apa? Ada duit pun tengok sahaja. Kacang tengok kita pun ketawa. Kita tak boleh makan dia. Kalau dia ada muka, dia boleh senyum. "Hang tengok aku nak makan tak boleh, ini takut kena kencing manis". Jadi, nak buat apa benda macam itu? Jadi kita kena fikir, supaya aman damai negara kita ini. Jadi, pihak politik kena main peranan. DAP kena main peranan. Jangan DAP jadi agen kepada PAP di Singapura...

**Puan Teresa Kok Sh Sim [Seputeh]:** [Menyampuk]

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apa fasal? Saya bukan kata kepada individu. Saya kata kepada parti. Saya kata kepada individu Seputeh, saya kena minta maaf, bulan Syawal tetapi kepada parti.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya kah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi, macam Lee Kuan Yew, dia satu pulau kecil sahaja. Senanglah dia menguruskan. Kita satu negara yang besar.... [Disampuk] Memang sukarlah. Sukar hendak diuruskan, ha? Dia satu pulau. Pulau itu, *you round* separuh hari pun, *you* boleh pusing Pulau Singapura itu, tak ada apa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** [Menyampuk].

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tak ada apa! *Nothing!* Sampai terpaksa pula kerajaan sekat, tak boleh beranak lebih. Kerajaan Singapura buat undang-undang dahulu, anak tak boleh lebih daripada dua orang. Sampai macam itu. Kita mahukah negara macam itu? Di Malaysia ini, hang buatlah banyak mana, nak beranak, beranak lah! Tak dak sapa nak tahan. Boleh! Tak kisah di sini. Fasal apa, negara besar. Kita *target* dulu, 70 juta. Kita mahu, negara banyak rakyat lagi bagus. Kita buat industri pun laku, fasal rakyat banyak. Tak apalah, kalau Yang Berhormat mahu apa daripada Singapura la ni, cuba pi mastautin di Singapura, duduk di sana, bukan? Pergi lah duduk di sana. Tengok macam mana? Sampai macam nak berjalan pun takut di Singapura. Kerana undang-undang itu mengatasi rakyat. Undang-undang itu menekan rakyat.

Kita di sini, sini tengoklah *highway*, lebu raya orang buat. Yang ini, yang *accident-accident* ini, bukan salah kerajaan. Ini *human error* - salah manusia. Kita dah bubuh 110 km, pi *speed* sampai 150 km. Ini salah siapa?

Bukan salah kerajaan. Kerajaan buat lebu raya, bukan salah kerajaan. Kerajaan cuba memberi kesenangan kepada rakyat.

Jadi integrasi nasional ini harus kita pereratkan Yang Berhormat bagi Seputeh. Ini kena baik orang India, orang Melayu, orang Iban, Kadazan semua kena pakat-pakat, jangan ungkit-ungkit. Kalau ungkit-ungkit kita susahlah hidup di negara ini. Kadang kita tengok Malaysia negara Islam pun, kalau negara Islam pun takkanlah macam Yang Berhormat bagi Seputeh tidak boleh pergi gereja mahu sembahyang. Pergilah gereja ada kita tahan kah? Tidak ada.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Apa *you*? Yang Berhormat bagi Batu Gajah mahu pergi sembahyang tokong pergilah tidak ada siapa gaduh eh, dok bising apa? Macam ini Yang Berhormat bagi Ipoh Barat, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor mahu pergi sembahyang di tokong pergi lah tiada siapa marah. Jadi ini sudah baik....

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat panjang lagi Yang Berhormat, panjang lagi kah?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tidak, sahaja bagi tahu dia orang Tuan Pengerusi. Kita kena hormat. Kita tengok di Malaysia orang Islam kahwin dengan orang Cina, anak keluar hidung pun elok, muka pun elok. Ini perkahwinan ini pun bagus juga. Ini mengeratkan silaturahim kita sama-sama kita. Jadi ini kita kena ingat kerana kita tidak ada negara lain. Tidak ada negara lain, kita mahu pergi mana? Kita mahu pergi di Siam depa masalah.

Kita hendak pergi Indonesia pun orang Indonesia mai ke Malaysia. Kita hendak pergi mana? Tidak ada tempat, yang kita ada Malaysia, jadi kita jaga Malaysia inilah Tuan Pengerusi baik-baik supaya kasih sayang di antara kita bersama kita ini... *[Yang Berhormat Sri gading berjalan masuk ke dalam Dewan] Assalamualaikum.* Apa khabar Yang Berhormat selamat raya, hendak sambung kah?... *[Ketawa]* Jadi Yang Berhormat bagi 'Jasin' baru masuk Tuan Pengerusi dia hendak katalah masuklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ha... ya Yang Berhormat bagi Sri Gading, Sri Gading. Yang Berhormat bagi Sri Gading baru masuk.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Takkan sebulan boleh jadi lupa.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Tengok Yang Berhormat bagi Seputeh, Yang Berhormat bagi Sri Gading pakai baju kebangsaan bukan main cantik.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tidak ada kena mengena.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Integrasi nasional, menghormati kaum. Tengok bukan main segak cuma umur sudah lebih sikitlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau sudah habis, Yang Berhormat boleh berhentilah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Kalau sudah habis boleh berhentilah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Jadi Tuan Pengerusi saya berharaplah pertamanya yang lain-lain Jabatan Perdana Menteri itu okaylah tidak hendak kacau apa, sudah, semua okay *perfectly*, Menteri pun okay yang lain-lain semua okay. Cuma saya mengharap Rancangan Malaysia Kesembilan ini akan membuktikan kepada rakyat kebolehan pegawai-pegawai kerajaan, kerana kita baru raya bonus pun sudah dapat. Dan balik dengan semangat kita hendak buat kerja.

Kepada rakan-rakan dalam pembangkang kita pakatlah kalau kongsi raya Gong Xi Fa Cai *why not* kita kongsi idea untuk membangunkan negara kita ini dengan ikhlaslah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Baru dua orang, dua orang pun bising Dewan Rakyat macam sepuluh orang... *[Ketawa]* Dengan itu saya menyokong terima kasih Tuan Pengerusi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Depa sama depa pun bergaduh.

#### 4.03 ptg.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Pengerusi, saya rasa hairanlah yang Jabatan Perdana Menteri satu kementerian yang mempunyai begitu banyak agensi di bawahnya; maknanya Ahli-Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional kenapa macam Yang Berhormat bagi Sri Gading dan semua itu mereka tidak berminat untuk menjadi....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya baru sampai Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Seputeh teruskan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya pun hendak bercakap ini Tuan Pengerusi sebenarnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Tidak payahlah komen.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kalau Yang Berhormat bagi Seputeh boleh bagi saya laluan, saya bercakap sekarang. Jangan cakap kita sebagai Ahli Parlimen boleh ada macam-macam perkara kita boleh cakap. Sekarang tidak payah Yang Berhormat bagi Seputeh cakap saya bercakap. Boleh?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Ketawa]* Giliran saya, giliran saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ha itu pasallah, itu pasallah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Seputeh, dia keluar tajuk.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, ya, ya. Dia keluar tajuk. Terima kasih Tuan Pengerusi, mungkin lepas saya kita dengar apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya berharap yang ucapannya tidak begitu kosong seperti Yang Berhormat bagi Jerai tadi. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Menghina saya sebagai Wakil Rakyat Jerai.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Betul.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** ...Memilih saya.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Saya cakap kebenaran di bulan Syawal.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Saya bercakap tentang isu untuk kita menyelamatkan Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Minta tarik baliklah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya dua kali limalah Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Nasib baiklah bulan Syawal.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya dengarlah. Tuan Pengerusi saya hendak rujuk kepada 02000 Unit Perancang Ekonomi, 03000 Unit Penyelarasan Pelaksanaan, 04000 Bahagian Keselamatan Negara, 8180000 Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, 23000 Suhakam, 24000 Institut Integriti Malaysia. Tuan Pengerusi, saya pertama kali ingin sentuh tentang sistem pilihan raya kita. Sistem pilihan raya iaitu *first past the post* ataupun *single member plurality* haruslah dikaji semua untuk memastikan peratusan undi rakyat yang dibuang oleh rakyat kepada parti politik yang berlainan boleh serasi dengan peratusan kerusi dalam Dewan Undangan Negeri dan juga Parlimen.

Sistem *first past the post* yang dipraktikkan sekarang menyebabkan bilangan kerusi yang dipegang oleh parti bukan pemerintah jauh daripada parti pemerintah. Mengikut perkiraan yang dibuat oleh seorang pengkaji politik iaitu saudara Wong Ching Huat dalam pilihan raya 2004, beliau berkata sekiranya kita membuat perkiraan dari segi undi yang diperolehi oleh parti politik yang berlainan dengan kerusi Parlimen, maka satu kerusi Barisan Nasional bersamaan dengan 22,000 undi. Satu kerusi DAP bersamaan dengan 58,000 undi, satu kerusi PAS yang diperolehi bersamaan dengan 177,000 undi dan satu kerusi parti KeADILan bersamaan dengan 625,000 undi.

Ini bermaksud nilai seorang pengundi Barisan Nasional adalah tiga kali ganda daripada pengundi DAP, lapan kali ganda pengundi PAS dan 28 kali pengundi parti KeADILan. Ini adalah analisisnya. Jadi sekiranya pengiraan beliau ini betul, jadi ini menunjukkan pilihan raya kita ini memang sistem pilihan raya kita ini memanglah tidak adil. Sekiranya ini adalah apa yang berlaku, adakah ini juga bermaksud yang pengundi parti bukan Barisan Nasional boleh dikecualikan Unit Pembayaran Cukai, kerana selalunya undi yang dibuang oleh mereka tidak diambil kira dan tidak dibayangkan dalam kerusi yang kita ada dalam Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri. Jadi saya ingin menyeru kerajaan untuk menubuhkan satu suruhanjaya untuk mengkaji semula sistem pilihan raya kita sekarang. Sistem pilihan raya kita sekarang juga tidak menggalakkan perwakilan wanita dan juga golongan yang terpinggir seperti orang asli, orang cacat dan sebagainya untuk dipilih untuk menjadi wakil rakyat untuk memperjuangkan nasib golongan mereka.

Jadi saya mencadangkan supaya kita menggubal sistem pilihan raya yang lebih adil seperti *mix member proportionate* di negara Jerman, sistem pilihan raya di Korea Selatan dan sebagainya yang mempratikkan sistem *'party list'*. Yang mana setiap pengundi boleh membuang dua undi iaitu satu undi untuk calon kawasan pilihan raya seperti apa yang kita ada sekarang dan juga satu undi lagi untuk parti politik yang mereka sokong.

Jadi separuh daripada ahli yang akan dipilih daripada sistem seperti ini boleh menjadikan perwakilan kita ini di Parlimen dan juga Dewan Undangan Negeri ini akan menjadi lebih adil. Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya kita sudah cakap banyak tentang masalah politik wang dan kita lihat di sesetengah negara seperti negara-negara di Scandinavia dan juga macam Taiwan dan sebagainya, yang kerajaan persekutuan sebenarnya memberi peruntukan kepada parti politik mengikut undi yang diperolehi oleh setiap parti itu dalam pilihan raya. Ini bermaksud sekiranya sesebuah parti politik dia mendapat satu juta undi dalam pilihan raya dari segi jumlah undi kebangsaan, jadi dia mungkin boleh diberi peruntukan sebanyak RM1 juta setahun kepadanya yang wang ini dikeluarkan oleh kerajaan persekutuan.

Jadi keadaan ini akan menyebabkan ini sebagai satu langkah untuk mencegah parti politik kita ini untuk mempraktik politik wang. Kerana kita tahu parti politik memerlukan wang untuk mengadakan aktiviti dan juga operasi parti itu setiap tahun.

Kita selalu lihat yang tuduhan politik wang yang berlaku di Parti UMNO dan parti-parti politik Barisan Nasional dan juga kita telah banyak baca di mana yang wakil rakyat menggunakan kedudukannya untuk menghendaki apa-apa *business* dan juga menyalahgunakan kuasanya. Kerana ini semua menunjukkan yang mana ahli politik itu memang memerlukan wang untuk operasinya dan juga parti politiknya.

Sekiranya yang sistem seperti yang dipraktikkan di negara-negara maju ini, boleh juga dicontohi oleh negara kita, ini boleh juga menjadikan satu langkah untuk mengurangkan berlakunya rasuah dan juga politik wang di negara kita.

Tuan Pengerusi, yang peruntukan pembangunan tahunan itu sebanyak RM2 juta seharusnya wakil rakyat, semua Ahli Parlimen, kenapakah hanya kepada wakil rakyat Barisan Nasional sahaja? Sekiranya Kerajaan Barisan Nasional cakup banyak tentang Islam Hadhari, yang Islam itu menegakkan keadilan. Jadi bukankah ini satu bentuk ketidakadilan yang begitu serius yang dilakukan oleh Barisan Nasional terhadap parti pembangkang. Jadi ini adalah salah satu perkara yang mana harus diambil serius oleh pihak kerajaan, sekiranya kerajaan hendak kata hendak membasmi rasuah, hendak adakan integriti nasional, kenapakah peruntukan pembangunan ini, hanya diberi kepada Barisan Nasional sahaja?

Macam di kawasan saya, saya tidak tahu mana RM2 juta itu digunakan. Saya selalunya apabila ada, apabila ada organisasi, ada sekolah, ada masjid, ada gereja, ada persatuan kebajikan hendak minta peruntukan dari saya, saya tidak tahu siapa yang saya boleh suruh? Boleh saya suruh dia pergi cara calon yang dikalahkan oleh saya dalam pilihan raya? Jadi, mereka pun tertanya-tanya, di manakah RM2 juta peruntukan pembangunan itu? Bukankah ini satu..., Barisan Nasional sudah mengawal hampir RM92% kerusi di Parlimen, tetapi kita masih lihat yang kerajaan nampaknya begitu tidak ada *confidence*, tidak ada keyakinan yang mana peruntukan pembangunan ini telah pun ditambahkan daripada RM500 ribu setahun kepada RM2 juta setahun sekarang, tetapi kerajaan tidak berani beri peruntukan ini kepada wakil rakyat bukan Barisan Nasional. Apa yang menyebabkan mereka takut?

Kita lihat, yang dengan perbezaan ini, selalunya memaksa pengundi kita membuat keputusan, satu ada peruntukan, satu tidak ada peruntukan kerajaan yang memang ini adalah bercanggah dengan dasar kerajaan yang ingin membasmi politik wang dan juga rasuah.

Tuan Pengerusi, yang sebenarnya kita lihat, peruntukan pembangunan yang diberi kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional ini, selalu juga disalahgunakan. Saya terima aduan, misalnya dari Sabah, Ahli Parlimen bagi Kota Kinabalu menggunakan wang peruntukan ini untuk membuat kerusi di sebelah longkang yang mana tertulis termaktubnya namanya atas kerusi itu. lalah kerusi itu memang untuk kebaikan orang ramai yang ingin rehat di tepi parit longkang, tetapi tidak akan ini dituliskan namanya atas kerusi, bangku itu. Seolah-olahnya wang itu, kerusi itu dibuat dengan duitnya sendiri tetapi, kita tahu itu adalah untuk kebajikan orang ramai, yang wang itu sebenarnya dana kerajaan, wang rakyat dan juga peruntukan pembangunan yang diberi oleh kerajaan. Tidak sepatutnya ia dilihat sebagai wangnya sendiri.

Jadi, saya tahu perkara ini telah pun disiarkan dalam surat khabar di Sabah dan ini adalah salah satu jenis bentuk penyalahgunaan kuasa dan juga dana kerajaan. Jadi saya berharaplah yang pejabat *Auditors General* kita dan juga pihak ACA mungkin haruslah mengkaji perkara seperti ini. Bukankah ini satu penyalahgunaan kuasa oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional yang di mana disebabkan oleh sistem yang kita ada sekarang, yang mana peruntukan pembangunan hanya diberi kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional sahaja.

Tuan Pengerusi, saya sudah sentuh tentang perlunya kita mengkaji semula sistem pilihan raya yang kita ada sekarang dan tibalah masanya bagi kerajaan untuk mengambil kira hak pembayar cukai di daerah dan juga khususnya di kawasan bandar yang mana di kawasan bandar, kita semua ini membayar Cukai Pintu dan pelbagai cukai perniagaan, Cukai Papan Tanda, pun banyak cukai juga dibayar dan juga saman trafik dibayar kepada bandar raya kita. Kenapakah pembayar cukai kita untuk kerajaan tempatan ini dinafikan hak untuk memilih Datuk Bandar, menafikan hak untuk memilih Ahli Majlis Perbandaran.

Sekarang, sistem pelantikan ini kita sudah lihat, adalah banyak masalah yang sudah pun berlaku. Banyak penyelewengan sudah pun berlaku. Jadi, apa yang kita lihat, apa yang kerajaan buat sekarang ialah yang Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri mereka tidak ditegah untuk memegang jawatan Ahli Majlis Perbandaran.

Sebenarnya sama ada Ahli Parlimen ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri, harus memegang jawatan Ahli Majlis Perbandaran ataupun tidak, ini bukan isunya. Isunya ialah sistem yang ada sekarang, yang mana sistem pelantikan itu harus kita menyoal. Pembayar cukai itu haruslah memberikan hak untuk memilih Datuk Bandar mengadakan proses pemilihan kita. Barisan Nasional sudah kontrol 92% kerusi di Parlimen yang paling tinggi dalam sejarah kita. Jadi, apakah yang mereka takutkan? Kalau sekiranya mengadakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan dan kita lihat negara jiran kita seperti di Indonesia, satu negara yang begitu besar yang jumlah penduduknya berlipat ganda daripada penduduk Malaysia, kenapakah mereka boleh adakan sistem demokrasi yang *third vote* ini, undi ketiga ini, tetapi negara kita ini kita tidak berani untuk mengadakan sistem Pilihan Raya Kerajaan Tempatan.

Kita sudah lihat banyak penyelewengan berlaku, kita tahu yang korupsi berlaku paling serius di Kerajaan Tempatan, tetapi kita macam tidak ada satu sistem untuk *check and balance*, untuk mengimbangi kesalahan dan penyelewengan yang berlaku. Kita tidak ada peluang untuk menyoal, macam mana Bajet Majlis Perbandaran itu digunakan. Sekarang, kita semua bahas tentang Bajet Kerajaan Persekutuan dan kita ada ahli dari Barisan Nasional, ahli dari pembangkang, kita membangkitkan banyak isu yang dalam setiap kementerian. Kita boleh soal tentang, kenapakah wang diberikan begitu banyak ataupun kurang kepada sesuatu agensi. Kita bangkitkan semua hal ini, tetapi kalau kita lihat macam DBKL, Bandar Raya Kuala Lumpur, kami selalu terima Bajet yang itu, selepas ia diumumkan.

Sebagai wakil rakyat, kita tidak di *consult*, tidak dirunding sebelum Bajet diadakan. Selepas Bajet diumumkan, kita juga tidak ada satu ruang untuk menyoal tentang penggunaan dana kerajaan yang wang dari pembayar cukai bandar ini. bukankah ini satu sistem Yang Berhormat begitu tidak sihat. Kenapakah kita tidak memandangkan yang kes Zakaria, di Klang itu telah pun berlaku dan mencetuskan banyak ketidakpuasan orang ramai, kenapakah kerajaan tidak menggunakan peluang keemasan sekarang ini untuk memulihkan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan. Apa yang kerajaan takut sekarang. Saya ingin meminta satu penjelasan. Tuan Pengerusi, tibalah saya juga hendak tanya tentang Parlimen kita.

Kita tahu yang Setiausaha Dewan Rakyat kita ini sudah pun bersara beberapa bulan lepas, siapa orang baru dan juga apakah tanggungjawab di antara Ketua Pentadbir dan juga Setiausaha Dewan dan siapakah yang orang yang *in charge* di Dewan kita sekarang. Saya ingin tanya, dan juga kita lihat yang *Backbenchers Club*, Kelab Penyokong Kerajaan kita, BBC kita, telah pun dua tahun yang lepas, kita dengar mereka sekarang ini untuk mengadakan *web casting*, kerana mereka kata BN sudah ada 92% kerusi di Parlimen. Kita haruslah berani untuk mengadakan ketelusan dari segi Persidangan Parlimen.

Tetapi, sampai sekarang apa yang kita dengar ialah jawapan yang saya terima dua tahun lepas ialah Parlimen sedang menyediakan pelengkapan untuk mengadakan *web casting* supaya orang ramai boleh lihat, *performance* Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Kinabatangan Yang Berhormat bagi Jerai, ucapan-ucapan mereka tetapi sampai sekarang, kita lihat yang *web casting* yang dicadangkan oleh BBC sendiri pun masih tidak dilaksanakan, kenapa? Adakah ini BN takut juga supaya ucapan-ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan juga lain itu didengar oleh rakyat.

Apa yang mereka takut? Dan kita lihat apa yang ada sekarang adalah Parlimen hari ini yang disiarkan oleh RTM yang mana semua di *sensor* apa yang diutarakan oleh parti pembangkang itu selalu tidak keluar, yang selalu orang lihat apa-apa wawancara pun yang dibuat di luar di lobi dan lihat apa semua ucapan yang sudah pun di *sensor* oleh RTM sebelum ia disiarkan kepada orang ramai. Jadi kenapa *web casting* tidak dibenarkan?

Jadi saya juga hendak tanya apakah pandangan semua anggota-anggota BBC kita ini macam Yang Berhormat bagi Sri Gading sedang senyum sekarang. Jadi apakah pandangannya?

Ini adalah apa yang dicadangkan oleh BBC tetapi masih tidak boleh dilaksanakan, apakah sebabnya. Adakah ia dimasukkan dalam bajet kita sekarang ini? Jadi saya hendak tanya apakah pembaharuan yang akan dilakukan dalam dua tahun 2007? Supaya apa yang diharap-harapkan oleh rakyat dan mereka hendak tahu apa yang berlaku dalam sidang Parlimen kita ini dan bilakah hasrat mereka ini dapat dipenuhi.

Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan satu lagi isu iaitu satu isu yang saya bangkitkan dalam enam tahun yang lepas. Setiap tahun sekurang-kurangnya dua kali iaitu tentang rumah bagi mangsa setingan projek KL Inner-city yang terbengkalai. Kita tahu bahawa projek KL Inner-city ini sendiri telah pun dihentikan oleh Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1997, macam mana dengan setingan itu? Yang penduduk setingan sebanyak 200 keluarga ini mereka macam bola. EPU kata ini bukan masalahnya ini adalah satu projek swasta dan dia mereka tendang bola ini kepada DBKL selepas itu DBKL yang sudah memberi mereka satu surat perjanjian bahawa kerajaan akan membina rumah gantian kepada mereka, sudah banyak saya perjuangkan dan saya sudah banyak surat ditulis kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri pun sudah tukar selama tiga tahun tetapi kes ini masih belum selesai.

Jawapan yang saya terima dalam sidang Parlimen yang lepas ialah Menteri Wilayah Persekutuan kata, ini adalah juga dalam tanggungjawab EPU kerana ini adalah projek itu sepatutnya diluluskan oleh EPU, EPU sepatutnya menjaga mereka tetapi sampai sekarang tidak ada apa-apa, kita tidak dengar apa-apa *follow-up*. Yang kerajaan sudah pun hendak bina kata hendak membina lebih rumah kos rendah bagi golongan yang miskin dan ini termaktub di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi kenapa isu ini yang saya bangkitkan tiap-tiap kali dan sampai sekarang pun tidak ada jawapan? Apa yang berlaku kepada EPU kita? Kenapakah yang golongan ini telah menjadi mangsa. Satu perjanjian dibuat yang mana Kerajaan Persekutuan menjadi saksi tetapi yang semua penduduk miskin ini sampai sekarang pun masih tunggu rumah mereka dan rumah masih belum dibina oleh mereka.

Saya berharaplah yang pihak EPU ini, haruslah ambil perkara ini dengan serius, ini sudah tahun 2006, sudah 7, 14, 15 kali saya bangkitkan perkara ini dan saya berharap satu jawapan yang memuaskan akan diberi dalam jawapan Yang Berhormat Menteri nanti.

Tuan Pengerusi saya juga hendak tanya tentang Rang Undang-undang Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Keseksaan yang mana juga telah pun dibahaskan, diluluskan oleh Dewan yang mulia ini yang saya difahamkan bahawa Yang Di-Pertuan Agong telah pun menandatangani dan meluluskan pelaksanaan kedua rang undang-undang tersebut dan ia juga telah pun digazet pada 5 Oktober tetapi sekarang kita sudah satu bulan dan sekarang hari ini 6 November dan saya tahu, ia masih belum dilaksanakan dan kerana kelewatan pelaksanaan kedua rang undang-undang ini kita lihat satu lagi kes kematian dalam lokap di balai polis iaitu yang mangsanya Suresh Gunasegaran pada dua minggu yang lepas.

Kita tidak tahu kenapa seorang tahanan lelaki boleh mati dalam lokap wanita dengan sari dan tergantung pada siling. Kenapa ini boleh berlaku? Kita masih tunggu siasatan daripada polis tetapi kalau sekiranya Rang Undang-undang Kanun Tatacara Keseksaan itu dilaksanakan kes seperti ini mungkin tidak akan berlaku, kenapakah ia masih belum dilaksanakan dan ini adalah jawapan yang saya berharap boleh diberi oleh pihak JPM.

Tuan Pengerusi yang akhirnya saya hendak tanya tentang SUHAKAM, apakah peranan SUHAKAM yang diingini oleh kerajaan sekarang? Kita lihat yang SUHAKAM bila kata kita baca laporannya, tiap-tiap kali mereka mencadangkan dan menyatakan bahawa mereka ada *reservation* dan mereka tidak setuju tentang beberapa undang-undang seperti ISA, *Printing, Presses and Publication Act* dan juga beberapa undang-undang yang berlaku di negara kita tetapi kita lihat semua cadangan ini tidak satu pun diambil kira oleh pihak kerajaan dan mengadakan pindaan.

Saya difahamkan oleh jawapan daripada menteri Jabatan Perdana Menteri dahulu yang mana SUHAKAM sepatutnya memberi nasihat kepada kerajaan dari segi hak asasi manusia tetapi kenapa nasihat seperti ini tidak didengari dan kita juga lihat dalam tahun-tahun yang lepas banyak anggota suruhanjaya telah pun meluahkan ketidakpuasan dan kritikan mereka terhadap polis, terhadap sesetengah agensi kerajaan yang mana tidak menghormati hak asasi manusia.

Akan tetapi yang kelihatannya apabila mereka mengeluarkan kritikan terhadap kerajaan dengan suara yang lebih lantang mereka akan dikeluarkan daripada jawatan dan yang kontrak mereka tidak akan disambung.

Saya juga hendak tanya tentang Pengerusi SUHAKAM ini yang sejak beliau mengambil alih jawatan ini, iaitu Tan Sri Abu Talib, sampai sekarang apakah sumbangan beliau terhadap hak asasi manusia kita? Kita lihat bila bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam, memegang jawatan ini kita lihat beliau sendiri yang selalu meluahkan pandangan yang kritikal dan juga membina tentang hak asasi manusia kita dan pandangan yang selalu dihormati tetapi kita lihat yang Pengerusi SUHAKAM kita sekarang sudah lebih empat tahun beliau memegang jawatan ini tetapi kita jarang dengar dia meluahkan pandangan dan juga komen tentang keadaan hak asasi manusia kita. Yang ada adalah lebih berkaitan dengan undang-undang tetapi yang lain yang begitu banyak masalah tentang hak asasi manusia itu, beliau diam diri sahaja. Adakah ini kriteria yang beliau boleh melanjutkan yang kontraknya sebagai Pengerusi SUHAKAM?

Saya rasa tibalah masanya juga bagi kerajaan mengambil kira apakah yang kita mahu tentang SUHAKAM ini, adakah ia dijadikan sebagai *window dressing* sahaja? Berapa lama yang kita mahu mereka jadi *window dressing*, apakah peranan mereka? Adakah kita ini benar-benar menghargai SUHAKAM yang saya tahu ada ramai pekerja mereka yang cinta hak asasi manusia itu menyertai SUHAKAM dan mereka lepas itu letak jawatan dan keluar dari SUHAKAM kerana perasaan kekecewaan mereka kerana mereka rasa tidak dihormati dan tidak dihargai oleh pihak kerajaan yang ada juga yang kontrak mereka yang tidak diperbaharui mungkin kerana pandangan mereka yang agak kritikal terhadap keadaan hak asasi manusia.

Jadi saya ingin menyeru kalau SUHAKAM ini adalah satu badan atau satu agensi yang memang dihargai oleh kerajaan, kalau kerajaan Barisan Nasional betul-betul hendak membetulkan banyak masalah hak asasi manusia di negara kita ini maka sampaikan masa bagi kerajaan untuk meminda undang-undang dan juga mengubahsuai banyak praktis yang kita ada sekarang untuk menunjukkan yang kita ini menghormati hak asasi manusia. Jadi tibalah masanya bagi juga menteri juga memberi pendirian kerajaan dan juga komitmen di Dewan yang mulia ini tentang pendirian kerajaan terhadap hak asasi manusia dan macam mana membetulkan keadaan yang kita sekarang.

Tuan Pengerusi saya ingat pandangan saya telah pun diluahkan di atas dan saya berharap apa yang pihak kementerian akan memberikan satu jawapan yang memuaskan kepada kita di Dewan yang mulia ini, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Sri Gading.

**4.30 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang. Saya minta maaf Yang Berhormat Tuan Pengerusi lambat datang kerana Konvensyen UMNO Johor dan ditutup oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya seorang Ahli Parlimen yang bertanggungjawab, bukan macam Ahli Parlimen DAP, cuma tahu menghentam sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Selepas tamat dia berucap, saya dengan lajunya Tuan Pengerusi..., Terima kasih Tuan Pengerusi, pertukaran. Selamat datang Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat pun selamat datang.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Kita sama-sama Johor ini macamlah. Tunjuk teladan baik kepada DAP.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perbahasan peringkat Jawatankuasa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini pembukaan Tuan Pengerusi. Saya pun sebenarnya nak buka dengan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua sahabat handai yang ada di dalam Dewan ini, di Parlimen ini, baik dalam Dewan ini mahupun di luar, Selamat Hari Raya Aidilfitri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sediakan apa nak ucap?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ada Tuan Pengerusi. Ini dalam bulan Syawal Tuan Pengerusi. Jadi Selamat Hari Raya Aidilfitri... *[Membaca sepotong doa]* Itu doa bukan senang dapat Tuan Pengerusi, tapi sebagai orang yang suka kepada kebaikan, suka kepada keharmonian...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, jika tak ada apa nak ucap, saya nak jemput Yang Berhormat bagi Tuaran.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Nanti Tuan Pengerusi... *[Ketawa]* Saya berkejar balik daripada Johor, Tuan Pengerusi. Tiga jam setengah dalam kereta, kerana ingatkan Tuan Pengerusi punya pesanan, jadi saya datang. Jadi saya masuk Tuan Pengerusi, kerana kebetulan saya ada satu perkara sahaja. Sabarlah Ipoh Barat, Ipoh Timor semua sabarlah. Batu Gajah sabarlah, sabar. Saya nak menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri ini satu sahaja Tuan Pengerusi. Saya harap Tuan Pengerusi boleh sabarlah, satu sahaja. Butiran 020000, EPU.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Betul ya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Betul, Tuan Pengerusi boleh semak buku, buku ada depan Tuan Pengerusi. Kalau Yang Berhormat bagi Bagan boleh tolong saya, betul tak betul. Yang Berhormat bagi Seputeh? Betul apa, EPU. Semasa merasmikan pembangunan wilayah Johor Selatan, Tuan Pengerusi pun ada, saya duduk di barisan belakang Tuan Pengerusi.... *[Gangguan sstem pembesar suara]*

Kita buat terusan di Johor Bharu, jambatan tak payah roboh. Kita macam *Swiss Canal* punya terusan tapi jadi mangsalah beberapa bangunan termasuk bangunan UMNO Johor, kita buat *u-turn* dekat hujung kawasan kita di bandar Johor Bharu. Maknanya daripada Setulang, Kompleks Kastam itu kita hapuskanlah. Kita buat *u-turn* daripada kita buat *canal* begitu, kita buat terusan di mana air yang di utara, di timur dan di barat dalam Selat Tebrau itu akan dapat beralih dan kapal pun akan dapat mengalir melalui terusan itu. Kenapa tidak? Dan belanja nak buat jambatan begitu, yang tak jadi itu, kita buat inilah dengan pengambilan tanah termasuklah Kompleks Kastam itu, kemudian bangunan UMNO Johor itu terpaksa dikorbankan, bayarlah ganti rugi. Tak ada masalahlah itu biasa, amalan biasa. Cantik Tuan Pengerusi, jambatan tak payah roboh, air boleh lalu, kapal boleh lalu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini Yang Berhormat nak sampaikanlah?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu yang saya minta, EPU boleh tak ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bolehlah bincang dengan EPU.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tak payah, apabila saya dah bercakap di sini, tak payah saya bincang. Saya tak ada kuasa nak bincang dengan EPU. Saya nak minta EPU cuba buat kajian kemunasabahannya. Betul kah Yang Berhormat bagi Ketereh cakap saya itu?

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Betul.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kemunasabahannya supaya benda ini boleh dibuat kajian dan saya ingat belanjanya kalau pun makan RM1,000 juta, RM1 bilion, tak apalah. Jadi air boleh jalan, kapal boleh jalan, jambatan yang menghubungkan antara Singapura dan Johor Bharu itu tidak roboh. Dan ini tidak ada kaitan dengan Singapura, kita membuat ini di wilayah kita, di tanah air kita, tak payah minta apa pun kebenaran...

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Tak ganggu sesiapa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tak ada ganggu sesiapa, terima kasih. Jadi itu cadangan saya. Jadi maknanya buat satu terusan di Selat Tebrau yang boleh melalukan air di Selat Tebrau dan boleh juga dilalui oleh kapal, jadi tak ada masalah. Kapal di Pasir Gudang dengan di Tanjung Pelepas, boleh bertemulah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah Yang Berhormat, cukuplah. Yang Berhormat boleh balik ke Johor sambung Konvensyen UMNO.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Konvensyen dah habis Tuan Pengerusi. Semalam mula, jadi hari ini habis, saya baliklah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Boleh rehatlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi Tuan Pengerusi setuju dengan terusan ini Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Baik, banyak terima kasih Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Tuaran, selepas itu Yang Berhormat bagi Batu Gajah. Ada tiga orang, baik.

**4.39 ptg.**

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya bangun untuk turut serta membahaskan Belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri peringkat Jawatankuasa. Tuan Pengerusi, saya ingin mula perbahasan dengan merujuk kepada Maksud Bekalan 1, Parlimen Butiran 010000 Urusan Parlimen yang telah diperuntukkan sebanyak RM58,839,800. Tuan Pengerusi, Parlimen ini adalah institusi yang tertinggi di negara kita.

Institusi Parlimen melambangkan amalan demokrasi berparlimen, beraja. Dan dalam hal ini Tuan Pengerusi, kita lah yang membuat undang-undang. Tidak ada satu sen pun perbelanjaan kerajaan boleh dibelanjakan tanpa kelulusan Parlimen. Dalam hal ini, yang paling tinggi dari segi jawatan-jawatan dalam Parlimen ini ialah Tuan Yang di-Pertua. Malah dalam peraturan, kalau Tuan Yang di-Pertua meletak jawatan sebagai Tuan Yang di-Pertua, dia hanya boleh menyerahkan surat perletakkan jawatan hanya kepada Setiausaha Dewan sahaja dan bukan pada sesiapa.

Ini bererti bahawa Tuan Yang di-Pertua itu adalah satu jawatan yang paling tinggi. Persoalannya di sini ialah dengan jawatan yang paling tinggi ini, bagaimanakah pula dari segi saaran, bagaimana pula dari segi kebajikan, elaun dan sebagainya? Apakah kedudukan yang begitu tinggi ini setimpal dengan apa yang diterima oleh Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Tuan Yang di-Pertua, dan juga Ahli-ahli Parlimen? Saya difahamkan bahawa dari segi elaun-elaun dia, elaun menteri lebih tinggi daripada Tuan Yang di-Pertua. Dan elaun Timbalan Menteri juga dalam hal-hal tertentu lebih tinggi daripada Tuan Yang di-Pertua.

Mengetahui hal-hal ini Tuan Pengerusi, saya sebenarnya amat hairan bagaimana kah satu institusi yang tinggi ini diberi elaun dengan begitu sahaja. Dalam persidangan kita kali ini, saya tengok dalam agenda, ada satu pindaan kepada Akta Saraan Parlimen tahun 2006. Dan saya difahamkan bahawa di antara kandungannya ialah soal insurans dan sebagainya kepada Ahli-Ahli Dewan termasuklah daripada Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri-Menteri. Dan dalam hal ini, sekali lagi ditunjukkan bagaimana penghormatan atau pun kebajikan yang setimpal diberi kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan pengerusi, saya mencadangkan pada Dewan yang mulia ini supaya penghormatan kepada Dewan ini, kepada Parlimen ini terus dipelihara, dipertingkatkan dengan memberi saaran yang setimpal kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-Ahli Parlimen. Bagaimana pula eksekutif lebih tinggi? Elaun-elaun dan juga termasuklah elaun kerja di luar kah, ke luar negara kah yang lebih tinggi daripada Tuan Yang di-Pertua? Jadi saya ingin mencadangkan supaya kehormatan Dewan ini terus dipertingkatkan termasuklah menghidupkan kembali *Parliamentary Services Act* yang telah dimansuhkan dahulu...

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** [Bangun]

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Silakan.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Tuaran. Saya meneliti ucapan Yang Berhormat tadi tentang saraan yang diterima oleh Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak setimpal dengan anggota pentadbiran.

Saya nak bertanya Yang Berhormat, kita berdepan dengan satu bil yang akan dihantar kepada Parlimen, yang telah dihantar kepada Parlimen untuk diluluskan. Saya rasa saraan itu tak perlu pun tak apa. Sebab saya khuatir ia menjadi satu isu besar. Kerana *coverage* kalau kita tengok, Tuan Yang di-Pertua dia saya rasa, tak sampai tahap Timbalan Menteri pun.

*Coverage* itu nampaknya, peningkatan 25 ribu pa. Pa itu tak ada guna, sebab perlindungan itu apabila berlakunya kemalangan. Itu kalau kita beli dekat luar pun RM8. Jadi saya rasa tidak perlu jadikan ianya sebagai isu besar. Saya rasa RM8, RM10 kita masih larat tetapi saya rasa pengiktirafan kepada institusi Parlimen itu merupakan satu perkara yang perlu dibincangkan dengan teliti dan saya nak bertanya kepada Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat kononnya timbalan Tuan Yang di-Pertua itu setaraf dengan Timbalan Menteri.

Betul ke perkara itu terjadi dan saya nak tanya Yang Berhormat, kalau kita tengok dari segi kebajikan Ahli Parlimen, ibu bapa kita tidak diberi perlindungan perubahan. Saya pun tak tahu kenapa kakitangan awam sahaja dan ahli Parlimen macam tak ada mak bapa lah, tak perlu jaga mak bapa. Saya tak tahu lah kenapa itu berlaku dan apakah pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, bahawa rang undang-undang dicadangkan itu saya ingat bagus ditarik balik dahulu. Biar kita bincang dahulu baik-baiklah. Sebab kalau kita bincang juga, dibentangkan juga, rakyat sendiri akan keliru. Sebab rakyat, dia tidak faham. Rakyat tidak faham tentang kedudukan Parlimen ini terutama sekali apabila bersangkutan paut dengan saraan Parlimen. Naik sikit rakyat pun marah. Dia pun amat sensitif. Sedangkan banyak lagi perkara-perkara dalam Parlimen ini yang rakyat sendiri tidak faham.

Sebenarnya kita berterima kasih kepada pihak RTM yang sentiasa memberi penjelasan, tayangan tentang peranan yang dijalankan oleh pihak Parlimen. Dan soal kebajikan tadi, kalau kita banyak bercakap tentang hal ini, rakyat pula mengatakan "Oh, ini Ahli Parlimen berjuang untuk diri sendiri" tetapi dia tidak faham, rakyat sebenarnya tidak faham tentang kedudukan sebenar. Sebab itu saya amat bersetujulah kalau rang undang-undang yang dicadangkan itu tarik balik dahulu, kita bincang dulu baik-baik dan kalau boleh lah *Parliamentary Services Act* itu yang kita mahu dihidupkan balik.

Supaya dengan itu rakyat akan lebih jelas. Rakyat akan dapat lebih senang menilai apa sebenarnya yang diberi kepada Ahli Parlimen dan anggota-anggota pentadbiran. Tuan pengerusi, saya ingin beralih kepada maksud Bekalan Enam, butiran 020200....

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Yang Berhormat, sebelum beralih boleh?

**Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Boleh, boleh. Silakan Yang Berhormat bagi Ketereh.

**Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tuaran dan Tuan Pengerusi kerana bagi peluang saya masuk sekejap. Saya meneliti ucapan Yang Berhormat, dan saya ingat ini bukan kali pertama kita bercakap tentang Parlimen, bercakap tentang kita. Saya ingat mula-mula saya jadi Ahli Parlimen dua tahun lepas. Ayat yang pertama yang kita bincang ialah soal bagaimana meletakkan martabat Parlimen ini seperti sewajarnya.

Bermula dengan kedudukan Tuan Yang di-Pertua Dewan, timbalan dan kita ahli Dewan. Sebenarnya susah, saya akui seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran, memang susah untuk kita bila kita bercakap soal kita kemudian kita meluluskan hal kita, kalau surat khabar tak kena *pick-up*, surat khabar tak kena tulis, radio TV pula tak kena tulis, akhirnya gambaran diberi ialah kita berjuang untuk kita tetapi hari ini tak lama lagi akan hujan, sekejap lagi akan hujan. Mana-mana Ahli Parlimen yang tidak ada *driver*, dia akan berlari dalam hujan lah pergi ke kereta dia.

Yang ada *driver* mungkin lah tunggu bawah *porch*. Itu untuk yang eksekutif lah, yang ada *driver*. Yang kita semua yang tak ada ini? Saya tiap-tiap kali kena begitu, kalau bawa payung, payung kena letak di situ. Kadang-kadang bertukar. Itu sebagai contoh terbaik. Perkara-perkara kecil yang kalau kita bincang di sini orang kata "Apa ini, Ahli Parlimen bercakap soal kena hujan, kena basah" tetapi itu hakikatnya. Tengok buku di bawah. Buku yang kita nak kena bawa, macam ini bawa. Nak suruh orang tak boleh. Itu benda kecil. Daripada benda sekecil ini sehingga kepada benda sebesar-besarnya, soal taraf, kedudukan, pengiktirafan.

Ini perlu diperhatikan. Yang jadi peliknya Yang Berhormat, ianya dibuat oleh pihak kerajaan atau jabatan kerajaan atau pegawai kerajaan tanpa berbincang dengan kita. Sedangkan kita sendiri telah pun mengadakan *committee* kita sendiri yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Melihat tentang bagaimana keadaan untuk kita memartabatkan Parlimen ini. Bukan ahli Parlimen, Parlimen ini. Ahli Parlimen sebahagian daripada Parlimen. Saya setuju dengan saranan daripada Yang Berhormat bagi Tuaran yang mengatakan apa pun yang hendak diperkatakan mengenai Parlimen, hendak digubal atau diubah, mestilah di bincang secara terperinci dan mendapat *concession* daripada kita semua. Mesti dilibatkan, pohon pandangan. Terima kasih.

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Di antara perkara yang ingin dibawa oleh kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini ialah untuk memperkasa Parlimen dan sebaik-baik mungkin untuk memperlihatkan usaha untuk memperkasa Parlimen ialah untuk mengembalikan *Parliamentary Services Act*. Sebab apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi saya tidak nampak perkara ini semua sebab begitu susah bagi kita untuk memberi penjelasan yang kelihatan yang nampak seolah-olah apabila wakil-wakil rakyat ini, Ahli-ahli Parlimen ini dia nampak oh dia ini hidup dalam kemewahan dan sebagainya.

Dia tidak nampak tentang pelbagai kesulitan yang kita hadapi. Sebab itu barangkali semasa penggulungan kalau boleh Yang Berhormat daripada Jabatan Perdana Menteri kalau boleh jelaskan sedikit. Dari segi saraan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli Parlimen dengan menteri-menteri, banding sahaja beritahu kepada rakyat supaya dia akan tahu kedudukan yang sebenar.

Tuan Pengerusi saya ingin beralih ke butiran seterusnya iaitu bagi maksud Bekalan 6, Butiran 02000 Unit Perancang Ekonomi yang telah diperuntukkan sebanyak RM33,743,600.00 dan bagi Butiran 020500 Ekonomi Makro dan Penilaian yang telah diberi peruntukan sebanyak RM1,825,400.00.

Dalam hal ini Tuan Pengerusi saya ingin membangkitkan soal pemantauan Rancangan Malaysia Kesembilan yang terletak di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga ini iaitu yang telah dimulakan bagi tahun 2000 sampai tahun 2010. Di antara perkara yang saya sering rujuk ialah soal keseimbangan pembangunan wilayah, selepas itu menyeimbangkan jurang perbezaan pendapatan di antara yang berada yang tidak berada dan sebagainya. Dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga satu perkara yang telah dinyatakan dalam dokumen ini dengan jelas ialah kerajaan akan memberi perhatian khusus kepada bumiputera minoriti di Sabah dan Sarawak.

Itu yang jelas memang tertulis di situ, termasuklah dalam soal pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan juga dalam soal pemilikan ekuiti tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tiba-tiba pengkhususan tadi itu telah hilang. Tidak ada lagi dinyatakan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesembilan bahawa kerajaan akan memberi perhatian khusus kepada bumiputera minoriti tadi, tidak ada dan apabila kita masuk dalam Bajet 2007 ini sekali lagi kita tidak nampak apa-apa dalam soal ini.

Persoalannya di sini ialah apabila diberi peruntukan dalam butiran yang saya sebutkan tadi kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi ini memantau pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga saya ingin bertanyalah bagaimanakah pihak kerajaan pihak EPU ini memantau rangka rancangan jangka panjang ketiga dalam Bajet 2007 ini setelah ianya turut tidak diadakan pengkhususan yang tadi itu pemantauan iaitu pengkhususan, *special attention shall be given*, itu perkataan yang digunakan.

Saya ingin bertanya kenapa itu telah dibuang? Sedangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini teras ketiga menyatakan bahawa akan dirapatkan jurang perbezaan pembangunan di antara pembangunan wilayah dan pelbagai pendapatan dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya ingin beralih bagi maksud Bekalan 6, Butiran 03000 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) yang telah diberi peruntukan sebanyak RM45,933,100.00 dan Butiran 030200 pemantauan yang telah diberi sebanyak RM3,275,400.00. Bagi maksud bekalan ini objektif kerajaan dalam unit penyelarasan ialah menjadi agensi pusat utama dalam pemantauan pelaksanaan dasar, strategi program dan projek pembangunan serta menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan cekap dan berkesan supaya pelaksanaannya selaras dengan matlamat pembangunan negara.

Di antaranya yang akan diselaraskan dari segi pelaksanaan ialah pelaksanaan program-program untuk apa yang dikatakan satu daerah satu industri. Untuk tujuan ini telah dibuat bajet perbelanjaan untuk mengadakan 30 mesyuarat bagi tahun 2007. Tuan Pengerusi saya ingin bertanya dalam melaksanakan satu dasar satu industri ini, bagi daerah sayalah secara kebetulan kawasan Parlimen Tuaran ini adalah dalam satu daerah iaitu daerah Tuaran. Sebanyak 70% daripada taman perindustrian Kota Kinabalu adalah terletak di kawasan Parlimen Tuaran dan sememangnya banyak industri, kita ada industri pembuatan ini dan sebagainya.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian Jabatan Perdana Menteri, apakah industri yang telah dikenal pasti bagi daerah Tuaran dan yang akan dipantau dalam mesyuarat satu daerah satu industri ini saya ingin tahu. Apakah ini soal pelancongan, apakah ini soal pertanian, apakah ini soal perikanan? Apakah yang telah dikenal pasti satu industri ini sebab saya selaku Ahli Parlimen selama ini saya tidak diberitahu tetapi setelah saya nampak ini 30 mesyuarat, makna dia dalam satu tahun ini hanya 12 bulan, makna dia dalam satu bulan berapa kali mesyuarat? Dua kali mesyuarat, ialah sebab kita ini banyak daerah di seluruh Malaysia banyak daerah, di Sabah sahaja pun sudah 23 buah daerah.

Seterusnya saya beralih kepada Butiran 07000 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia atau MAMPU, khususnya dalam Butiran 070200 yang telah diberikan peruntukan sebanyak RM10,936,300.00 dan Butiran 070300 Teknologi Maklumat dan Kerajaan Elektronik sebanyak RM15,369,000.00. Tuan Pengerusi, di antara kajian yang telah dibuat oleh MAMPU yang saya sendiri tahu ialah untuk melicinkan lagi mempertingkatkan lagi produktiviti pentadbiran pejabat-pejabat daerah dan saya sempat bersama-sama dengan Majlis Kira-Kira Wang Negara melihat dan melawat pentadbiran daerah Hulu Langat Selangor di mana daerah Hulu Langat boleh mengeluarkan geran tanah dalam masa empat bulan.

Bagi daerah kami di Tuaran, saya ingat di seluruh Sabah lah. Untuk mengeluarkan geran tanah saya ingat mengambil masa hampir 20 tahun barangkali, sepuluh tahun hingga 20 tahun dan semuanya ini kerana kita belum lagi melaksanakan sepenuhnya soal kerajaan elektronik ini. Kita masih lagi manual, sama ada dalam proses permohonan tanah, pentadbiran tanah, pemungutan cukai dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan pihak kementerian khususnya MAMPU ini sama ada sudah membuat penyelidikan, membuat kajian mengambil satu daerah di negeri Sabah dan buat kajian bagaimanakah produktiviti dan keberkesanan pentadbiran daerah itu khususnya yang melibatkan pentadbiran tanah dapat dipertingkatkan.

Sebab pentadbiran daerah di negeri Sabah dengan pentadbiran daerah di negeri Selangor dan pentadbiran daerah di Johor dan barangkali Perlis berlainan sedikit. Barangkali Pegawai Daerah di Selangor itu dilantik oleh Kerajaan Persekutuan, di negeri Sabah Pegawai Daerah dilantik oleh kerajaan negeri ada sedikit perbezaan. Walau bagaimanapun pentadbiran ini harus juga dilihat dikaji oleh pihak MAMPU. Saya ingin mencadangkan kalau belum ada cadangan belum ada lagi langkah-langkah yang dibuat oleh pihak MAMPU supaya pihak kerajaan membuat penyelidikan, kajian bagaimana dapat mempertingkatkan produktiviti pentadbiran tanah peringkat daerah khususnya.

Kalau di Selangor saya difahamkan penolong pegawai daerah sampai lima, enam orang tetapi negeri Sabah hanya dua orang penolong pegawai daerah, satu Penolong Pegawai Daerah Bahagian Pembangunan dan satu lagi Bahagian Pentadbiran. Dan ini barangkali tidak ada satu pengkhususan untuk soal pentadbiran tanah.

Tuan Pengerusi ini adalah amat penting sebab apa juga perancangan yang telah dibuat oleh pelbagai kementerian pelbagai agensi dalam soal pembasmian kemiskinan, jika sekiranya kita tidak selesaikan masalah tanah, jika sekiranya rakyat belum lagi memiliki hak milik tanah, jika rakyat masih lagi berhadapan dengan masalah-masalah hak milik tanah dalam pelbagai kerenaahnya, saya ingat soal pembasmian kemiskinan di luar bandar ini adalah amat sukar.

Apatah lagi, Tuan Pengerusi, apabila banyak kampung di negeri Sabah yang terperangkap dalam hutan simpan dan apabila terperangkap dalam hutan simpan, para pegawai Jabatan Hutan pula terpaksa menjalankan penguatkuasaan Undang-undang Enakmen Hutan 1968 sehinggakan baru-baru ini mereka yang dikatakan penceroboh yang sudah 20 tahun menanam getah dan sebagainya di kawasan hutan simpan telah dibakar rumah-rumah mereka oleh penguat kuasa Jabatan Hutan dan keseluruhan tanaman getah yang sudah pun ditoreh bertahun-tahun telah dimusnahkan oleh penguat kuasa dari Jabatan Hutan.

Kita ini sebagai sebuah Kerajaan Barisan Nasional yang amat prihatin, sebuah kerajaan yang penyayang, tetapi atas nama menguatkuasakan undang-undang, satu tindakan yang bagi sayalah secara peribadi saya nampak sebagai satu perbuatan yang agak kejam. Dia tidak prihatin. Dan sebenarnya beratus-ratus kampung yang terperangkap dalam hutan simpan termasuk dalam apa yang dikatakan *Forest Management Unit* atau FMU, bagaimanakah kita mahu menyelesaikan masalah ini semua kalau kita hendak keluarkan kampung-kampung ini daripada kawasan hutan simpan, jika sekiranya kita tidak dapat menyelesaikan dan mempertingkatkan pentadbiran tanah.

Saya difahamkan bahawa Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah – di Sabah, Jabatan Tanah dan Ukur ini masih lagi satu. Di Semenanjung, yang pengukuran tanah dengan pentadbiran tanah berlainan tetapi di Sabah tidak. Saya difahamkan bahawa Jabatan Tanah dan Ukur di negeri Sabah berusaha untuk mengkomputerkan pentadbiran tanah tetapi peruntukan diberikan hanya RM5 juta. Oleh sebab itu, hari ini pentadbiran melalui komputer amat bercelaru. Sedangkan pengkomputeran yang dibuat di Semenanjung saya difahamkan peruntukan sebanyak RM200 ribu.

Saya mohon supaya peruntukan dalam MAPO ini mencadangkan, buat kajian sebagai contoh dan mencadangkanlah, biarkanlah berikan peruntukan yang mencukupi untuk meng *computerize* pengurusan tanah dan pentadbiran tanah bagi negeri Sabah. Saya fikir dengan cara itu kita dapat menyelesaikan banyak masalah apabila kita dapat meningkatkan produktiviti dan keberkesanan pentadbiran bagi negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih bagi Maksud Bekalan 6, Butiran 04000 – Bahagian Keselamatan Negara, yang telah diperuntukkan sebanyak RM55,214,800.00, khususnya bagi Butiran 040400 iaitu Pasukan Petugas Khas Persekutuan Bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Pengerusi, Pasukan Petugas Khas Persekutuan Bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah ditubuhkan untuk memastikan rancangan penempatan dan pengusiran pendatang-pendatang luar negeri di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dilaksanakan secara terancang, terselaras dan berkesan demi menjamin kepentingan keselamatan negara. Objektifnya begitu cantik.

Apabila kita membahaskan dan mengungkit hal-hal yang berkaitan dengan pendatang tanpa izin, hal-hal yang berkaitan dengan penempatan pelarian Filipina di negeri Sabah yang semuanya terdapat enam atau lapan jawapan yang diberikan, tidak ada masalah.

Baru-baru ini dalam reaksi..., saya menyebut di dalam Dewan yang mulia ini, reaksi daripada Majlis Keselamatan Negara terhadap pandangan-pandangan saksi dalam pendengaran awam yang dibuat oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara daripada seorang saksi iaitu Dr. Chong Eng Leong menyatakan tentang pendatang tanpa izin, orang-orang yang mendapat I/C secara terancang seperti mana yang dinyatakan oleh seorang saksi, Encik Hasnan Ibrahim, jawapannya secara bertulis daripada Majlis Keselamatan Negara menyatakan bahawa ini satu tuduhan, ini salah, ini tidak betul.

Dia mengandaikan seolah-olah kerajaan tidak mengambil tindakan, tidak membuat apa-apa. Saya sendiri telah menegur pegawai yang telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Perpaduan dan Khidmat Negara baru-baru ini, saya mengatakan bahawa inilah sikap yang tidak betul. Sikap pegawai-pegawai daripada Majlis Keselamatan Negara seperti inilah yang telah menyebabkan masalah banjir pendatang tanpa izin di negeri Sabah. Kewujudan penempatan-penempatan pelarian Filipina yang sudah lebih 30 tahun tidak selesai-selesai sebab sikap dia yang tidak betul itu, yang tidak mengaku, yang tidak menerima masalah-masalah yang begitu besar yang dihadapi oleh negeri Sabah.

Saya ambil contoh, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan tidak ada masalah *syabu*, tidak ada masalah dadah yang dibawa oleh pelarian-pelarian ini atau pendatang-pendatang tanpa izin ini, tidak ada masalah sosial yang dibawa oleh mereka, tidak ada masalah politik yang dibawa oleh mereka..., saya menyatakan dalam Laporan Audit ternyata di sana bahawa masih ada lagi RM100 juta hasil yang belum dipungut daripada yuran-yuran rawatan hospital seluruh negara.

Saya difahamkan 60% daripada itu adalah daripada Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu yang tidak boleh dipungut yuran hospital. Kenapa tidak boleh dipungut? Sebab mereka ini adalah daripada pendatang tanpa izin, pelarian yang sering berubah-ubah tempat. Bulan ini di Kota Kinabalu, sebentar lagi di Sipitang dan sebagainya, berubah-ubah. Kalau kita mahu mencari mereka untuk minta bayaran memang sukar. Ini satu masalah besar. Negara memberi subsidi kepada mereka, barangkali lebih RM60 juta yang tidak ada.

Ini satu masalah besar. Sebab itu kalau kita lihat di sini, objektif pasukan petugas khas Persekutuan ini begitu cantik, tetapi mereka gagal. Kalau kita lihat penempatan pelarian Filipina di Kinarut, sebagai contoh, di kawasan Yang Berhormat bagi Papar. Saya ingin bertanya, apakah pihak pegawai-pegawai sudah melawat tempat itu? Dengan rumah-rumahnya yang begitu daif, dengan jalan rayanya yang begitu daif, dengan penduduk-penduduk di situ, tandas pun tidak menentu dan pelbagai lagi masalah yang dihadapi oleh penduduk di situ dan mereka ini memegang dokumen IMM13.

Orang mengatakan kenapa Ahli Parlimen bagi Tuaran ini terus menerus cerita pasal IMM13, saya menyatakan ini sebab ini satu masalah. Kawasan Parlimen saya di Tuaran bersebelahan dengan penempatan pelarian Filipina di Talipok dan orang-orang inilah yang memegang dokumen IMM13. Sehingga pada hari ini kalau betul-betul petugas khas ini secara terancang atau selaras berkuasa menjalankan kepentingan keselamatan negara, kalau betul-betullah ada menjamin keselamatan negara, kenapa dokumen IMM13 ini kita balik-balik menyatakan tolong, tolong buat *security features*. Jangan senang-senang ia dipalsukan.

Tetapi sehingga pada hari ini tidak ada apa-apa tindakan. Apa pun yang diambil oleh kerajaan dalam soal ini, dia hendak simpan ke orang-orang ini di negara ini apa pun, tetapi langkah pertama ialah tolonglah buang dokumen IMM13 yang kertas itu yang boleh *diprint* sahaja, dicetak dalam komputer itu digantikan dengan kad yang ada *security features* supaya ia tidak dipalsukan. Sebab dokumen ini diperbaharui setiap tahun dan dibayar dengan harga RM90. Apabila mendaftar, RM30. Di mana letaknya duit ini kalau duit ini tidak digunakan untuk mengeluarkan kad yang bersekuriti. Tuan Pengerusi, saya berharap dalam belanjawan tahun hadapan tidak perlu lagi bercerita panjang lebar tentang petugas khas Persekutuan ini dalam soal ini.

Yang kedua dengan pasukan petugas-petugas khas Persekutuan ini ialah dalam soal pentadbiran pekerja-pekerja asing yang diambil ke negeri Sabah. Perbezaannya ialah kalau di negeri Sarawak dan di Semenanjung, pekerja-pekerja asing keputusannya diluluskan, dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Imigrasi atau Pengarah Jabatan Buruh.

Akan tetapi di negeri Sabah, untuk meluluskan pekerja asing, pengurusinya ialah Pengarah Persekutuan Petugas Khas Persekutuan Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Persoalannya di sini, apakah masalah sangat Sabah ini sehingga Pengarah Jabatan Imigresen dan Pengarah Jabatan Buruh ini tidak boleh mempercepatkan mesyuarat itu?

Sebab masalah pertama yang dihadapi ialah *delay*. Lambat kelulusannya. Apabila lambat kelulusan permohonan majikan-majikan untuk mendapat pekerja asing ini maka *time is money*. Kalau dia lambat lebih baik dia ambil yang pendatang tanpa izin. Dan kita sudah balik menyatakan tolong kalau dia tidak boleh mempercepatkan biar ini Jabatan Buruh Jabatan Imigresen mempercepatkan supaya kita dapat elakkan majikan yang mengambil pendatang tanpa izin sebagai pekerja mereka. Dan akhir sekali dalam soal ini ialah apakah Petugas Khas Persekutuan bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan ini akan diteruskan?

Buat apa, apakah Sabah ini susah sangat sehinggakan ada ini, kenapa dia mahu diteruskan? Kalau dia benar-benar berkesan kenapa sehingga pada hari ini, ini adalah isu yang paling besar. Baru-baru ini apabila Pemangku Pesuruhjaya Polis Sabah, Dato' Bakri Zain dinaikkan pangkat ke Bukit Aman dan semasa naik pangkat ini beliau membuat kenyataan, beliau mengatakan robohkan, semua setinggag-setinggag yang diduduki oleh pendatang tanpa izin. Kenyataan beliau itu mencerminkan hasrat seluruh rakyat negeri Sabah yang sudah muak yang sudah sekian lama ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat ini masalah pendatang haram di bawah bidang kuasa kementerian yang mana satu?

**Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]:** Menurut dalam bekalan ini di sini kalau di Sabah ini di bawah Petugas Khas Persekutuan di bawah Majlis Keselamatan Negara kalau, di Sabah. Inilah yang kita hairan.

Jadi kita berharap supaya kita difahamkan bulan Januari ini akan diadakan operasi secara besar-besaran. Dahulu Polis dan RELA terlibat dan sebagainya dan peranan Majlis Keselamatan Negara pada ketika itu sebenarnya hampir-hampir tidak ada sebab dia sudah gagal. Saya berani mengatakan dia sudah gagal dan tahun depan ini rakyat negeri Sabah ingin melihat keberkesanan Petugas Khas Persekutuan kalau tidak biar dia mansuh sahajalah. Biarlah agensi-agensi jabatan yang wujud ini Jabatan Imigresen, Jabatan Buruh apa semua untuk menjalankan tugas.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke butiran 04400 iaitu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang yang telah diperuntukkan sebanyak RM36,380,000 dan butiran 04200 projek-projek PERDA yang telah diperuntukkan sebanyak RM37,192,500. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana amat prihatin dalam soal penyertaan bumiputera khususnya bumiputera di Pulau Pinang telah diberi peruntukkan sedemikian besar. Ini satu respons kerajaan tentang pelbagai sungutan dan perbincangan tentang masalah yang dihadapi oleh bumiputera di Pulau Pinang dan juga di kawasan luar bandar di Pulau Pinang. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan. Pada masa yang sama Tuan Pengerusi, saya juga ingin mencadangkan kalau bolehlah pihak kerajaan mewujudkan satu butiran seperti ini di Jabatan Perdana Menteri kalau boleh satu butiran, satu unit yang kita namakan Penyertaan Bumiputera Minoriti Sabah, Penyertaan Bumiputera Minoriti Sarawak, kalau boleh.

Taruh dahulu *token* pun boleh. Lepas itu kita tambah, sebab mereka ini memerlukan pembelaan dan dalam rangka Rancangan Jangka Panjang Yang Ketiga sudah dinyatakan pengurusan khusus. Jadi saya ingin mencadangkan supaya buatlah kita buat sebab memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita ini teras ketiga, menyeimbangkan, membawa pelbagai kumpulan yang masih lagi keterbelakangan masih lagi yang mundur ini supaya dapat dibantu secara khusus.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin beralih ke Butiran 001103 iaitu Pembangunan Tanah Adat Sabah dan Sarawak iaitu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta dan untuk Bajet 2007 ini telah diberi peruntukkan sebanyak RM10 juta.

Tuan Pengerusi, kita amat berterima kasih kepada pihak kerajaan sebab ini adalah satu butiran yang baru iaitu satu respons kerajaan terhadap pelbagai isu permasalahan yang dihadapi oleh bumiputera di Sabah dan Sarawak berhubung dengan masalah tanah adat.

Persoalan saya di sini ialah sebenarnya rakyat di Sabah dan juga di Sarawak tertanya-tanya bagaimanakah peruntukkan ini dilaksanakan, agensi manakah yang akan melaksanakan? Sebab dalam soal tanah adat ini sama ada di Sabah dan di Sarawak ini masih banyak dia punya masalah-masalah yang dihadapi. Untuk apakah RM10 juta ini? Ini persoalan kita. Apakah RM10 juta ini akan digunakan sebagai dana untuk diberikan kepada pengusaha-pengusaha tanah ini ataupun bagaimana?

Apakah nanti peruntukkan ini melibatkan pihak-pihak badan-badan bukan kerajaan atau melibatkan badan-badan agensi Kerajaan Persekutuan sahaja ataupun badan-badan ataupun agensi kerajaan negeri. Sebenarnya Tuan Pengerusi, rakyat Sabah memang tertanya-tanya. Kita berterima kasih setelah pengumuman dahulu bila kita meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan dan adanya peruntukkan RM100 juta ini kita amat berterima kasih tetapi sehingga pada hari ini program yang akan dilaksanakan, projek yang akan dilaksanakan kita masih kabur-kabur. Kita masih belum jelas. Jadi saya mohon supaya dalam penggulungan nanti supaya pihak menteri memberi penjelasan.

Sebenarnya yang terakhir Tuan Pengerusi butiran 01000 Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah yang telah diperuntukkan sebanyak RM340 juta yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan pada tahun Bajet 2007 sebanyak RM89,150,000,000 diperuntukkan yang terdiri daripada pinjaman. Persoalan di sini ialah kita berterima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan kerana memberi peruntukkan yang begitu besar kepada Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah. Sebenarnya ini adalah selaras juga dengan hala tuju kerajaan negeri di mana soal pembuatan adalah hala tuju yang ketiga yang amat penting.

Dan bagi negeri Sabah, perindustrian ini adalah amat penting untuk menjana pekerjaan supaya belia dan beliawanis kita ini mempunyai pekerjaan. Persoalan saya di sini adalah apakah sebenarnya peruntukkan ini digunakan untuk apa? Apakah ini untuk penyelidikan? Apakah ini untuk mempromosi membawa pelabur-pelabur asing datang ke Sabah? Apakah peruntukkan digunakan untuk modal bagi para usahawan? Sekali lagi, kita mohon penjelasan bagaimanakah peruntukkan ini ataupun apakah peruntukkan ini digunakan untuk prasarana-prasarana baru.

Dengan kata-kata demikian Tuan Pengerusi saya ingin menyokong. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat saya akan cuba membenarkan semua dan untuk membolehkan menteri boleh mempunyai masa yang cukup, perbahasan akan saya akan tamat pada pukul 1 hari esok. Jadi saya harap semua akan beri pertimbangan kepada rakan-rakan yang lain. Pukul 2.30 petang esok Yang Berhormat Menteri akan diberi peluang untuk menjawab. Jadi sekarang saya akan beri peluang kepada semua yang ingin berucap.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah, Sila.

**5.18 ptg.**

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi saya tidak akan berucap panjang. Saya ingin merujuk kepada butiran 02000 Unit Perancang Ekonomi. Walaupun di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kita dengar banyak pengumuman berkenaan projek-projek. Sebanyak 880 projek yang berbilion tetapi mereka di akar umbi apabila saya melawat mereka kontraktor-kontraktor bukan bumiputera, mereka kata kerajaan sekarang miskin tiada duit, miskin dia kata kerja buat tetapi tidak terima bayaran sudah tiga bulan. Kerajaan sangat miskin. Saya kata bukankah sudah diumumkan bekalan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ada ini bajet Belanjawan juga akan dilaksanakan nanti. Dia kata ada projek tetapi sudah buat kerja tiada bayaran.

Bagaimana kita nak siapkan projek kerajaan, apabila kami tak terima bayaran yang tertunggak tiga bulan? Saya tanya siapa tak bayar Tuan Pengerusi, siapa tak bayar? Dia kata sama ada *main-con* yang tak terima bayaran atau *sub-con*? Rupanya kontraktor bukan bumiputera, kontraktor kecil ialah *sub-sub-con*, dua kali kena *sub*.

Jadi saya pohon pihak kerajaan, kami semua hendakkan pembangunan tetapi janganlah ada dasar polisi yang tidak adil dan diambil kesempatan oleh kontraktor-kontraktor yang tidak bertanggungjawab, kontraktor bumiputera yang tidak bertanggungjawab ini untuk menindas kontraktor-kontraktor yang bukan bumiputera ini, yang tidak boleh mengambil projek secara terus daripada kerajaan.

Kita memang gembira membaca surat khabar Tuan Pengerusi, Petronas mendapat projek, menandatangani kontrak dengan sebuah syarikat di negara China untuk membekalkan gas bernilai RM90 bilion. Pembekalan gas cecair untuk 25 tahun. Itu khabar baik. Sepatutnya kita semua berasa gembira tetapi Tuan Pengerusi, saya amat sakit hati dan sangat kesal. Petronas sebuah syarikat yang besar tetapi projek-projek di bawah Petronas, Universiti Teknologi Petronas yang pernah saya bangkitkan di dalam Dewan ini. Projek-projek yang telah disiapkan oleh kontraktor-kontraktor kecil di Universiti Teknologi Petronas ini masih tidak menerima bayaran mereka.

Apabila saya bangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini, jawapan yang saya terima ialah bahawa kerajaan tidak akan campur tangan di dalam kes-kes ini di mana kontraktor utama atau subkontraktor yang tidak membayar kepada kontraktor-kontraktor kecil ini. Tidak akan campur tangan tetapi akan menasihati tetapi ini Petronas adalah pembekal minyak negara kita. Kepunyaan orang ramai. Mengapa tidak boleh memastikan tidak ada mana-mana anak Malaysia ini tertindas.

Saya rasa amat tidak bertanggungjawab dengan jawapan oleh kerajaan. Jabatan Perdana Menteri menyatakan bahawa tidak akan campur tangan. Saya selalu harapkan Perdana Menteri kita akan menjadi Perdana Menteri untuk semua tetapi mengapa apabila ada isu sedemikian, ada tindasan terhadap subkontraktor bukan bumiputera ini, kerajaan kata tidak akan campur tangan walaupun ini adalah projek-projek kerajaan.

GLC Petronas, yang kita selalu agung-agungkan. Jadi yang saya sangat risau Yang Amat Berhormat selalu kata, "Oh, kita mesti fokus pembangunan. Perbalahan tikam lidah di antara bekas Perdana Menteri Tun Mahathir dengan kerajaan Barisan Nasional sedia ada di bawah pimpinan Pak Lah tidak boleh dipesongkan. Mesti fokus dalam pembangunan".

Akan tetapi saya risau selagi dasar dan polisi pemberian kontrak yang tidak adil, yang mempunyai elemen diskriminasi ini dan tidak sampai kepada mereka yang benar-benar kerajaan mahu bantu bumiputera, yang kerajaan mahu bantu ini. Segala rancangan-rancangan akan tinggal sehelai kertas sahaja, atas kertas sahaja. Banyak projek terbengkalai. Salah satu puncanya adalah kerana mereka kontraktor bumiputera yang tidak bertanggungjawab ini memperoleh projek tetapi tidak menjalankannya dan *sub, sub, sub* kepada yang lain.

Jadi walaupun kerajaan ada umumkan, kementerian ada umumkan bahawa akan lantik subkontraktor secara terus, bayar dengan terus. Bagaimana pula kalau subkontraktor ini *sub* kepada yang lain bukan bumiputera, kontraktor bukan bumiputera? Apakah perlindungan kepada golongan ini? Yang menjayakan dan membantu menyiapkan projek kerajaan Barisan Nasional ini. Apa perlindungan kepada mereka, saya ingin tahu. Dengan lantikan terus subkontraktor? Apakah boleh memberi jaminan bahawa subkontraktor yang dilantik ini tidak akan 'men *sub* kannya' kepada kontraktor bukan bumiputera dan menjadikannya satu skim cepat kaya untuk kontraktor bumiputera atau subkontraktor bumiputera yang tidak bertanggungjawab ini.

Saya pohon penjelasan dalam aspek ini dan saya ingin rujuk kepada Jabatan Audit Negara. Setiap tahun Tuan Pengerusi, ahli-ahli dibekalkan dalam Dewan ini, setiap negeri kali ini ada dua buku. Bayangkan betapa tebalnya dan laporan Ketua Audit Negara. Setiap tahun kita diberi tetapi setiap tahun kita baca perkara yang sama. Kelemahan pengurusan kewangan, pembaziran, kelewatan pelaksanaan projek, hutang-hutang kerajaan negeri, sekarang dah sampai RM2.6 bilion. Apa yang telah diambil tindakan oleh kerajaan, atau kerana permintaan undang-undang untuk membentangkan laporan audit, sebab itu kita bentangkan?

Akan tetapi orang ramai di luar sekarang mempersoalkan apa tindakan selanjutnya yang akan diambil terhadap laporan-laporan audit negara ini. Dan siapa bertanggungjawab di atas kerugian, pembaziran, kelewatan projek-projek ini, adakah mana-mana pegawai yang telah diturun pangkat atau dibuang kerja?

Apakah ACA atau Badan Pencegah Rasuah ada masa untuk menyiasat penyelewengan? Jangan tengok isu sangat jauh, kita tengok MyKad cukup. Kerajaan berkata, "Wah, kita mahu jadi negara pertama ada kad pintar, MyKad". Ingat masa mula-mula diumumkan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sudah menjadi negara pertama. Apa lagi?

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ...Masa diumumkan, buat Kad Pintar Pelbagai Guna, boleh *MEPS* lah, apa jenis darahlah, keadaan kesihatanlah, *driving license* lah, semua maklumat dalam kad pintar, bawa satu kad cukup tetapi tengok kualitinya sehingga membawa kerugian. Laporan audit di mana orang ramai memulangkan kad MyKad. Didapati kualitinya rendah, rosak dan 1.6 juta rugi. Masa percetakan juga kualiti tak baik, lapan juta rosak.

Jadi ini kesilapan dan kelemahan keputusan yang dibuat untuk mengambil kontraktor atau jenis pembekal kualiti yang lemah ini. Siapa bertanggungjawab sekarang? Mereka yang duduk di atas membuat keputusan boleh bebas daripada sebarang tindakan di atas kerugian, kelemahan dan kegagalan untuk memastikan segala projek yang hendak dicapai itu memang memanfaatkan orang ramai. Apa tindakan kerajaan saya nak tahu.

Badan Pencegah Rasuah, sehingga masa ini ada mana-mana pegawai telah di ambil tindakan atau tidak? Saya nampak ini macam skim cepat kaya sahaja. Selalu apabila timbul masalah, sana ada kata kita tak ada cukup peruntukan sebab itu ada kelemahan. Kita tak cukup kakitangan, sebab itu ada kelemahan. Selalu tahu minta duit sahaja tetapi apakah ada *improvement*? Pembaikan di dalam pengurusan dalam pelaksanaan, tiada? Saya tak nampak. Keadaan nampaknya semakin serius. Orang di bawah Perdana Menteri... Ini sekarang kita dengar itu OKU Tuan Pengerusi, datang pejabat saya, birokrasi, kritik.

Yang Amat Berhormat apabila memangku jawatan Perdana Menteri *you always said the right thing most of the time*, dengan izin. Wah! *Think out the box* lah, *tell me the truth* lah, *improve dwi-system* lah, birokrasi lah. *Little Napoleon* patut dihapuskan. *Most of the time, see the right thing*, tetapi kesannya, kata-katanya tidak disambut oleh orang bawahannya dan juga Ahli-ahli Barisan Nasional UMNO. Kami membangkitkan kelemahan tapi sana kata kita memburuk-burukkan negara....

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** [*Menyampuk*]

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Birokrasi Tuan Pengerusi, birokrasi. Apakah hasil siasatan yang telah dijalankan oleh Harvard? Sekumpulan dulu kata mahu *Harvard Team* untuk membaiki birokrasi. Apakah hasil sekarang?...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Batu Gajah jangan emosilah.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** OKU memberitahu saya, sekumpulan OKU datang pejabat saya Tuan Pengerusi, kata dulu masa Mahathir punya *time* lagi baik. Kita punya kewangan kebajikan dari Jabatan Kerja Raya datang pada tepat masa. Ada duit raya juga tetapi sekarang selalu kena potong lewat, tertunggak. Tiada duit raya lagi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Dulu *time* Dr. Mahathir pun hentam juga...

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baru ini memberi harapan begitu tinggi tetapi lupa kah dia sekarang semuanya gagal? Hanya tinggal seruan-seruan, kata-kata laung-laungan yang sedap didengar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat kata satu EPU, panjang juga ya.

**Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tak panjang, saya sebenar ada *point* lagi tetapi sebenarnya amat mengecewakan. Amat mengecewakan, *there's no political will*. Jadi seruan Ahli Barisan Nasional sana kata, bagilah dia masa, dia baru tiga tahun saja tetapi sedikit *improvement* atau perkembangan), kita tak nampak.

Jadi saya haraplah, apa yang telah saya bangkitkan ini boleh dapat satu jawapan dan saya juga berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akan menghormati dan tahu menggunakan *diversity* di dalam negara ini. *Diversity* adalah satu *advantage and should not been seen as a convict*, dengan izin. Kita tengok Datuk Awang..., Yang bahagian terakhirlah Tuan Pengerusi, sabar. Kita tengok masa raya atau masa puasa apabila sektor awam hanya terdiri dari memperkenalkan satu kaum sahaja. Kita menghubungi pihak jabatan, ada masalah kerbau menceroboh tanaman, penternak. Pegawai kata, sekarang bulan puasalah, kita tiada operasi. Sekarang bulan puasa tiada operasi. Lepas itu apabila masa raya, selama seminggu sampah sarap tidak dikutip. *You may see this is very minor thing but it's affecting the public very seriously*, dengan izin.

Dan ini juga menunjukkan kelemahan polisi Kerajaan Barisan Nasional yang bertahun-tahun dan enggan untuk membaikinya. Apabila Pemuda UMNO bising-bising, menjerit-jerit di Pulau Pinang, katanya *be marginalize*, wah dengan masa yang singkat, *special action plan* untuk membantu kaum Melayu yang terpinggir di Pulau Pinang tetapi bagaimana dengan sektor awam? Kelemahannya yang tidak memberi satu *reflect* kan pelbagai kaum. Apa tindakan diambil? Jawapannya, "Oh, *government* tidak berminat untuk menyertai". Itu saja.

Jadi saya haraplah, satu tindakan serius diambil di dalam perkara yang telah saya bangkitkan, satu jawapan yang panjang lebar dan mendalam diberi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Serdang, berapa lama, berapa minit..., berapa minit yang diperlukan, Yang Berhormat?

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Saya ingat 15 minit tak sampai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Esoklah berucap.

**Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10 pagi hari esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.***